

96.2922

WARISAN BUDAYA

UTARA SELATAN

Diselenggara oleh

SH Aidun Haji Shaari

INZURA Haji Kosnin

ISBN: 983-99691-2-9

Sebuah terbitan
Majlis Kebudayaan Negeri,
Kedah Darul Aman,
Pejabat Setiausaha Kerajaan,
Wisma Darul Aman, 05503 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Cetakan Pertama 1995

© Hakcipta: Para Penulis

Hakcipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari penerbit.

Perunding Penerbitan:
Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad.
Rekabentuk: Noorjaya
Rekaletak: Perunding DTP

ABB738531

U 3 JAN 1995

NASKHAR PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh:
Victory Enterprise

Kandungan

HUBUNGKAIT KEDAH DARUL AMAN & JOHOR DARUL TAKZIM DARI ASPEK SEJARAH, SOSIO-BUDAYA DAN POLITIK <i>Wan Shamsudin Mohd Yusof</i>	1
PENULIS-PENULIS MUTAKHIR JOHOR <i>Shapiai Mohd. Ramly</i>	17
PERKEMBANGAN PENULIS MUTAKHIR KEDAH <i>Puzi Hadi</i>	31
CERITA RAKYAT DAERAH SEGAMAT <i>Drs. Ungku Mohd. Zaman Tahir</i>	47
WARISAN SENI BUDAYA KEDAH DARUL AMAN: TINJAUAN TERHADAP BUDAYA BENDA KOLEKSI MUZIUM NEGERI <i>Siti Zainon Ismail</i>	63
KISAH PELAYARAN KE RIAU: SATU PENGENALAN DAN ANOTASI <i>M. A. Fawzi Basri</i>	77
PERANAN DAN PERKEMBANGAN NEGERI KEDAH DALAM PEMBINAAN TAMADDUN DI NUSANTARA <i>Tengku Luckman Sinar, SH Ibnu Tuanku Sulaiman Syariful Alamsyah</i>	99

BAHASA RAHSIA BERMULA DI JOHOR? <i>Azizul Rahman Abdul Rahman</i>	115
WARISAN SASTERA KEDAH DARUL AMAN <i>Hafiz Arif</i>	123
GAMBARAN PAKAIAN KERAJAAN MELAYU JOHOR-RIAU ABAD KE-17 HINGGA 19 <i>Siti Zainon Ismail</i>	133
PERANAN CENDEKIAWAN ISLAM KEDAH DALAM PEMBINAAN BUDAYA BANGSA <i>Fatimah Ali</i>	145
MAJOR DATUK HAJI MOHD. SAID B. HAJI SULAIMAN: PERANAN DAN KARYANYA DALAM SEJARAH PERSURATAN DAN KESUSASTERAAN MELAYU MODEN <i>M. A. Fawzi Mohd. Basri</i>	159
BUDAYA KEDAH DARUL AMAN DAN PENGARUHNYA TERHADAP UMAT ISLAM DI WILAYAH BERBATASAN BAHAGIAN SELATAN THAILAND <i>Drs. Suntad Sareming (Nuruddin Idris)</i>	171
NILAI ESTETIKA DALAM GHAZAL DAN KEMPELINGAN <i>Mohd Zamri Sabran</i>	181
PERTAPAKAN DAN PENYEBARAN ISLAM DI NEGERI KEDAH <i>Wan Shamsudin Mohd. Yusof</i>	189

PRAKATA PENERBIT

SYUKUR kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah taufiq dan hidayah-Nya, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman masih mempunyai kekuatan untuk bergerak dari langkah ke langkah, menyusun aktiviti dari semasa ke semasa bagi menggembur, menyemarak dan menghidupkan kebudayaan di Negeri Jelapang Padi yang sekarang ini sedang bergerak ke arah Negeri Ilmu Dan Budaya.

Dialog Utara Selatan I yang diadakan di Universiti Utara Malaysia pada 6-8 Mei 1993 ini mempertembungkan dua budaya dan tamadun yang berakar umbi di dua negeri yang terpisah jauh iaitu Negeri Kedah Darul Aman dan Johor Darul Takzim. Aktiviti yang dianjurkan bersama oleh Majlis Kebudayaan Negeri bagi kedua-dua negeri yang dihadiri oleh budayawan dan juga sasterawan masing-masing ini memperlihatkan dua tradisi tamadun budaya yang kukuh dengan menonjolkan identiti masing-masing. Walaupun di sana sini terdapatnya persamaan-persamaan tertentu, tetapi di dalam persamaan ada perbezaan, di dalam perbezaan ada kelainannya.

Majlis Kebudayaan bagi kedua-dua Negeri Kedah Darul Aman dan Johor Darul Takzim memikirkan betapa perlunya aktiviti yang sangat memberi manfaat dan bererti ini bagi membina satu rangkaian mutiara yang akan menjamin kesinambungan budaya bangsa yang sama-sama dimiliki, di samping membina satu jambatan keemasan yang akan sentiasa menggabungkan kedua-dua negeri dalam kontek menggali, mengenengah dan menonjolkan budaya masing-masing sebagai asas kepada kekuatan budaya negara Malaysia sendiri amnya.

Pertembungan dua budaya dari dua negeri yang satunya di utara dan satu di selatan tanahair ini sekiranya diperinci dengan lebih mendalam, ianya seolah-olah menggambarkan kepada kita satu keadaan persaingan yang berterusan semenjak dahulu sehingga

sekarang, sama ada persaingan dari segi kepimpinan politik tanahair, persaingan budaya dan juga bahasa. Di samping itu terdapat satu keadaan yang sangat menarik di antara dua tradisi ini di mana Negeri Johor Darul Takzim yang terletak di selatan tanahair dari segi sejarahnya semenjak dari zaman kuno hingga ke hari ini memiliki tradisi budaya yang halus, sopan dengan peribadi tersembunyi. Berbanding dengan keperibadian dan tradisi budaya Negeri Kedah Darul Aman di utara yang tidak keterlaluan jika dikatakan agak kasar, lantang, berterus-terang dan mempunyai sifat terbuka. Persaingan dan perbezaan ini sebenarnya membentuk keupayaan dan kekuatan budaya masing-masing, berkembang dengan pesatnya menonjolkan identiti dan kewibawaan masing-masing merupakan sumbangan yang besar di dalam perkembangan budaya yang menonjolkan identiti dan kewibawaan negara.

Walaupun budayawan-budayawan, pengkaji-pengkaji atau cerdik pandai peringkat nasional telah begitu jauh ke hadapan meneroka, mengkaji dan menganalisa budaya bangsa kita yang tersisih dan berkembang di seluruh pelusuk dunia, kita mempunyai pandangan bahawa di dalam negeri sendiri, di dalam kelompok bangsa kita di bumi induk ini sendiri masih terlalu banyak perkara yang harus dikaji, digilap, ditonjol dan dimanfaatkan sebagai satu warisan yang bermakna.

Insyallah Tradisi Dialog Utara-Selatan di antara Kedah Darul Aman dan Johor Darul Takzim ini akan berterusan menurut kesesuaian masa secara bergilir-gilir di antara Kedah Darul Aman dan Johor Darul Takzim dan pengisiannya itu terpulanglah kepada generasi dari kedua-dua negeri ini yang akan menanganinya kelak. Apa yang penting dan menjadi hasrat dan cita-cita Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman dan Johor Darul Takzim setiap penghasilan pertembungan dua budaya ini akan dikumpul dan dibukukan sebagai kha-

zanah penting yang akan menjadi warisan kepada generasi yang akan datang supaya di dalam keasyikan dan keghairahan generasi wawasan menumpukan perhatian kepada cita-cita kemajuan dan kekayaan, mereka tidak lupa memahami dan memanfaatkan akar umbi budaya dan tamadun bangsa sendiri.

Semoga Dialog Utara-Selatan I yang menghasilkan Warisan Budaya Utara-Selatan ini akan mendukung, mengilik dan mengusung pengertian yang seluas-luasnya.

ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

*Setiausaha Majlis Kebudayaan Negeri
Kedah Darul Aman.*

*Hubungkait Kedah Darul Aman & Johor Darul Takzim Dari Aspek Sejarah, Sosio-Budaya Dan Politik

Oleh Wan Shamsudin Mohd Yusof

DARI sudut geografi kedudukan Negeri Kedah Darul Aman yang terletak jauh di utara Semenanjung dan Johor Darul Takzim pula berada jauh di selatan, seolah-olah tidak mempunyai sebarang kaitan langsung dalam beberapa aspek tertentu. Bagaimanapun ternyata anggapan ini tidaklah benar seandainya kita selongkari dan dalam fakta-fakta bertulis mengenai sejarah, perkembangan sosio-budaya dan politik yang dihasilkan di kedua buah negeri ini sejak zaman silam.

Karya-karya yang dimaksudkan itu termasuklah teks sejarah dan historiografi di samping hukum kanun atau undang-undang. Di Johor karya-karya tersebut termasuklah Sulalatus-Salatin atau Sejarah Melayu, Tuhfat Al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis, Hikayat Johor, Kisah Pelayaran Munsyi Muhammad Ibrahim, Gurindam Dua Belas dan lain-lain yang dihasilkan zaman Empayar Johor di abad ketujuh belas hingga ke abad dua puluh.

Di Kedah pula, karya-karya yang muncul sejak abad 17 termasuklah *Undang-undang Kedah*, *Hikayat Merong*

* Dibentang dalam *Dialog Budaya Utara-Selatan di UUM, Sinruk, Kedah 6 - 8 Mei, 1993*

Mahawangsa, Tareh Kerajaan Kedah, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan yang berbentuk puisi seperti *Syair Sultan Maulana* dan *Syair Duka Nestapa*. Karya-karya ini disamping melukiskan sejarah tempatan masing-masing maka sedikit sebanyak disentuh juga hal-hal yang memperlihatkan adanya hubungan di antara kedua negeri ini dalam beberapa aspek yang dinyatakan tadi.

Teks 'Sejarah Melayu' atau nama asalnya 'Sulalatus-Salatin' oleh Tun Seri Lanang, Bendahara Paduka Raja, Johor yang memulakan penulisannya dalam tahun 1612 itu mengandungi dua catatan mengenai Kedah. Walaupun tidak banyak, namun ia memberikan sumber penting yang dapat menambahkan lagi fakta sejarah Kedah. Kesan-kesan dari catatan itu juga pernah dirumuskan oleh para penyelidik dan sejarawan awal, dan ini menghasilkan perbincangan yang amat menarik dalam skop yang lebih luas.

Catatan pertama dari buku tersebut terdapat sebuah puisi atau pantun empat kerat yang pertama dimuatkan oleh pengarang dalam bukunya itu berbunyi:

*"Telor itik dari Singgora,
Pandan terletak dilangkahi;
Darahnya titik di Singapura,
Badannya terhantar di Langkawi."*¹

Yang hendak diperkatakan di sini bukanlah teknik atau bentuk dan isi mengenai pantun itu tetapi nama-nama tempat atau gabungan negeri-negeri yang diutarakan seperti Singgora, Singapura dan Langkawi. Nama-nama tempat yang diungkapkan itu menunjukkan memang sudah terkenal pada waktu itu iaitu sejak abad ketujuh belas lagi. 'Singgora' (Senggora) atau kini 'Songkhla' waktu itu adalah sebuah kerajaan Melayu merdeka yang terkuat dan berada di puncak kegemilangan-

nya, diperintah oleh Sultan Sulaiman Syah². Sehingga kinipun Singgora memang terkenal dengan ekspot telur itiknya. 'Singapura' atau sebelum itu bergelar 'Temasik' adalah salah sebuah negeri dalam Empayar Kesultanan Melaka yang akhirnya menjadi sebahagian dari Empayar Johor. Sebelum wujudnya Kesultanan Melaka, Singapura sudahpun menjadi negeri yang diperintah oleh beberapa orang raja, sebelum ianya ditewaskan oleh armada Majapahit.³

'Langkawi' pula adalah sebahagian dari jajahan Kedah yang mempunyai pembesar khas dilantik untuk mentadbir pulau itu bergelar "Dato' Pekerma Jaya". Waktu itu Kedah diperintah oleh Sultan Sulaiman Shah (1602-1620) berpusat di Kota Siputih.⁴ Zaman itu Kedah terkenal dengan penanaman dan penghasilan lada terutama di Pulau Langkawi yang menjadikan sebab utama menga-pa Aceh menyerang Kedah.

Catatan kedua dari teks Sejarah Melayu mengenai Kedah ialah melaporkan betapa seorang Raja Kedah (tanpa menyebut namanya) melakukan kunjung hormat ke istana Melaka di zaman Sultan Mahmud Shah (1488-1511), menjelang pada saat-saat kejatuhan Melaka. Jika diusul kembali sejarah Kesultanan Kedah, nama Raja Kedah yang tidak disebut oleh Tun Seri Lanang itu ialah Sultan Mahmud Shah II (1506-1546) yang juga berpusat di Kota Siputih.⁵ Dikisahkan bahawa Bendahara Tun Mutahir (Bendahara Seri Maharaja) pernah menegur anaknya Tun Hasan Temenggung mengajak Raja Kedah memakan sisa santapannya (Bendahara).⁶

Episod ini sudah pasti tidak menyenangkan orang Kedah, tetapi mengingatkan inilah satu-satunya ciri yang lumrah terdapat kepada penulis-penulis teks historiografi Melayu silam yang mempunyai motif-motif tertentu, maka lukisan seperti ini sama ada benar atau tidaknya, tidaklah dianggap keterlaluan. Peristiwa untuk menjulang keagungan seorang pemerintah atau kerajaan di ne-

geri penulis itu sendiri dan merendah-rendahkan kerajaan lain memang banyak dapat dikesan dari teks ini dan teks-teks lain yang segolongan dengannya.

Pada bahagian akhir ketika Raja Kedah itu bermohon untuk kembali ke Negeri Kedah, penulis menyatakan: "Maka oleh Sultan Mahmud Syah Raja Kedah dianugerahi persalinan dan dinobatkan sekali".⁷

Pada peristiwa inilah sejarawan R.O. Winstedt mengaitkannya dengan sejarah kedatangan Islam ke Kedah yang pada hematnya Kedah waktu itu baru saja memeluk Islam.⁸ Winstedt akur dengan tarikh 1474 yang disarankan oleh seorang sejarawan terawal Aceh sebagai bermulanya pertapakan Islam di Kedah.⁹ Kenyataannya ini dituruti pula oleh sejarawan Barat lain dan juga tempatan sehinggalah di akhir-akhir ini.

Sebenarnya kesahihan fakta ini sudahpun dipertikalkan dan sekarang tidak dapat diterima lagi, kerana Kedah waktu itu (1474) sudah lama menerima Islam, Sultan Mahmud yang berkunjung ke Melaka itu merupakan Sultan Kedah yang kesepuluh. Sultan Kedah yang pertama memeluk Islam ialah Sultan Mudzaffar Shah pada tahun 1136 (531 Hijrah).¹⁰ Seperti juga dengan Terengganu terbukti memeluk Islam mendahului Melaka maka begitu juga halnya dengan Kedah apabila penemuan-penemuan baru seperti artifek dan sebagainya dijumpai di waktu kebelakangan ini. Kita amat bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa, "Melaka bukanlah negeri yang pertama menerima Islam tetapi ia merupakan pusat penyebaran dan pengembangan Islam yang utama di alam Melayu".¹¹

Dari sudut pergolakan politik dan sejarah jatuh bangunnya pemerintahan beraja, Johor dan Kedah mengalami suasana dan nasib yang serupa. Misalnya bencana pengaruh kekuasaan Iskandar Muda (Mahkota Alam) dari Aceh (1607-1636) dan kekuatan armadanya, sama-sama dirasai oleh kedua-dua negeri ini di samping Perak

dan Pahang turut menjadi sasarannya. Dalam tahun 1613, Batu Sawar yang menjadi ibu negeri Johor pada waktu itu dimusnahkan oleh Aceh.¹² Sultan Alauddin Riayat Shah dan saudaranya Sultan Abdul Jalil Mughayat Shah termasuk Bendahara Tun Seri Lanang ditawan ke Aceh dan kemudiannya dibebaskan.

Dalam tahun 1619, Kedah pula menjadi sasaran rencana perluasan wilayah Iskandar Muda, Aceh. Sultan Sulaiman Shah (102-1620) dan permaisurinya termasuk beribu rakyat Kedah ditawan dan dibawa ke Aceh. Baginda kemudiannya mangkat dan dimakamkan di Aceh. Di sebalik serangan Aceh itu terdapat cerita berunsurkan tradisi lisan yang berbeza dengan penulisan sejarah. Misalnya motif serangan Aceh ke Kedah itu dikaitkan dengan peristiwa menarik mengenai "Puteri Berdarah Putih" yang enggan diserahkan oleh Sultan Kedah. Sementara dalam buku *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula menyatakan serangan Mahkota Alam itu dapat dihindarkan melalui helah kebijaksanaan Mufti Kerajaan Kedah waktu itu bernama Syarif Aznan, sehingga musuh yang digeruni itu dapat dijinakkan, dan angkatan Mahkota Alam itu disambut masuk ke Istana Kedah dari perhentian di Pulau Panjang dengan penuh kebesaran dan istiadat.¹³

Kesan-kesan serangan Aceh di Kedah dan Johor memang banyak terdapat. Misalnya selain dari cerita-cerita lisan yang luas tersebar di Kedah, terdapat sepucuk meriam tembaga yang diabadikan di Padang Kota Lama, Pulau Pinang adalah satu-satunya kesan serangan Aceh di Johor tetapi artifeknya berada di luar negeri Johor. Yang menariknya pada meriam kepunyaan Johor bergelar "Si Rambai" itu ialah adanya pahatan inskripsi dalam tulisan Jawi berbunyi demikian:

*"Si Rambai: tawanan kita Seri Perkasa Alam
Johan Berduulat tatkala menitahkan Orang*

*Kaya Raja Lela Wangsa akan mengamuk ke
Johor sanah hijrah 1023".¹⁴*

Sebelum memasuki era moden, Kedah dan Johor paling banyak sekali mempunyai pusat-pusat pentadbiran atau ibu negeri. Pertukaran ibu negeri silih berganti ini disebabkan pemilihan yang berdasarkan kepada faktor-faktor strategi atau pertahanan, kepentingan ekonomi dan kesesuaian dari segi geografi atau faktor-faktor luaran seperti sering menerima ancaman dan serangan musuh yang mengakibatkan kehancuran ibu kota tersebut. Sejak wujudnya Kesultanan Kedah pada tahun 1136, Kedah mempunyai lapan pusat pemerintahan iaitu Kota Bukit Meriam, Kota Sungai Emas, Kota Siputih, Kota Naga, Kota Sena, Kota Indera Kayangan, Kota Bukit Pinang, dan akhirnya Kota Setar atau Alor Setar yang diasaskan oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah pada 15 Syaaban 1148 Hijrah¹⁵ (31 Disember 1735).

Di Johor pula tempat-tempat ini pernah menjadi pusat pentadbiran sejak 1512 lagi iaitu Bentan, Sayong Pinang, Johor Lama, Bukit Seluyut, Batu Sawar, Lingga, Makam Tauhid, Riau, Kota Tingi, Panchor, Telok Belanga, dan akhirnya Tanjung Puteri atau Johor Bahru yang diasaskan oleh Temenggung Daeng Ibrahim tidak lama sebelum baginda mangkat dalam tahun 1862.¹⁶

Sesudah Aceh, terdapat dua lagi kuasa tempatan di Nusantara ini yang cuba bersaing hebat dalam meluaskan pengaruh masing-masing di sekitar abad 18 iaitu Bugis dan Minangkabau. Kedah dan Johor sekali lagi menjadi medan pertempuran mereka. Bezanya, di Johor Bugis berjaya menapakkan pengaruh mereka setelah menewaskan Minangkabau yang diketuai oleh Raja Kecil. Hasilnya mereka memperolehi jawatan Raja Muda (Yamtuan Muda) berpusat di Riau sejak tahun 1722. Di Kedah, serangan Bugis sebanyak tiga kali sepanjang

zaman Sultan Muhammad Jiwa (1710-1778). Serangan pertama dan kedua berjaya menamatkan pengaruh Minangkabau walaupun wiranya Daeng Parani terbunuh. Serangan terakhir berlaku dalam tahun 1770 dikatakan berpunca dari keengganan Sultan Muhammad Jiwa melangsaikan hutang yang dijanjikan kepada Bugis iaitu sebanyak 12 bahara ringgit sewaktu Daeng Parani membantu baginda dalam tahun 1723-1726 dahulu.¹⁷

Walaupun serangan Bugis ke Kedah tahun 1770 itu gagal meletakkan pengaruh mereka di Kedah, namun mereka berjaya membakar hangus ibu kota Alor Setar termasuk istana dan Balai Besar serta padi di sawah. Sultan Muhammad Jiwa terpaksa menyelamatkan diri di Kayang (Perlis) dan dari sana akhirnya membuka jalan kepada perhubungan antara Kedah dan Inggeris buat julung-julung kalinya setelah Perjanjian Persahabatan dan Pertahanan dimeteraikan dalam bulan April 1772.¹⁸ Implikasi jangka panjangnya membawa kepada pengambilan Pulau Pinang oleh Inggeris dalam tahun 1786.

Betapa hebatnya serangan Bugis pimpinan Raja Haji itu dapat dilihat dari kandungan surat Sultan Muhammad Jiwa kepada Kapten Francis Light yang berada di Salang (Phuket). Baginda tidak berupaya memenuhi kehendak Light untuk membeli beras sebanyak yang dikehendaki, kerana menurutnya:

"Demikian lagi beras di dalam negeri Kedah hingga helanja makan sahaja, seratus dua ratus gantang boleh dicat(hajri, jika sekiranya empat lima koyan hendak beli tiada tempatnya. Demikianlah hal negeri Kedah kerana baharu sangat lepas kesukitan lapar itu."¹⁹

Winstedt ketika mengulas kandungan teks *Hikayat Merong Nahawangsa* pada episod serangan Raja Kelana Hitam ke Kedah pada zaman pemerintahan Raja Pra Ong Mahapodisat, menyatakan Raja Kelana Hitam itu adalah dilambangkan kepada tokoh Raja Haji, pahlawan

Bugis yang mengetuai armada Bugis menyerang Kedah pada kali terakhir itu.²⁰

Dalam *Hikayat Terung Pipit* satu-satunya teks sastra panglipurlara yang terkenal di utara Semenanjung telah memuatkan serangan Terung Pipit, wira dari Lindungan Bulan Kedah Tua ke Johor Mengkaleh Tanah Jaktu bertujuan membalas serangan atau pengkhianatan yang dilakukan oleh musuhnya sebelum itu.²¹ Kisah ini juga berkemungkinan satu tindakbalas Kedah terhadap Bugis yang berpengkalan di Riau-Johor. Walaupun pada hakikatnya serangan balas Kedah terhadap Bugis itu tidak pernah berlaku, namun ia seolah-olah merupakan satu eskapisma atau pelarian dan khayalan pencerita semata-mata, untuk melepaskan geramnya maka dihasilkanlah cereka yang sedemikian rupa.

Berdasarkan teks Sejarah Melayu, Melaka juga seperti Kedah, sering diancam oleh Siam dalam abad kelima belas yang mendakwa Melaka, Temasik dan Pahang adalah sebahagian dari kepunyaannya. Di zaman Sultan Muzaffar Shah (1446-1459), Siam melancarkan serangannya ke Muar dan Batu Pahat yang ketika itu menjadi jajahan Melaka tetapi dapat digagalkan oleh Tun Perak.²² Begitu juga Pahang yang pernah direbut oleh Sultan Mansur Syah²³ dalam tahun 1459 telah cuba direbut kembali oleh pihak Siam di zaman Sultan Mahmud tetapi dapat digagalkan oleh Bendahara Seri Maharaja, Tun Mutahir.²⁴

Di Kedah, ancaman Siam berlaku sejak awal dan berkemuncak pada 12 November 1821 apabila tentera Ligur/Siam menyerang dan menawan Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II²⁵ kehilangan takhta dan terpaksa berkelana di luar negeri, di Pulau Pinang dan Melaka hampir selama 20 tahun akibat Perjanjian Burney (1826) antara pihak Siam dan Inggeris. Akibat beberapa serangan wira Kedah ke atas tentera Siam di Kedah terutamanya serangan Tunku Kudin 1828-1831 dan

berkemuncak pada tahun 1838-1839, serangan yang dipimpin oleh Tunku Muhammad Saad, akhirnya pihak Siam terpaksa tunduk kepada tekanan Inggeris supaya membenarkan Sultan Ahmad Tajuddin kembali ke takhtanya semula (1841). Tentera Ligur diundurkan dari Kedah. Walaupun Siam masih menaunginya, namun hubungan kedua Kerajaan berjalan dengan akrab sehinggalah ke tahun 1909 apabila ketuanan Siam berpindah kepada Inggeris.

Dasar amalan penjajah "pecah dan perintah" telah juga dialami oleh Kedah dan Johor. Sewaktu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah kembali ke Kedah, keluasan Kedah menjadi bertambah kecil. Wilayah Setul termasuk pulau-pulau di perairan utara Kepulauan Langkawi seperti Pulau Adang, Terutau dan lain-lain di samping Perlis diasingkan dari Kedah sementara Kubang Pasu diserahkan kepada Tunku Anom atas sebab-sebab tertentu. Tunku Anom merupakan Raja Negeri Kubang Pasu yang menggunakan gelaran 'Kubang Pasu Darul Qiyam'.²⁶ Bagaimanapun Kubang Pasu kembali ke pangkuan Kedah dalam tahun 1864. Keadaan ini samalah seperti Daerah Kesang-Muar di Johor yang terpisah dari Johor (1855) diberikan kepada Tunku Ali putera Sultan Husin Syah memerintahnya, tetapi dalam tahun 1895 daerah itu bersatu semula dengan Johor.

Di Johor, dasar 'pecah dan perintah' juga berlaku akibat dari Persetiaan Inggeris-Belanda yang dimenteraikan di London pada 17 Mac 1824 yang membahagikan Empayar Johor kepada dua kawasan pengaruh dengan dibatasi oleh Garisan Bujur Sifar Darjah. Kepulauan Riau dan Lingga di selatan Singapura menjadi kawasan pengaruh Inggeris di samping kedua pihak bersetuju menukar Melaka dan Bangkahulu (Bengkulen) di Sumatera Barat untuk mengimbangi pengaruh masing-masing di sekitar Selat Melaka.²⁷

Semasa itu negeri Johor masih berada di Telok

Belanga, di zaman pemerintahan Temenggung Daeng Ibrahim putera Temenggung Abdul Rahman (1825-1862) memperlihatkan hubungan Kedah dan Johor begitu erat. Ini dapat dibuktikan dari pengambilan reka fesyen pakaian Johor iaitu baju kurung yang dipakai oleh kaum lelaki. Sehingga hari ini potongan baju tersebut dikenali sebagai 'Baju Telok Belanga' walaupun dari sudut lain terdapat sedikit perbezaan.

Sekitar tahun 1850an adalah merupakan era pembangunan dan pemodenan di Johor dan Kedah walaupun kedua buah negeri ini berada di luar kawalan Inggeris di Semenanjung. Ini adalah disebabkan kestabilan politik dan ekonomi yang dimiliki oleh mereka. Kedua negeri ini terhindar dari kancas rebutan kuasa atau takhta yang serius seperti yang berlaku pada waktu itu di empat buah negeri di Semenanjung sehingga meletusnya Perang Perak, Perang Kelang, Perang Sungai Ujung dan Perang Pahang yang kesemuanya berkisar kepada Perang Saudara. Dan ini tidak ada alasan atau peluang untuk Inggeris campurtangan di kedua buah negeri tersebut.

Di Kedah, permodenan di segi pembangunan dan pentadbiran sudah bermula sejak zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879) dan diperluaskan lagi di zaman puteranya, Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) dengan tertubuhnya Majlis Negeri (State Council) pada tahun 1905. Perkembangan pendidikan dan ekonomi juga pesat berlaku. Satu-satunya projek pertanian yang dihasilkan sebelum masuknya teknologi moden telah dijayakan oleh Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail, Perdana Menteri Kedah sekitar 1870-1898 iaitu dengan terbinanya terusan sepanjang 34 kilometer, dari Alor Setar ke Gurun yang dikenali sebagai 'Terusan Wan Mat Saman'. Seperti juga di Johor, Kedah mampu mengadakan pegawai-pegawai Melayu yang berkebolehan. Sejak sebelum campurtangan Inggeris lagi, setiap daerah ditadbir oleh pegawai-pegawai Melayu. Bahasa Melayu

dan tulisan Jawi masing-masing menjadi bahasa dan tulisan rasmi di Kedah dan ini diperkuatkan lagi dalam Perjanjian Persahabatan Kedah-Inggeris pada 1 November 1923.²⁸

Di Johor, proses pembangunan dan pemodenan berlaku sejak zaman Temenggung Daeng Ibrahim dan dipesatkan lagi oleh puteranya, Sultan Abu Bakar (1862-1895). Baginda berjaya menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Menteri. Salah satu pembangunan ekonomi untuk meneroka kawasan-kawasan pendalaman dan dimajukan ialah menerusi pengenalan 'Sistem Kangcu'. Sehingga ke zaman Johor masuk di bawah pengawalan Inggeris (1914), kebanyakan pegawai-pegawai pentadbir adalah terdiri dari orang-orang Melayu.²⁹ Kegigihan pemerintahan di kedua negeri dalam memodenkan negeri masing-masing sudah selayaknyalah Sultan Abu Bakar digelar "Bapa Johor Moden" sementara Sultan Abdul Hamid mendapat gelaran "Bapa Kedah Moden".

Di Kedah, sistem pendidikan atau persekolahan pondok berkembang sejak pertengahan abad kelapan belas seperti juga dengan Kelantan dan Terengganu. Di antara pelajar yang datang dari seluruh Semenanjung termasuklah juga mereka yang datang dari Johor. Satu-satunya perkampungan pondok yang terawal dibuka berhampiran bandar Alor Setar ialah 'Pondok Tok Syaikh Jarum, Derga'. Perkampungan Pondok ini musnah dalam satu kebesaran besar yang berlaku dalam tahun 1909 berpunca dari sebuah pondok yang penghuninya orang Johor.³⁰ Pondok Syaikh Abdullah Masri di Tanjung Inggeris, Langgar (kira-kira 9 kilometer dari Alor Setar) juga terdapat ramai orang Johor menuntut di situ sejak sebelum perang. Salah seorang ulama Johor yang mendapat pendidikan di Pondok itu ialah Tuan Haji Siddiq, bekas Kadi Daerah Muar.³¹

Sehubungan dengan perkembangan ulama dan persekolahan pondok di Kedah, terdapat ramai di kalangan

ulama itu yang muncul sebagai pengarang, dalam usaha meluaskan lagi penyebaran pelajaran agama Islam di kalangan masyarakat Islam. Antara mereka yang amat produktif menghasilkan kitab dan risalah termasuklah Tuan Husin Kedah (1863-1936), Haji Wan Sulaiman Wan Sidiq (1874-1935), Syaikh Ismail Haji Salih (1894-1945), dan Haji Abdullah Abbas Nasution (1912-1987). Satu-satunya Kitab Tauhid tertua yang dapat dikesan setakat ini telah dihasilkan pada abad ketujuh belas iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1620-1652) yang berpusat di Kota Siputih.

Sungguhpun Kitab Tauhid ini tidak dapat dikesan judulnya kerana halaman bahagian awalnya belum diketemukan, namun pada halaman akhirnya tertera nama penulisnya iaitu Ahmad bin Aminuddin Qadhi (Kedah) dan selesai ditulis pada waktu asar, bulan Rabiula, hijra an-Nubuawah sanah 1032.³² Tarikh ini bersamaan dengan bulan Januari 1623 dan ini mengarahkan kita kepada zaman kemuncak perkembangan penulisan kitab-kitab agama dan sastera di Aceh dan Johor. Di Aceh, zaman ini hidupnya pujangga Syaikh Shamsuddin Al-Sumaterani yang meninggal pada tahun 1629. Ketika Sultan Rijaluddin memindahkan pusat pemerintahan Kedah ke Kota Naga (1626), sebuah teks 'Undang-undang Kedah' dihasilkan pada 17 Jamadilakhir 1060 (17 Jun 1650). Pada awal teks undang-undang itu penulisnya menyatakan,

*"Maka Undang-undang ini diperbuat dari zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah semayam di Naga, muafakat dengan sekalian menteri pegawai dan pendita membicarakan dia supaya tetap adat ini jangantah berubah-ubah...."*³³

Zaman Johor Tua dan Aceh sekitar 1511-1650 itulah terhasilnya beberapa karya teragung seperti 'Sulalatus-Salatin' oleh Tun Seri Lanang (1612), 'Tajus-Salatin' (1603) oleh Bukhari Al-Jauhari dan 'Bustanus-Salatin'

(1638) karya Syaikh Nuruddin Al-Raniri. Namun demikian belum dapat dipastikan sehingga kini siapakah sebenarnya Bukhari Al-Jauhari itu. Winstedt berpendapat beliau adalah seorang ahli batu permata berasal dari Bukhara, Parsi.³⁴ Sementara A.Samad Ahmad lebih menekankan kepada seorang yang bernama 'Bukhari' atau 'Bahari' yang berasal dari Johor.³⁵

Selepas Perang Dunia Kedua, kembalinya Inggeris ke Tanah Melayu dengan gagasan Malayan Union yang menyebabkan tercabarnya maruah dan kedaulatan Raja-raja Melayu di samping terhakisnya hak asasi bumiputera Melayu, maka seluruh Semenanjung bergolak. Di Kedah, rapat raksasa pertama kali diadakan di Padang Court yang dihadiri lebih daripada 50 ribu orang anjuran beberapa Persatuan termasuk Kesatuan Melayu Kedah dan Saberkas, pada 19 Januari 1946. Satu lagi perhimpunan Melayu Kedah berlangsung di tempat yang sama pada 30 Mei 1946 kerana memperlihatkan protes rakyat terhadap gagasan Malayan Union sempena dengan lawatan utusan Parlimen British - Kapten L.D. Gammans dan Left. Kernal Ress-William. Rapat raksasa ini dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman Putera. Dato' Onn Jaafar, Presiden UMNO yang turut serta di perhimpunan ini pernah menegaskan bahawa, "Rakyat Kedah adalah merupakan tulang belakang perjuangan rakyat Melayu Semenanjung".³⁶

Secara kebetulan bahawa dua negeri ini melahirkan tokoh pejuang kemerdekaan dan pemimpin terulung di Semenanjung. Dato' Onn Jaafar dari Johor merupakan pengasas Umno yang lahir di Istana Johor sementara Tunku Abdul Rahman dari Kedah menyambung perjuangan yang dirintis oleh Dato' Onn sehingga tercapainya kemerdekaan tanahair.

Pada kesimpulannya, hubungkait antara Johor dan Kedah dapat dilihat menerusi tiga zaman iaitu:

Pertama : Zaman abad ke-17, ketika berlakunya

-
- ancaman-ancaman dari Aceh, dan Portugis.
- Kedua : Zaman abad ke-18, berlakunya ancaman-ancaman dari Minangkabau dan Bugis di samping Belanda.
- Ketiga : Zaman abad ke-19 dan 20, bermulanya campurtangan dari Inggeris dan Kedah sebelum itu masih di bawah naungan Siam.

Nota Hujungan

1. W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Penerbitan Fajar Bakti, P. Jaya, Cetakan Kelapan, 1982, hal. 51.
 2. Nama penuhnya Sultan Sulaiman ibni Sultan Mudzaffar Syah, menaiki takhta pada tahun 1641. Zamannya juga menandakan berakhirnya Kerajaan Melayu Singgora. Lihat rencana Wan Shamsudin Mohd Yusof, '*Kesan Kerajaan Melayu Singgora*', Berita Minggu, 3 April, 1988, hal. 12.
 3. W.G. Shellabear, hal. 52-53.
 4. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Edisi Jawi, Pulau Pinang, 1927, hal. 57-58.
 5. Muhammad Hassan, hal. 50-51.
 6. W.G. Shellabear, hal. 183.
 7. W.G. Shellabear, hal. 183.
 8. R.O. Winstedt, '*History of Kedah*', dalam JSBRAS, No. 21, 1920, hal. 30-31.
 9. H.M. Zainuddin, *Tarich Atjeh dan Nusantara*, Pustaka Iskandar Muda, Medan, Jilid 1, Cetakan 1, 1961, hal. 256.
 10. Muhammad Hassan, hal. 29-30.
 11. Dr. Shafie Abu Bakar, '*Melaka Sebagai Pusat Penyebaran dan Perkembangan Islam di Alam Melayu*', Kertas kerja untuk Konvensyen 'Melaka Dalam Warisan Dunia', April, 1993.
 12. W.G. Shellabear, hal. 2.
 13. Muhammad Hassan, hal. 68-71.
 14. Sham (Wan Shamsudin Mohd Yusof), '*Meriam Si Rambai di Padang Kota*', Mastika, Februari 1963, hal. 39.
 15. Muhammad Hassan, hal. 207-208.
 16. Wan Shamsudin dan Arena Wari, *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitar*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua, 1968, hal. 75-76, dan 177.
 17. Raja Ali Haji, *Tuhfat Al-Nafis*, Edisi Rumi, Malaya Publications Ltd., Singapura, 1965, hal. 170-172.
 18. R. Bonney, *Kedah 1771-1821, The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, 1974, hal. 40.
 19. Surat ini bertarikh 12 Syaaban 1187, bersamaan 29 Oktober 1773. Koleksi Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
 20. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Edisi Jawi, Pulau Pinang, 1898, hal. 63-70.
 21. Panglima Ali Mudim bin Panglima Hasan, *Hikayat Terung Pipit*, Oxford University Press, 1964, Bab 2-5.
 22. W.G. Shellabear, hal. 67-73.
 23. W.G. Shellabear, hal. 73-75.
 24. W.G. Shellabear, hal. 178-180.
-

25. Sultan Kedah yang ke-21 (1804-1845). Sewaktu dalam pembuangannya di Melaka, baginda menghasilkan sebuah karya puisi berjudul '*Syair Duka Nestapa*' bercorak romantik-simbolik.
26. Berdasarkan geran tanah yang dikeluarkan oleh Tunku Anom dari bandar Pulau Pisang (ibu negeri Kubang Pasu) bertarikh 1850 dan 1852.
27. R.Emerson, *Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Pertama, 1974, hal. 111-112.
28. Muhammad Hassan, hal. 411-412.
29. M.A. Fauzi Basri, '*Kerajaan Negeri Melayu Tidak Bersekutu Tahun 1914: Satu Perbandingan Mengenai Perjawatan dan Organisasi Pentadbiran*', *Malaysia In History*, Vol. 21, Jun 1978, Hal. 49-54.
30. Temubual penulis dengan Ustaz Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman Al-Jarumi (62) di rumahnya di Derga, Alor Setar pada 1.1.1992. Beliau merupakan cucu kepada ulama Tok Syaikh Jarum (Haji Wan Mohd. Idris bin Haji Wan Jamal).
31. Temubual Ustaz Syaikh Neamat Yusof, Mudir Ma'ahad Tarbiah, Derang, Kedah dengan Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdullah Masri, di Langgar dalam tahun 1992.
32. Hj. W.Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pustaka Asia Tenggara, Khazanah Fathaniyah*, Kuala Lumpur, Jilid 2, Cetakan Pertama, 1991, hal. 186.
33. *Undang-undang Kedah*, Naskah Berlin, Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar, 1060 Hijrah (1650), hal. 16.
34. R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hal. 137.
35. A.Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, Hal. 36-37.
36. Akhbar '*Warta Negara*', Pulau Pinang, 31 Mei, 1946.

*Penulis-Penulis Mutakhir Johor

Oleh
Shapiai Mohd. Ramly

KITA harus menyedari bahawa Kesusasteraan Malaysia (Melayu) sedang berkembang. Sekurang-kurangnya kita dapat melihat perkembangan dari segi bertambah banyaknya buku-buku seperti novel, antologi cerpen dan puisi yang diterbitkan. Kita lihat juga, selaras dengan kemunculan buku-buku itu, muncul juga ramai penulis baru. Tetapi, hakikatnya apakah kita boleh berbangga dengan kemunculan penulis-penulis baru itu dan dengan bertambahnya bilangan hasil karya sastera dalam dunia kesusasteraan Melayu ini? Bagaimanakah mutunya?

Persoalan kedua yang ingin penulis bawakan ialah sebagai sebuah negeri yang pernah melahirkan seorang Sasterawan Negara, iaitu Usman Awang, apakah negeri Johor kini masih mampu melahirkan penulis-penulis yang dapat diketengahkan untuk perbincangan? Siapakah penulis-penulis mutakhir selepas Usman Awang itu?

Kalau di utara ada Azizi dan Jihaty Abadi yang begitu prolifik dan gigih berkarya. Bagaimana dengan di selatan? Khususnya Negeri Johor Darul Takzim yang begitu banyak melahirkan penyanyi-penyanyi terkenal

* *Dibentang dalam Dialog Budaya Utara-Selatan di UUM, Sintok, Kedah 6 - 8 Mei, 1993*

seperti Sharifah Aini, Ramlah Ram, Rohana Jalil, Mamat Exist, Emy Search dan Kalthum, tetapi nampaknya untuk mencari beberapa orang penulis Johor yang aktif menulis amat sulit sekali.

Menyentuh tentang siapakah penulis-penulis Johor ini, A. Talib Samat (1993) menyatakan bahawa ada dua kategori penulis yang wujud di Johor, iaitu penulis Johor jati dan penulis Johor dari negeri lain yang menetap/bermastautin dan bertugas di Johor.

Dalam kategori penulis-penulis Johor jati ini termasuklah Shahrom Husein, Rokiah Abu Bakar, Onn Abdul Rahman, Masud Hj. Abd. Rahman, Gunawan Mahmud, Matlob, Zam Ismail, Zahrah Nawawi, Khadijah Hashim, Amida Abdul Hamid, Johan Jaafar, Hanafiah A. Samad, Jumaanoh Abdul Bunga, S.M. Salim Muar, Ungku Zaman Tahir, Inzura Hj. Kosnin, A. Jalil Awang dan lain-lain. Penulis-penulis ini ada yang telah berhijrah dan menetap di negeri-negeri lain kerana bermacam-macam alasan, seperti kerana tugas, perkahwinan dan sebagainya. Mereka adalah terdiri daripada Johan Jaafar, Zahrah Nawawi, Khadijah Hashim, Jaafa HS, Alis Murni, Ali Ahmad (Nora), Talib Samat, Amiruddin Ali, Khairuddin Ayip, Jumaanoh Abdul Bunga dan Zam Ismail. Manakala penulis-penulis yang berasal dari luar Johor termasuklah A. Talib Hassan, Shapiai Mohd. Ramly, Ibrahim Nusi (telah balik ke Terengganu), Dolahsoh, Lim Tiam Hon dan Mohd. Mansur Abdullah.

Melihat deretan penulis-penulis Johor yang agak begitu ramai, kita seolah-olah berasa yakin bahawa tentulah tidak begitu sukar untuk mendapatkan karya-karya besar mereka. Malah memandangkan adanya penulis-penulis itu yang sudah menulis melebihi satu dasawarsa, kita tentu beranggapan, sudah sewajarnya ada sebuah dua cerpen yang sehebat '*Sesudah Perang*' karya Anwar Ridhwan, atau '*Pemimpin Kecil Dari Semantan*' dan '*Mereka Tidak Mengerti*' oleh Keris Mas. Juga dalam puisi ada sajak-

sajak sekuat '*Sungai Mekong*' karya Latiff Mohidin atau '*Dialog*' oleh Kassim Ahmad. Kalau novel pula sekarang-kurangnya ada yang menyamai novel-novel A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad. Lalu, bagaimana dengan cerpen-cerpen mutakhir oleh Zahrah Nawawi, Rogayah A. Hamid dan Gunawan Mahmud? Bagaimana dengan puisi-puisi Zam Ismail, Alis Murni, Jumaanoh Abdul Bunga, A. Jalil Awang dan S.M. Salim Muar? Begitu juga bagaimana dengan novel-novel Ali Ahmad (Nora), Khadijah Hashim, Zahrah Nawawi dan Abdul Talib Hassan?

Di antara penulis-penulis yang sudah menulis lebih satu dasawarsa dan kini masih terus menulis ialah Khadijah Hashim, Zahrah Nawawi dan Abdul Talib Hassan. Manakala bagi penulis-penulis mudanya yang tergolong aktif menulis ialah seperti Gunawan Mahmud, Khairuddin Ayip, Talib Samat dan Amiruddin Ali.

Di tangan Khadijah Hashim masih bermunculan novel-novel seperti '*Bila dan Di Mana*' (telah diulang cetak lima kali), '*Alun Hidup*' (dua kali ulang cetak) dan '*Di Ruang-Mu Aku Di Sini*' (1992).

Dalam novel '*Bila dan Di Mana*' (1992) Khadijah memaparkan dunia suratkhobar melalui watak seorang wartawan wanita bernama Mastura. Dengan bahasa yang mudah dan gaya bercerita yang menarik Khadijah berjaya menggambarkan kehidupan sehari-hari orang suratkhobar yang sentiasa sibuk memburu berita, diugut dan tertekan dengan remeh-temeh perilaku teman sepejabat dan juga ketua editornya. Manakala dalam '*Alun Hidup*' (1991) Khadijah kembali bercerita tentang kehidupan di kampung, iaitu sebuah perkampungan baru di pinggir Sungai Berembang, Melaka. Menyingkap suka duka keluarga Awang sebagai petani yang baru meneroka tanah di hulu Sungai Berembang. Di sini Khadijah cuba berbicara tentang kegigihan Awang dan isterinya Milah menghadapi dugaan dan ancaman ketika meneroka hidup sebagai petani. Apa yang menarik dalam kedua-dua buah

novel ini ialah, Khadijah masih mampu mengekalkan kebolehannya bercerita. Khadijah juga sering menyuguhkan watak-watak wanita yang kuat dan mempunyai azam yang tinggi.

Kalau dalam '*Badai Semalam*' (1968) terdapat watak Mazni yang begitu gigih belajar hingga berjaya, dalam '*Bila dan Di Mana*' pula terdapat watak Mastura yang juga digambarkan sebagai seorang wanita yang gigih menjalankan tugasnya sebagai wartawan. Malah ketajaman pena dan ketegasannya dapat membantu dan menyelesaikan sesetengah masalah masyarakat, seperti membantu sebuah keluarga anak yatim dan menyelesaikan masalah kampungnya yang sering dilanda banjir.

Begitu juga dengan watak 'Milah' isteri Awang, diberi peranan penting dalam novelnya, '*Alun Hidup*'. Malah Milah digambarkan sebagai seorang isteri yang tabah, sekaligus seorang ibu dan petani yang turut turun ke sungai dan ladang untuk membantu kerja-kerja suaminya. Khadijah seolah-olah ingin menyatakan bahawa, tanpa Milah sebagai tangan kanan Awang, sudah tentu mereka tidak akan berjaya meneroka dan memugar tanah. Menyentuh novel ini juga, Siti Aisah Murad (1990), menyatakan Khadijah nampaknya benar-benar meneruskan caranya mengarang novel, iaitu bercerita dengan terperinci pada perkara yang mahu ditekankan seperti juga dia menceritakan suasana di pejabat akhbar dalam novel '*Bila dan Di Mana*' (1991) dan suasana di hospital dalam novel, '*Di Tengah Kabus*'.

Dalam novelnya yang terbaru, '*Di Ruang-Mu Aku Di sini*' (1992) Khadijah cuba pula menyorot watak lelaki, iaitu 'Yahya' anak jati Kedah, yang berjaya dalam perniagaan sahamnya, tetapi rupa-rupanya dia bersama-sama Datuk Malik adalah manusia oportunistik yang mahu hidup mewah sekelip mata. Mereka terlibat dalam penggelapan RM12 juta sebuah bank yang dipengerusikan oleh Datuk Malik sendiri. Amida Abdul Hamid (1993) sewaktu

menyorot novel ini mengulas, Khadijah menangani unsur filosofi dengan berlatarbelakangkan ekonomi antarabangsa. Unsur falsafah ini disulami dengan ciri-ciri novelistik seperti ketegangan, suspen dan subplot yang membantu proses pencerakinan isi filosofi berkenaan di samping penggambaran lanskap yang dibuat dengan teliti dan segar. Melalui novel ini jelas Khadijah mencuba sesuatu yang baru, menyimpang dari kebiasaannya, iaitu melukiskan watak wanita gigih yang berjuang di samping watak lelaki.

Seorang lagi penulis wanita Johor yang terus menulis sejak tahun 60-an dulu ialah Zahrah Nawawi. Zahrah masih menghasilkan cerpen-cerpen seperti, '*Cikgu Hairani*' (DS Jan. 1988), '*Al Kibriah*' (DS Feb., 1989), '*Abang, Isteri dan Anak-Anaknya*' (DS Dis. 1989), '*Biar Kartika Menjadi Saksi*' (DS Jan. 1992), '*Pawana*' (DS Sept., 1992) dan '*Selamat Datang Adzie Farahah*' (1988), '*Panglima Salleh, Selempang Merah*' (1991) dan novel mewah '*Anugerah*' (masih dalam proses percetakan).

Seperti Khadijah, Zahrah juga adalah seorang pencerita yang baik, terutama dalam genre cerpen. Zahrah Nawawi dapat mengangkat kejadian biasa sehari-hari hingga menjadi kisah yang menarik, seperti kisah keluarga dalam, '*Abang, Isteri dan Anak-Anaknya*'. Dalam cerpen ini kisah pertentangan abangnya Hanif dengan adik beradiknya yang lain kerana tidak tahan dengan sikap isterinya yang pemalas, tidak tegas mendidik anak dan tidak suka bercampur dengan orang lain. Dalam '*Al Kibriah*' dan '*Batu, Pasir dan Matahari*' pula mengambil latar Mekah, iaitu kisah suka duka orang-orang yang mengerjakan haji.

Zahrah juga cuba menyentuh dunia kewartawanan dan persuratkhbaran dalam novelnya, '*Selamat Datang Adzie Farahah*'. Seperti juga Khadijah, Zahrah menampilkan watak Adzie yang begitu gigih dengan

cita-cita dan kerjayanya sebagai wartawan. Manakala dalam '*Panglima Salleh*, '*Selempang Merah*', Zahrah cuba menggambarkan kembali kehidupan seorang tokoh terkenal Johor yang hampir-hampir menjadi legenda.

Anwar Ridhwan (1989) semasa mengulas novel ini menyatakan, melalui PSSM ini, matlamat Zahrah Nawawi lebih daripada sekadar bercerita. Cerita dijadikan sebagai alat untuk cuba menyatakan kompleksiti manusia, terutamanya Panglima Salleh, dalam menghadapi pergolakan sosial dan politik di daerahnya. Mula-mula hanya sebagai insan biasa dan pinggir, akan tetapi kian penting dan sentral hasil daripada nilai-nilai spiritual, keberanian dan kepimpinan yang mengalir dalam tubuhnya.

Seorang lagi pengarang yang terus menulis meskipun jauh daripada pembicaraan dan kritikan karyakaryanya, iaitu Abdul Talib Hassan. Kepekaan Abdul Talib Hassan dalam wawasan kehidupan manusia Melayu yang sudah berani bersaling dengan bangsa-bangsa lain terjawab dalam novel-novelnya yang berjudul, '*Pelarian*' (1991), '*Badai Kasih*' (1990) dan '*Saga Dua*' (1993). Dalam '*Pelarian*' terdapat watak Ismail yang begitu gigih berusaha memajukan dirinya, walaupun dia cuma lulusan setakat darjah enam. Dia mengadu nasib ke Kota Kuala Lumpur dan memulakan hidupnya dengan menjadi buruh pembinaan. Berkat kerajinan dan usahanya ingin maju, akhirnya dia berjaya mengubah nasibnya itu. Begitu juga dalam '*Badai Kasih*', Halim akhirnya berjaya menjadi usahawan muda walaupun tercicir dalam pelajarannya. Manakala dalam '*Saga Dua*', digambarkan Rahmat telah pun bergelar Datuk, mempunyai Syarikat Pemaju Perumahannya sendiri, juga dikatakan berjaya mengambil alih syarikat pembuatan pakaian milik asing dengan membeli lebih 80 peratus saham syarikat tersebut.

Daripada perkembangan tersebut penulis berpenda-

pat Abdul Talib Hassan adalah seorang penulis Johor yang paling berjaya setakat ini. Beliau terus aktif menulis khususnya dalam genre novel. Malah setakat ini beliau telah berjaya menghasilkan lebih daripada 20 buah novel. Di antaranya, ialah:

1. Odah (1987)
2. Anjang Aki (1989)
3. Mencari Restu (1988)
4. Wajah-Wajah Pelangi (1989/92)
5. Jelaga (1990)
6. Sekuntum Bunga Sena (1991/92)
7. Mega-Mega (1991/92)
8. Bebayang Ungu (1991/92)
9. Arani (1991/92)
10. Di Rahang Sumpah (1992)

Selain daripada menulis novel, Talib juga adalah seorang yang berbakat dalam penulisan skrip drama dan cerpen. Apa yang penting di sini ialah kemampuan Abdul Talib Hassan, terserlah dalam empat buah novelnya yang paling berjaya, iaitu:

1. Saga
2. Pelarian
3. Warisan
4. Saga Dua

Melalui keempat-empat novel ini, Abdul Talib Hassan mempertahankan identitinya sendiri, melalui cara dan gaya berceritanya yang diperkenalkannya dalam novelnya yang pertama 'Saga'. Selain itu, Abdul Talib juga berjaya mengungkapkan suatu tema besar, iaitu perjuangan orang-orang Melayu dalam menuntut dan mempertahankan kemerdekaan dalam sebuah novel paling tebal (802 halaman) yang berjudul 'Warisan'. Apa yang ingin dikemukakan dalam 'Warisan' ialah betapa Inggeris (penjajah) telah mencorak-caritkan kehidupan kita orang-orang Melayu. Megat Ngah sebagai manusia Melayu, yang mewarisi nilai-nilai kemelayuannya, di-

gambarkan sebagai orang yang serba tahu. Berbakat dalam seni, seperti seni tari, silat dan drama bangsawan. Megat Ngah juga terlibat dalam penentangan Malayan Union, bekas pelajar SITC Tanjung Malim, menjadi Ahli Angkatan Kesatuan Muda, pernah keluar masuk penjara, baik ketika penjajahan Inggeris atau sewaktu pemerintahan Jepun.

Kehidupan Megat Ngah adalah kehidupan orang-orang Melayu. Orang Melayu yang pernah dijajah oleh Inggeris. Inggeris yang digambarkan melalui watak Clifford Thompson dan Micheal Thompson, adalah watak-watak yang bertanggungjawab mengkuar-kacirkan sebuah saga keluarga Megat Ngah. Esmawi, Esmond, Tengku Norean dan Naemah adalah mangsa-mangsa sejarah masa lalu itu. Mereka terlibat dalam persoalan identiti orang-orang Melayu kini. Masa lalulah yang mencorakkan mereka.

Persoalan '*Warisan*' adalah lebih luas daripada persoalan menuntut kemerdekaan seperti dalam '*SANDERA*' (Arena Wati). Bukan juga persoalan kehidupan selepas perang seperti dalam '*SALINA*' (A.Samad Said). Warisan membawa persoalan orang Melayu yang ingin membina semula identitinya sendiri selepas sekian lama dijajah. Watak Megat Ngah adalah lambang manusia Melayu yang lembut, penyabar, tetapi pantang maruahnya dicabar. Megat Ngah yang sering menukar-nukar namanya menjadi Iskandar dan Ngah Jaidin adalah manusia halimunan Melayu sisa penjajahan itu. Kalau dalam '*The Invisible Man*' atau '*Halimunan*' (oleh Ralph Ellison, 1992), seorang pemuda kulit hitam (Negro) menjadi manusia halimunan di sebuah bandar Harlem, New York kerana sisa warisan perhambaan dan kasta warna kulit di Amerika, walaupun dia adalah seorang ahli per-saudaraan yang aktif, yang berjuang untuk persefahaman dan perpaduan di antara kulit putih dan kulit hitam. Tetapi secara halus dan tidak disedari dia hanyalah

alat untuk kepentingan orang-orang kulit putih sendiri dalam mengekalkan ketuanan mereka terhadap orang-orang kulit hitam itu.

Begitulah Megat Ngah adalah halimunan dalam dunia Melayu yang sudah merdeka, tetapi fikiran, ekonomi dan budayanya masih di bawah telunjuk Inggeris. Lihatlah, Megat Ngah masih orang Melayu yang miskin, tinggal di kawasan pantai yang serba kekurangan, walaupun negara sudah lama merdeka. Berbeza dengan watak manusia Melayu yang hipokrit seperti Abdul Rani, yang semasa pemerintahan Inggeris adalah penyanjung dan pengampu Inggeris, begitu juga semasa Jepun memerintah menjadi talibarut Jepun. Apabila negara merdeka dialah yang mengaut untung, hidup senang, menjadi wakil rakyat, malah mendapat gelaran Datuk.

Jelaslah protes yang dikemukakan oleh Abdul Talib Hassan, dilukiskan secara bijaksana, tidak terlalu diduk-tik atau propaganda melulu. Membacanya, kita terpaksa berfikir tentang beban 'warisan' yang membentuk manusia Melayu atau bangsa Malaysia khususnya. Sebagai pengarang Abdul Talib telah berlaku jujur dan secara sinis menggambarkan watak-watak Melayu moden yang kehilangan identitinya. Abdul Talib berhasil menyarankan wawasannya melalui karya sastera. Bertepatan dengan konsep sastera yang dibicarakan oleh pengarang Mochtar Lubis (1989) dalam sebuah wawancara, yang menyatakan bahawa, 'Warisan - birokrasi, feodal atau penjajah harus kita rombak ke akar-akarnya. Kita gugat kepincangan kekuasaan dengan karya-karya sastera yang jujur dan benar'.

Begitulah dengan karya-karya Abdul Talib yang masih dapat berbicara tentang pembangunan Manusia Melayu terutama dalam novel-novelnya seperti 'Saga', 'Saga Dua', 'Pelarian', 'Badai Kasih' dan 'Mencari Restu'.

Sebagai seorang penulis pula, Abdul Talib Hassan adalah seorang 'Hisyam' (mengambil watak dalam

Saganya). Kalau selepas 20 tahun Rahmat telah bergelar Datuk, tetapi Abdul Talib Hassan atau Hisyam sebagai penulis, dia tetap seorang yang sederhana, tinggal di sebuah rumah dan perkampungan sederhana (di Sepang Loi), yang jauh dan tersisih dari sorak-sorai aktiviti dan kritikan sastera. Tetapi kesepian seorang 'Hisyam' rupanya adalah 'diam-diam ubi'. Kita percaya Abdul Talib Hassan akan terus menghasilkan novel-novel besarnya. Sehingga ini, melihat kemampuannya menghasilkan 'Warisan', 'Saga', 'Saga Dua' dan 'Pelarian', penulis beranggapan dan tidak keterlaluan untuk membariskan Abdul Talib Hassan sederet dengan nama-nama pengarang besar Sasterawan Negara seperti A. Samad Said, Shahnnon Ahmad, Keris Mas dan Arena Wati.

Menyentuh tentang penulis-penulis muda Johor pula, Julia Bit (1989) menyatakan sejak akhir-akhir ini muncul beberapa orang penulis remaja seperti Zainal Muhammad Supian, Hasidah Disan, Rohaidah Yon, Narizah Samat dan lain-lain. Karya-karya mereka sering tersiar di akhbar-akhbar dan majalah remaja. Rohaidah Yon, misalnya mula berkarya sejak di bangku sekolah lagi (Kini telah menyelesaikan ijazahnya di USM). Beliau pernah memenangi Hadiah Utama Sayembara Penulisan Cerpen anjuran PPJ. Sebuah cerpennya, 'Gangga Maru' (DS 1988), cuba membawakan sudut pandangan orang kedua 'kau' yang sebelum ini belum pernah dicuba oleh mana-mana penulis.

Seorang penulis muda yang paling menonjol ialah Khairuddin Ayip. Bagaimanapun beliau masih menumpukan penulisannya kepada novel-novel remaja. Beliau kerap memenangi peraduan-peraduan menulis sastera remaja dan kanak-kanak yang dianjurkan oleh DBP dan juga GAPENA.

Ahmad Kamal Abdullah (1983) semasa menyebut tentang penulis-penulis muda Johor, telah membariskan

nama-nama seperti Zam Ismail, Jaafa HS, Johan Jaafar, Rogayah A. Hamid dan Anis sebagai penulis-penulis muda yang menjanjikan masa depan. Tetapi selepas sepuluh tahun kehadiran mereka dalam dunia ke-susasteraan Melayu, nampaknya kehadiran mereka masih menjadi tanda tanya. Mereka nampak aktif berkarya sekitar tahun-tahun 70-an sahaja. Selepas itu mereka hanya timbul sekali sekala sahaja. Malah ada yang tidak pernah muncul lagi.

Inilah yang dikhuatiri akan berlaku kepada penulis-penulis muda Johor seperti Rohaidah Yon, Narizah Samat, Zainal Muhammad Supian, Nor Saidaha, Hasidah Disan, Amiruddin Ali, Gunawan Mahmud, Talib Samat, A. Jalil Awang, Kasim Mahmud, Aman Shukur, Mohd. Khairi Halimi, Shabudin Juraimi, Syed Agil dan beberapa orang lagi itu. Sejauh manakah mereka mampu untuk terus berkarya. Lalu, sejauh manakah pula mereka harus mencuba meningkatkan kreativiti mereka?

Kita berharap juga kepada penulis-penulis muda seperti Gunawan Mahmud yang sudah menampakkan bakatnya dalam genre cerpen akan terus menggilap bakatnya. Gunawan pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia dengan cerpennya yang berjudul, '*Harga Sebuah Kematian*'. Begitu juga dengan Hasidah Disan yang beberapa kali memenangi peraduan mengarang cerpen berunsur Islam, anjuran Jabatan Perdana Menteri. Hasidah juga pernah memenangi **Hadiah Sastera Utusan-Public Bank** dalam bahagian puisi. Di kalangan mereka ini kita berharap akan lahir karya-karya yang bermutu. Memetik tulisan Manasikana (Utusan Melayu, 1 Mei 1993) 'Bukanlah satu impian, suatu hari nanti muncul penulis-penulis muda yang dapat menandingi karya-karya Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh, S. Othman Kelantan, Kala Dewata dan Arena Wati.

KESIMPULAN

Bagi Khadijah Hashim, Zahrah Nawawi dan Abdul Talib Hassan yang terus gigih menulis, kita masih menantikan karya-karya besar mereka. Karya yang dapat menerobosi dunia kesusasteraan antarabangsa. Kita ingin melihat karya-karya besar seperti, '*Laungan Kebebasan*' oleh John Briley, '*Lorong Mindaq*' oleh Naguib Mahfouz, '*Sampar*' oleh Albert Camus, '*Orang-Orang Sisilia*' oleh Mario Puzo, '*Doktor Zhivago*' oleh Boris Pasternak, '*Sergapan*' oleh Harry Mulish, '*Madam Bovary*' oleh Gustave Flaubert atau sehebat karya Promedya Ananta Toer, '*Bumi Manusia*' dan '*Gadis Pantai*'.

Kemala sendiri, semasa mengulas tentang hasil karya sastera kita, menyatakan ada semacam berlakunya proses erosi, yang turut mengencerkan hasrat untuk melihat lahirnya karya-karya besar dalam kesusasteraan Melayu baru. Hal ini adalah disebabkan rata-rata pengarang-pengarang belum sampai ke tahap memikirkan masalah ke dalam karyanya.

Sebelum itu Rencana Pengarang (Utusan Melayu, 5 April 1993) ada menyentuh tentang peranan penulis kreatif kita dalam membentuk minda manusia. Sejauh manakah penulis-penulis muda berjaya mengangkat soal-soal ekonomi, politik, sains dan sebagainya, supaya orang tidak lagi terus menuduh bahawa sastera hanyalah khayalan seniman. Sastera seharusnya relevan kepada masyarakatnya, harus turut berpeluang dan dipergunakan untuk membentuk masa depan bangsa, dasar kemajuan manusia dan menjadikan manusia lebih prihatin, lebih bermoral dan berwibawa. Lalu, siapakah yang patut disalahkan bila karya-karya sastera kita masih belum dapat menerobosi kepompong konvensional itu.

Apa yang penting di zaman ini, sudah sampai masanya kita memikirkan kualitatif bukannya kuantitatif.

Bibliografi

1. Ahmad Kamal Abdullah (KEMALA). *Johor Dalam Kesusasteraan Melayu Modern*. Kertas Kerja Hari Sastera 1983; PPJ.
2. Amida Abdul Hamid (1993) *Di Ruang-Mu Di Sini. Satu Perjalanan Introspektif Diri*: Dewan Sastera: 13:23.
3. Anwar Ridhwan (1989) *Mengikuti Novel Panglima Salleh Selempang Merah*, Dewan Sastera: 10:17.
4. Abdul Talib Hassan (1990) *Badai Kasih*, Shah Alam Selangor D.E.: Marwilis Publisher & Dist. Sdn. Bhd.
5. _____ (1991) *Warisan*, Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
6. _____ (1992) *Pelarian*, Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
7. _____ (1993) *Soga Dua*, Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
8. A.Talib Samat (1993). *Fokus 25 Tahun PPJ: Masalah dan Cabaran*: Jurnal PPJ Jld. 12.
9. Juliah bt. Bit (1989) *Persatuan Menulis Johor (PPJ): Peranan dan Sumbungannya Dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu*, tesis Ijazah Sarjana Muda UKM.
10. Khadijah Hashim (1991) *Alun Hidup*, Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Dist. Sdn. Bhd.
11. _____ (1992) *Bila dan Di Mana*, Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Dist. Sdn. Bhd.



*Perkembangan Penulis Mutakhir Kedah

Oleh Puzi Hadi

I
MENGIKUT Kamus Dewan Edisi Baru (1989) perkataan 'mutakhir' bermaksud "terakhir, akhir-akhir ini, terbaharu, kemaskini." Kita sering menyamakannya dengan 'kontemporari' yang bermaksud "pada masa yang sama, semasa atau sesama (dengan seseorang atau sesuatu), (pada) masa kini." *Contemporary* dalam Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia (1990) menjelaskan dalam dua entri, iaitu "ks yang terjadi semasa (sewaktu); sezaman" dan keduanya, "kn orang yang hidup dalam waktu atau zaman yang sama."

Dalam percakapan mengenai perkembangan penulis Kedah di tahap mutakhir, saya cuba membataskan pembicaraan kepada sumbangan para penulis yang masih atau sedang berkarya pada masa ini. Ini sekaligus melibatkan golongan penulis mapan di samping calon penulis baru berbakat yang hadir bersekali dalam dunia sastera Melayu.

* *Kertas percakapan sempena "Dialog Budaya Utara-Selatan" anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman di Universiti Utara Malaysia, Sintok pada 6-7 Mei, 1993.*

II

SERAMAI duabelas penulis Kedah diberi pengiktirafan perdana, bahawasanya merekalah "yang telah memberi sumbangan kepada kesusasteraan Melayu sejak awal abad ke-20." Mereka yang disenaraikan oleh buku *Wajah: Biografi Penulis Edisi Kedua* (1988) ialah Abdullah Hussain, Affrini Adham, Awang Had Salleh, Azizi Haji Abdullah, Ismail Hussein, Jihaty Abadi, Kassim Ahmad, M. Noor Azam, Noorjaya, Rumaja Malaya, Shanon Ahmad dan Zurinah Hassan.

Rasa teringin bagi memperkatakan kehandalan setiap mereka tersebut yang masih lagi memegang mata pena atau mengetuk mesin taip atau berkomputer. Di sini dikecualikan M.Noor Azam dan Rumaja Malaya lantaran keduanya telah berehat menulis.

ABDULLAH HUSSAIN tergolong dalam generasi kedua para pengarang novel tahun 1940-an dan 50-an telah memulakan karier penulisan pada tahun 1939. Abdullah menggunakan nama samaran Roslani Ashikin kepada novel pertamanya *Dia Kekasihku* (1941). Kemudian dengan nama samaran Adiwijaya telah mencipta sejarah baru bagi perpuisian tanahair dengan sebuah antologi puisi bertulisan Rumi yang pertama diterbitkan iaitu *Menanti Kekasih* (1948). Beliau menghasilkan cerpen, puisi, novel, esei, kritikan, drama (pentas dan tv), terjemahan dan biografi sehinggalah ke hari ini. Adalah sewajarnya dan sudah masanya bagi kita menabalkan Abdullah sebagai Sasterawan Negara ke-7.

Ahmad Ariffin - diterbalikkan menjadi Affrini Adham, sentiasa mengimbaskan pada kelantangan puisinya "*Malaya Pasti Merdeka*" (*Malaya Merdeka*, 1955) iaitu di saat negara ini menanti kelahiran dari ibu penjajah Inggeris. Antologi puisi pertamanya *Ladang Cinta* (1990) sebagai mewakili dua periode, iaitu pra-merdeka (1947) dan pasca-merdeka (1973-1987) dengan gaya puisi

prosaik dan langsung; mengangkat tema perjuangan ke arah kemerdekaan dan cinta tanahair. Dia penerima gelaran Perintis Puisi Darul Aman (1984) di samping penerima pertama Tokoh Budaya Kedah Darul Aman (1988). Hasil kejayaan Ladang Cintanya menyakinkan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka meminta manuskrip puisi keduanya, "*Sepantun Bendera Berkibar*" dengan 90 buah puisi yang tersiar di antara tahun 1988-1992.

Sajak "*Merpati Putih*" yang terhasil ketika menginap di Bilik 10, Wad 21, HBKL setidaknya menginsafkan kehadiran AWANG HAD SALLEH ke dunia nyata. Rasa cinta kebebasan si merpati putih, sekaligus rasa kebebasan Awang yang selama ini terpaksa sering 'menghadkan' atau 'dihadkan' oleh penjara akal, peraturan dan nilai hidup sebelum persaraannya. Kini bebas berpuisi dan berdeklamasi puisi dengan membawa tema "Warna dan Rasa Dalam Cita dan Sengketa" dalam kehidupan yang beragam ini.

Tokoh penulis fiksiyen di Utara (selain Noorjaya) dan gemar mengutarakan kisah-kisah sekitar keluarga ialah AZIZI HAJI ABDULLAH. Dia pernah dicap sebagai pengarang sayembara kerana asyik menang dalam pelbagai sayembara penulisan kreatif. Antara yang terbaru telah meraih hadiah penghargaan RM1,500 bagi Pertandingan Drama TV anjuran bersama RTM, Esso dan Gapena dengan skrip drama "*Ladang Tini*"; manuskrip novel "*Suriati*" meraih hadiah pertama RM7,000 bagi Peraduan Menulis Novel Remaja berunsur Islam anjuran Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri. Baru-baru ini berlangsung polemik dua novelis *Tukcai* (Azizi) dengan *Tuk Guru* (Shahnon Ahmad) di Auditorium Komtar, Pulau Pinang dengan pertanyaan Azizi - Imajinasi dan Fakta, Bohongnya di Mana?

ISMAIL HUSSEIN alias Gapena, tidak memerlukan sebarang pengenalan kerana orang kampung malah du-

nia sudah pun lebih tahu.

Bekas Setiausaha Satu Gapena, Jihaty Abadi melalui *Jihaty Abadi: Penyair dengan Puisi* (1990) cuba memperihalkan kehadiran JIHATY ABADI sejak tahun 1954 itu. Antologi puisi terbaru iaitu *Murni Kembang Putih* (1992) ibarat nakhoda dengan kapalnya berlabuh di pelabuhan - kini dia memakai semula baju Melayunya bernama 'Yahya Husin' dengan berpuasa puisi untuk beberapa tahun yang mendatang!

"*Jalan Ke Parlimen*", "*Sidang Roh*" dan "*Dialog*" merupakan puisi yang bakal terus mencuit hati, baik kalangan penyair mahupun ahli politik sebagai senjata untuk membunuh kendirian KASSIM AHMAD. Karya puisi/cerpennya dalam *Kemarau di Lembah* (1967) tidaklah berterusan kemarau. Antara buku esei/kritikan mutahir ialah *Qua Vadis Bangsaku?* (1989) dan *Hadis Jawapan Kepada Pengkritik* (1992) yang menjadi isu agama. Kini dia mengerjakan penterjemahan melalui Khidmat Terjemahan Nusantara Sdn. Bhd. di samping kembali aktif di bidang kegemarannya iaitu kritikan sastera melalui pendekatan yang jauh beza dari anutan sosialis realisme yang dulu.

Novel *Awang Toksan* (1982) buah tangan NOORJAYA (Haji Mohd. Noor Salleh) tidak mengangkatnya berterusan sebagai novelis. Sebaliknya sebagai seorang cerpenis melalui antologi cerpennya *Gelanggang* (1990) di mana menghimpun usaha sepanjang 25 tahun. Paling akhir ialah novel remaja *Jejak Bertapak* (1992) dan bakal terbit sebuah novel remaja "*Peristiwa di Bukit Wang*". Selain aktivis sastera, iaitu Ketua Satu Asasi turut menerajui Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad. Sebab itulah dia sentiasa menekankan soal nilai ekonomi bagi masyarakat penulis yang terabai atau diabaikan oleh pemodal harus ditingkatkan.

The grand old man - SHAHNON AHMAD (meminjam kata-kata pengkritik Mohd. Yusof Hasan) sentiasa asyik-

nya memberi riak dan kejutan baru dengan idea penciptaan sastra yang segar. Bidang penulisannya ialah cerpen, novel, drama, esei/kritikan dan paling baru berbentuk autobiografi melalui novel *Detik-Detik Diri di Daerah Daif* (1991). Sejak tahun 1976 memaparkan unsur Islam dalam karya-karyanya sehingga terbit buku *Kesusasteraan dan Etika Islam* (1981); tercetuslah polemik panjang di Dewan Sastra yang melahirkan *Polemik Sastra Islam Kassim Ahmad - Shahnnon Ahmad* (1987). Shahnnon mengajak kita membuat renungan mengenai *Kepolitikan Kealaman Kedirian Manusia* (1992). Namun begitu karya sastraa Shahnnon terbaru terus mendapat sanggahan melalui pelbagai polemik di media-massa.

Sajak "*Sepanjang Jalan Ke Pulau Pinang*" (*Utusan Zaman*, Disember, 1970) sentiasa enak didengar hasil alunan Zubir Ali/Kumpulan Harmoni akan mengingatkan kita kepada penyair ZURINAH HASSAN. Selain puisi turut ada cerpen, esei dan novel remaja. Antologi puisinya setakat ini ialah *Sesayup Jalan* (1974), *Di sini Tiada Perhentian* (1977) dan *Keberangkatan* (1985) - Kini dia mengeluh bila antologi puisi terbarunya (yang mengandungi puisi-puisi antaranya pernah memenangi Hadiah Sastra Malaysia), masih terpendam di sebuah agensi penerbitan awam! Sekurang-kurang hatinya terhibur dengan lahir novel remaja (sepatutnya kategori dewasa!) iaitu *Hatimu Aisyah* (1991).

Percakapan ringkas sepuluh penulis ini sedikit sebanyak mendedahkan kepelbagaian serta kesungguhan mereka terus berkarya sehingga ini, baik di bidang kreatif mahupun bukan kreatif. Terdapat di antara mereka mulai menjangkau antara tiga ke enam dekad lalu melalui seribu satu pengalaman apatah onak. Ada pula yang macet di persimpangan jalan nan sibuk. Ada pula sesudah persaraan menanti *rebirth* yang baru.

III

RAMLI ISIN (1990) melihat novelis Kedah yang kukuh tidak lain daripada Abdullah Hussain, Shahnnon Ahmad dan Azizi Haji Abdullah. Abdullah Hussain dapat dianggap pelopor novel Kedah dan diikuti dengan Rumaja Malaya (Abdul Hamid Haji Hashim) dan Affrini Adham. Seterusnya di tahun 1970-an dan 80-an lahir novelis Noorjaya, Shaari Isa, Shaari A.B. dan A. Rahmad.

Mengikut kajian Rasyid Abdullah (1980/81) dan Hamzah Hamdani (1990) mengenai bidang cerpen di peringkat awal mengemukakan Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad. Di tahun 1960-an muncul penulis cerpen antaranya Darus Ahmad, Zain Din, M.Farda (Mohd. Farid Mohd. Ariffin), Noorjaya dan Azizi Haji Abdullah. Seterusnya di tahun 1970-an dan 80-an telah membariskan cerpenis antaranya Mahadzir Syed Omar, A. Wahab Rauf, A.Rahmad, Osman Ayob, Shaidun Haji Shaari, Shahidan Md. Noh, Ismail Restu, Zurinah Hassan, Ahmad Taib (Che Dan Putih), Muhammad Isa Othman, Ahmad J. Hussein, Osman Zainol, Amelia Hashim, Marzukhi Nyak Abdullah dan Latiff H.S.

Barisan penyair Kedah terlalu panjang untuk disenaraikan kecuali penyair yang konsisten dan berjaya. Pada peringkat awal-awalnya ialah Affrini Adham, Awang Ahmad Saad (menggunakan nama pena Halim Anuar dan Malihan) dan Shafie Abdullah ketika era pra-merdeka. Seterusnya diikuti dengan Jihaty Abadi, Kassim Ahmad, Zurinah Hassan, Puzi Hadi, Dinsman, Azran Rahman, Jamaluddin D., Mansor Ahmad Saman dan Zubir Ali (Muhammadzubirali). (*Ahmad Kamal Abdullah, Ahmad Razali*, 1990; *Kamaruzzaman Abd. Kadir*, 1987; *Abdul Latiff Abu Bakar*, 1987; *Usman Awang, A.Samad Said*, 1980; dan *Ali Haji Ahmad*, 1961).

Abdul Samat Salleh (1990) merasai kemalapan dunia drama pentas/skrip drama pada akhir-akhir ini berbanding kegiatan yang begitu rancak pada tahun 1960-an dan 70-an lalu. Penggiat teater terdahulu seperti Murad Ibrahim, Allahyarham Hashim Yassin, Awang Had Salleh, Affrini Adham, Noordin Hassan, Dinsman dan lain-lain itu agak sukar ditandingi oleh pelapis baru. Ada usaha dan kesedaran baru dari kalangan pelapis tapi terbantut berdasarkan andaian-andaian alasan yang tertentu pula. Murad Ibrahim dan M.Z. Halim akhir-akhir ini kembali memeriahkan drama pentas dan bangsawan.

Pengkaji dan peneliti sastera (tradisional dan moden) antaranya Ismail Hussein, Kassim Ahmad, M. Noor Azam, Asmah Haji Omar, Siti Hawa Salleh, Khalid Muhammad Hussain, Shahnnon Ahmad, Dinsman, Mohd. Yusof Hasan, Said Halim Said Nong, Supardy Murady, Noriah Taslim, Mansor Ahmad Saman, Azmi Rahman, Abdul Rahman Aziz, Mustaffa Mohd. Isa, Muhd. Fawzi Basri, Mustafa Haji Daud dan Hasnah Haji Ibrahim dari pelbagai pusat pengajian tinggi di negara ini turut memeriahkan dunia kajian dan kritikan sastera tanahair. Dari generasi baru, sesekali timbul esei dan ulasan sastera dari Shukri Mat Ali, Zulkefle Dolah, Zainol Idris dan Hassan Baseri Budiman yang masih dituntut kegigihan mereka.

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama di samping Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed mempunyai kedudukan yang tersendiri selaku penulis autobiografi dan kritikan sosial.

IV

SHAARI A.B. (Shaari Awang Besar) sehingga ini membuahkan cuma sebuah novel *Ruyup* (1982), hasil dari Kursus Penulisan Kreatif DBP di tahun 1980. Agak

lama beristirahat sebelum menghasilkan cerpen "*Sidang Perwakilan: (Titian Laut III, 1991)*". Jauh berbeza dengan ahli profesional SHAARI ISA dengan novel trilogi bertiga jilid *Lepaskan Aku Kembali Ke Laut* (1981, 1982 dan 1985) dan seterusnya antara lain *Kampung Kirkby, Projek PL5* dan yang terbaru *Maktab Ibu Kandung* (1992). Selain itu beliau menghasilkan buku-buku perakaunan.

Ismail Ahmad yang popular sebagai ISMAIL RESTU sejak 1972 menceburi penulisan esei umum, cerpen, puisi, novel kanak-kanak dan cerita rakyat. Antologi cerpennya *Belum Terlewat*, dua buah novel remaja iaitu *Sebuah Bangsal di Tengah Hutan* dan yang terbaru *Titian Budi* (1992) serta sebuah cerita rakyat *Kuda Hijau*. Pernah dua kali memenangi Peraduan Cerpen berunsur Islam JPM (1976 dan 1982). Rakan karibnya DARUSSALAM (Darus Ahmad) menulis sejak 1960 menghasilkan cerpen, novel kanak-kanak dan novel dewasa. Cerpen "*Jambatan*" memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu - Public Bank 1989. Antologi cerpen terbaru ialah *Api Di Balik Bukit* (1991) serta novel remaja *Meniti Pelantar Rapuh* (1992).

Ketua Dua Asasi, SHAIDUN HAJI SHAARI berkarya sejak tahun 1970 telah menyumbangkan dua antologi cerpen iaitu *Suara-Suara* dan *Cinta Orang Kampung* (1984). Kesibukan tugas beliau - selaku Setiausaha Satu Asasi selama lapan tahun - mungkin menjejaskan kreativiti penulisan dengan sesekali bercerpen di dada akhbar. Cerpen "*Sebatang Titi, Seorang Tua*" turut tersiar dalam antologi *Titian Laut III* (1991). Begitu juga cerpenis LATIFF H.S. (Abdul Latiff Abu Bakar) menerjuni bidang cerpen pada pertengahan 1980-an turut menghilangkan diri untuk tiba-tiba muncul semula dari kesepian bersastera. Beliau memenangi hadiah penghargaan Peraduan Menulis Novel Remaja 1992 anjuran Asasi dengan manuskrip "*Tinggallah Adik, Tinggallah Sayang.*" Semoga tidak menghilangkan diri lagi.

4. MARZUKHI NYAK ABDULLAH sejak 1975 menghasilkan penulisan berita, rencana, cerpen, cerita rakyat dan panduan peperiksaan mata pelajaran sastera. Kerap menyumbangkan artikal akademik untuk Jurnal Dewan Bahasa. Cerpennya "Nita Oh Nita" (Muara Dua, Medan, 1989) dan "Burung Ruak-Ruak" (Titian Laut III, 1991). Dua buah cerita rakyat bakal terbit oleh Fajar Bakti. Pensyarah sejarah Universiti Sains Malaysia, MOHAMAD ISA OTHMAN bergiat sejak 1976 di dunia cerpen. Bersama cerpenis/penyair Ahmad Taib menghasilkan antologi cerpen *Ada Waktunya* (1985). Cerpen terbarunya "Pentas Mitos Keempat" (*Dewan Sastera*, Ogos, 1990). Semoga tidak bertukar angin di samping berjaya menghasilkan dua buku akademik sejarah iaitu *Politik Tradisional Kedah 1681-1942* (1990) dan *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)* (1992).

5. Zaki A.H. atau ZAKIAH BAHARI sejak tahun 1971 menghasilkan penulisan puisi, drama radio dan esei. Ratusan puisi tersebut di merata akhbar/majalah menunggu untuk dibukukan. MOHAMED ZAHIR HJ. ISMAIL banyak menumpukan topik drama sejarah iaitu *Sungai Korok Wan Mat Saman* (1988), *Cik Siti Wan Kembang* (1992) dan *Pendekar Kundur* (1991) yang sedang ditayangkan di televisyen RTM Rangkaian TV1. Beliau turut menghasilkan novel *Mengejar Kebahagiaaan* (1991).

6. ABDUL HALIM R membabitkan diri di bidang penulisan sejak tahun 1950-an. Menghasilkan dua buah novel iaitu *Buas* (1960) dan *Digigit Lalat Dari Spain* (1973). Lima buah dramanya, "Siapa Salah" (1993), "Keris Pembela" (1957), "Najis" (1969), "Gendang Moden" (1968) dan "Pak Kaduk Naik Junjung" (1969) pernah dipentaskan di seluruh Kedah. Kegemaran semulajadinya ialah berpantun dan bersyair. Manuskrip syair terbaru "Syair Kedah Darul Aman" mengandungi hampir 2,800 bait masih dalam penilaian pihak DBP. Pe-

nyair alam dan pengembara JAMALUDDIN D (Jamaluddin Darus) menulis sejak tahun 1969. Antologi puisinya *Biru Yang Gementar* (1973), *Di Wajahku* (1974), *Dwi Sempadan* (1976) dan *Jalur-Jalur Rindu* (1991). Selain tema alam tumbuhan dan lautan, dia mengangkat tema pengembaraan ke dunia Melayu di luar Malaysia. Puisi "*Lubang-Lubang Duka Indah Berkilau*" memenangi hadiah penghargaan Hadiah Sastera Utusan Melayu - Public Bank 1992.

Pegawai KCS (Kedah Civil Service), A. RAHMAD (Abdul Rahman Haji Ahmad) menumpukan cerpen dan novel dengan sedikit puisi. Penulis yang ilhamnya terbantut dalam sepi berjaya menghasilkan novel *Cenang* (1984) yang manuskripnya meraih hadiah penghargaan Hadiah Novel Yayasan Sabah-Gapena II. Seterusnya menghasilkan antologi cerpen *Denyut Nadi*, *Degup Jantung* (1985) dan *Samudera* (1988) di samping novel *Anjung Petayu* (1991). Stok buku bakal terbit ialah "*Kongkeak*" (novel) dan "*Sarwajagat*" (antologi cerpen berkisar perjalanan ke negara luar). Beliau dianugerahkan Tokoh Perpustakaan Masyarakat 1992 kerana sumbangan buku kepada dewan masyarakat berhampiran Tanah Merah, Pendang. Selaku Ketua Satu Karya dan Setiausaha, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman.

Penulis cerpen berkembang kepada novel, OSMAN AYOB memulai kariernya pada tahun 1970-an. Sebanyak dua kali memenangi Peraduan Mengarang Cerpen berunsur Islam JPM. Antologi cerpennya *Bayangan Rindu* (1981), *Musim Itu Telah Berlalu* (1984) dan *Detik Yang Tergugat* (1988) di samping novel pertamanya *Warna Sebuah Lembah* (1991). Osman di samping A. Rahmad merupakan calon cerpenis/novelis berpotensi selepas Azizi Hadi Abdullah. Antologi cerpen terbarunya *Di Pinggir Kesedaran* serta manuskrip novel remaja "*Meniti Impian*" meraih hadiah kedua Peraduan Me-

nulis Novel Remaja 1992 anjuran Asasi.

Sham atau WAN SHAMSUDDIN MOHD. YUSOF lebih dikenali di kalangan rakan-rakan sebagai Pak Wan atau Cikgu Wan, berasal dari Perak tapi dibesarkan di Kedah. Cerpen pertamanya "*Pertemuan*" (*Hiburan*, 1953) dan cuma sebuah puisi "*Mendaki Bintang*" (*Mingguan Warta Negara*, 1959). Antara bukunya ialah *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya* (1964), *Hikayat Abu Nawas* (1966), *Sejarah Sastera Melayu Moden (Setelah 1800)* (1974) dan *Rumah Bersejarah di Kampung Lindungan Bulan* (1992). Sebagai penyumbang tetap siri "*Sudut Bulan Ini Dalam Sejarah*" dalam akhbar *Warta Darul Aman* (mulai April, 1989). Mengikut kumpulan Senarai Judul Karya-Karya Yang Dihasilkan (1953-1993) adalah mencakupi semua penulisan kertas kerja, buku, rencana budaya, sastera dan sejarah di akhbar dan majalah sehingga 28 Februari, 1993; mengandungi sejumlah 174 bahan dokumen yang berharga.

IBRAHIM ISMAIL pernah menggunakan pelbagai nama samaran iaitu Akela, Zurrahim, Zirawaty, Bahrin, Ibnu Ismaily dan Ibnu Smae. Sejak tahun 1947 menghasilkan pelbagai bentuk penulisan termasuk sastera dan budaya. Antara buku terbarunya, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu* (1987) dan *Kelahiran Negara Malaysia*. Beliau dianugerahkan Anugerah Cetera 1992 yang pertama oleh Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman sempena pertemuan Dialog Puncak di Sik, Kedah (27-29 Disember, 1992).

Selain itu, terdapat tiga nama baru penulis yang mendapat perhatian peneliti sastera, iaitu Ahmad J. Hussein, Zaidin Abadi dan Abu Hassan Morad. AHMAD J. HUSSEIN (Ahmad Husin) menulis sejak tahun 1974. Pernah memenangi Sayembara Penulisan Cerpen Esso-Gapena 1980 dengan cerpennya "*Subuh di Bukit Jernang*". Selain puisi dan cerpen turut menghasilkan esei sastera dan ulasan buku. Antologi cerpennya *Terbalik*

(1991).

Saadin Abdullah atau ZAIDIN ABADI mengorak langkah di dunia sastera mulai 1972. Banyak menghasilkan cerpen, puisi dan esei. Kini selaku Ketua Satu Pinggiran. Pernah memenangi Hadiah Puisi Kebangsaan Esso-Gapena 1989, Perayaan 100 Tahun Kuala Lumpur 1991 dan Hadiah Puisi Kebangsaan Shapadu-Gapena 1992. Cerpennya memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1989 iaitu "*Mira Nabila*". Antologi puisinya *Bicara Di Bibir Bulan* merangkumi kreativiti bagi tahun 1972-1979 dan *Dalam Diri* (1991). *Dalam Diri* mendapat sorotan yang baik oleh Panel Hakim Hadiah Sastera Malaysia 1990/91 sebagai banyak berunsur Islam.

Pendakwah muda ABU HASSAN MORAD turut aktif di bidang cerpen sejak awal tahun 1980-an di samping novel dan cerpen. *Sabarlah Sayang* meraih hadiah penghargaan Peraduan Menulis Novel Kanak-Kanak DBP 1987; *Si Alang Budiman* memenangi hadiah ketiga Peraduan Menulis Novel Kanak-Kanak Berunsur Islam JPM; "*Pak Din Tidak Gila*" meraih tempat ketiga Sayembara Cerpen Esso-Gapena 1989; "*Pak Wok dan Aku Yang Kembali*" mendapat hadiah penghargaan Sayembara Cerpen Kuala Lumpur; "*Shahdu*" menerima hadiah penghargaan Sayembara Cerpen Berunsur Islam 1992; "*Pak Wok*" mendapat hadiah penghargaan Pertandingan Drama anjuran RTM-DBP 1990; dan paling baru manuskripnya "*Cucu Tuk Wali*" mendapat tempat pertama Peraduan Menulis Novel Remaja 1992 anjuran Asasi.

V

KETIKA ini ramai penulis muda begitu ghairah memantapkan karier penulisan masing-masing. Ada di antara mereka berpotensi untuk menempa nama di masa depan.

Cuma keghairahan itu kadangkalanya bersifat pasang-surut atau sinar cahayanya di antara terang-gelap. AMELIA HASHIM menghasilkan novel remaja yang pertama *Di Pinggir Ceria* (1991). Che Dan Putih yang dikenali AHMAD TAIB itu cuma sempat menghasilkan anatologi cerpen bersama Mohamad Isa Othman, *Ada Waktunya* (1985) sesekali menghasilkan puisi dan cerpen akhir-akhir ini bila ada waktu senggangnya.

Anak Pontian, Johor iaitu Mohamed Darilen/M.H. Izman dengan panggilan DHARMOHA kini menetap di Langkawi, rajin menghasilkan cerpen, puisi dan skrip drama radio. M.RODZI ALI cuma sempat menetas-kan sebuah antologi puisinya *Degup Jantung*(1986), masih mencari arah dalam dunia puisi serba luas itu. NOR AIZAH AZIZ berjaya menghasilkan tiga buah novel remaja iaitu *Di Bawah Hembusan Kasihmu*, *Darah Muda* dan *Mereka Yang Terpinggir*. SOLEHA HJ. ABD. HAMID menghasilkan *Di Sepanjang Perjalanan* (novel remaja, 1989) dan *Meniti Badai*. Selain mereka, cerpenis CHE SOO ISMAIL, cerpenis IBRAHIM BAKAR, penyair OTHMAN ALI, penyair SAIDIN ALI dan penulis cerpen teater ZAINOL IDRIS kini mencuba penulisan esei sastera. Begitu juga ABDUL HALIM YAACOB ingin kembali berpuisi atau NIRWAN ANANDA begitu kepingin bercerpen semula.

Penulis pelapis bagi dekad 1990-an mengenengahkan NORHASHIMAH HASHIM dengan novel-novel remajanya *Hadiah Tidak Ternilai*, *Penjara Kasih*, *Antara Emak dan Mama* dan *Masih Ada Sinar* (novel sulungnya, 1993). Manuskrip "*Sebuah Pelayaran*" oleh Norhashimah mendapat tempat ketiga dalam Peraduan Menulis Novel Remaja 1992 anjuran Asasi. NOR AZIZAH SALLEH membuah-kan novel-novel remajanya *Mawar Biru* dan *Bukan Untukku*. Penyair FAJAR MANISIH (Siti Hajar Ariffin) dengan antologi puisinya *Bunga Jingga* (1992). ZAKARIYAH AHMAD pula me-

nyemai puisi dalam antologi sulungnya *Musim Pertama* (1993). ZAINON MOHD. NOOR sedang menyusun karya-karya puisi sepanjang tahun 1981 yang belum tersiar di dalam antologi pertama dengan judul "*Satu Rindu*".

Barisan penulis pelapis lainnya serta berpotensi ialah Anjanglie (Ramli Hashim), Cira Hayat Abadi, Hassan Baseri Budiman, Hamizun Syah, Ihsan Noorzali (Ghazali Din), Fadzli Osman, Mazlina Mat Isa, Musafa M.S., Norani Che Li (Enbisi), Nor Jamilah Md. Noor, Jamaliah Jamaludin, Ria Asmira (Md. Yusuf Ali), Rozhan Zakaria (Arma Abadi), Ruhie Isma (Ishak Ahmad), Tunza (Tunku Zarita Tunku Mokhtar) dan lain-lain.

Dalam diam-diam pula turut mencelah beberapa penulis bukan Melayu terutamanya cerpenis muda yang ditetaskan oleh Sayembara Menulis Cerpen anjuran Malayan Banking-DBP sejak beberapa tahun kebelakangan. Antaranya Chang Yann Wah (berasal dari Sungai Petani), Eng Mooi Hoon (Kulim), E.K. Somchit Chitdhamrong (Begia, Sik), Lim Kim Hui (Alor Setar) dan Saroja Theavy Balakrishnan (Alor Setar). Penyair bukan Melayu yang telah menempa nama dalam puisi mutakhir tanahair ialah Lim Kim Hui dan Tang Eng Teik (Berasal dari Kuala Kedah).

Akhir sekali, Kedah Darul Aman turut berbesar hati kepada kejayaan anak negerinya yang kini bermastautin di negeri perantauan. Di sana mereka telah dikenali sebagai penulis kreatif yang turut mencorakkan peta kesusasteraan tanahair. Antaranya ialah AZMAH NORDIN anak Kulim yang menetap di Sabah; AB RAHMAN AB RASHID kelahiran Bandar Bharu berada di IPSI Tanjung Malim; MOHD TAJUDDIN ABDUL RAHMAN dari Padang Hang melahirkan novel *Anak Kedah* (dengan judul asalnya *Musuh dari Utara*); M. JASNI MAJED daripada Kodiang yang begitu aktif di Selangor; ROSMINI SHAARI kini berca-

haya di Kuala Lumpur; dan ZAINAL RASYID AH-
MAD dari Alor Setar turut aktif di Terengganu.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Latiff Abu Bakar, 1987. *Puisi-puisi Kehangsaan 1913-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah/Ahmad Razali Haji Yusof, 1990. *Puisi Baharu Melayu 1961-1986*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Haji Ahmad, 1961. *Puisi Baharu Melayu (1942-1960)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1986.
- Kamaruzzaman Abd. Kadir, 1987. *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu 1933-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Puzi Hadi/Abdul Halim 'R', 1991. *Karya dan Karyawan Sepintas Lalu*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid II*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Usman Awang/A.Samad Said, 1980. *Tema dan Tugas Sastera Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Warisan Sastera Kedah Darulaman*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990.
- Wajah (Biografi Penulis)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

LATIHAN ILMIAH/TESIS

- Rasyid Abdullah, 1980/81. "*Kegiatan dan Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden di Kedah selepas Perang Dunia Kedua hingga tahun 1980*". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

AKHBAR/MAJALAH

- Berita Harian, Berita Minggu, Mingguan Malaysia, Utusan Malaysia, Utusan Zaman, Watan, Dewan Sastera dan Mastika juga Warta Darul Aman.

*Cerita Rakyat Daerah Segamat

Oleh
Drs. Ungku Mohd. Zaman Tahir

CERITA RAKYAT DAERAH SEGAMAT dapat ditakrifkan sebagai sekumpulan cerita yang dicipta oleh suatu masyarakat yang bercorak tradisional di daerah Segamat Johor pada suatu masa dahulu. Pada umumnya masyarakat di daerah Segamat yang melahirkan cerita rakyat tidak mengenal huruf dan dipercayai mereka menghuni di kawasan pedalaman dan mengamalkan corak hidup yang sederhana.

Seperti cerita-cerita rakyat di daerah lain di seluruh negeri dalam Malaysia, cerita-cerita rakyat daerah Segamat mempunyai ciri-cirinya yang hampir serupa dengan ciri-ciri cerita rakyat di tempat-tempat lain. Apabila kita bercakap tentang cerita rakyat di sesuatu daerah atau tempat secara tidak langsung kita juga sebenarnya bercakap tentang sastera lisan secara amnya. Ini kerana ditinjau dari segi bentuk atau coraknya, cerita rakyat adalah salah satu cabang atau jenis sastera rakyat atau yang sering diistilahkan sebagai sastera lisan. Dengan kata lain ciri-ciri bagi sastera lisan juga merupakan ciri-ciri bagi cerita rakyat.

* *Dibentang dalam Dialog Budaya Utara - Selatan di UKM, Sintok, Kedah 6 - 8 Mei, 1993*

Sebelum memperkatakan dengan lebih lanjut mengenai cerita-cerita rakyat di daerah Segamat, ada baiknya kalau saya menyentuh sedikit tentang ciri-ciri sastera lisan terlebih dahulu untuk membuat perbandingan dengan ciri-ciri cerita rakyat daerah Segamat kemudiannya.

Menurut Prof. Mohd. Taib Osman, sastera lisan (yang mana cerita rakyat merupakan salah satu coraknya) mempunyai beberapa cirinya yang tersendiri. Pertama sastera itu diucapkan melalui pertuturan mulut. Sastera lisan juga dianggap sebagai ekspresi budaya dan disebarkan sama ada dari segi masa ataupun ruang melalui pengucapan mulut.

Kedua sastera lisan itu lahir dalam masyarakat yang belum mencapai taraf kehidupan yang maju atau bercorak bandar. Tegasnya corak masyarakat yang dinamakan oleh para antropologis sebagai 'masyarakat sederhana dan buta huruf'. Corak masyarakat tersebut dinamakan 'folk society' iaitu masyarakat yang tinggal di luar bandar. Dalam konteks Nusantara ini masyarakat yang dimaksudkan itu ialah masyarakat-masyarakat kecil yang tinggal di kawasan pedalaman.

Ketiga sifat sastera lisan itu menggambarkan ciri-ciri budaya satu-satu kumpulan masyarakat. Oleh sebab itu sastera lisan membawa ekspresi budaya yang diwarisi hingga masa kini, maka tidak hairanlah terdapat unsur-unsur baru yang telah dimasukkan ke dalamnya. Perubahan ciri-ciri dalam sastera lisan itu mengikut perubahan sosial masyarakat kerana sastera lisan ini bertindak sebagai ekspresi budaya masyarakat tersebut. Namun begitu sastera lisan itu pada dasarnya merujuk ke zaman yang silam sebagai membayangkan masa kelahirannya.

Keempat hasil sastera lisan itu dianggap sebagai pemilik masyarakat; tidak pernah diketahui siapa

pengarangnya. Justeru itu hasil sastera itu merupakan kepunyaan bersama seolah-olah dicipta oleh masyarakat itu sendiri. Tidak hairanlah kalau hasil sastera lisan mempunyai berbagai-bagai versi walaupun judulnya sama. Perubahan-perubahan dalam cerita lisan berlaku kerana cerita diwarisi dan disebar di dalam masyarakat melalui pertuturan. Semasa penyebaran itu berlakulah perubahan disebabkan kekurangan ingatan penuturnya sehingga melahirkan cerita atau tokoh-tambah (improvisasi) yang dilakukan oleh pencerita tersebut.

Kelima sastera lisan tidak mementingkan fakta dan kebenaran. Walaupun ahli sejarah cuba mencungkil unsur-unsur fakta dalam sastera lisan namun setiap cerita lisan itu bertujuan untuk memberi hiburan, pengajaran dan memenuhi fungsi-fungsi lain. Oleh yang demikian kita dapati bahawa sastera lisan itu lebih menekankan aspek khayalan dan fantasi yang tidak dapat diterima oleh manusia moden sebagai suatu kebenaran.

Apabila kita bercakap tentang cerita rakyat daerah Segamat, satu cirinya yang agak ketara ialah cerita-cerita rakyat di daerah ini sering dikaitkan dengan sejarah silam daerah Segamat ini yang diselimuti dengan unsur-unsur dongeng. Menurut ceritanya daerah Segamat ini pada masa dahulu pernah diperintah oleh seorang raja bernama Tuanku Malim Dewa. Tidak dapat dipastikan sama ada kerajaan ini dibentuk oleh manusia atau jin ataupun dewa. Kononnya kerajaan Malim Dewa ini yang memerintah Segamat hingga ke zaman puteranya Tuanku Malim Deman terletak di kawasan Kuala Muar hingga ke hulunya iaitu di Segamat. Kerajaan ini memerintah dari semenjak Muar belum bernama Muar iaitu Teluk Dalam dan Segamat pula belum bernama Segamat iaitu Rantau Panjang. Kesan-kesan pemerintahan kerajaan Malim Dewa dan

puteranya Malim Deman masih belum dilihat hingga ke hari ini misalnya kesan-kesannya pada nama beberapa tempat atau kawasan (seperti Sungai Kapih, Batu Hampar, Tangga Batu, Sermin, Sepinang, Kolam, Kawah, Bumbang, Tunku Tiga serta Gudang Garam.

Cerita kerajaan Malim Deman ini begitu popular di kalangan generasi tua di daerah Segamat. Walaupun cerita rakyat ini penuh dengan unsur dongengnya namun begitu bagi generasi tua yang sekali sekala menceritakannya kepada anak cucunya memberi satu kepuasan kepada mereka. Begitu masyhur cerita rakyat ini hingga ia sering dikaitkan dengan bencana alam yang melanda daerah Segamat.

Menurut cerita orang tua-tua kononnya kejadian banjir di daerah Segamat ada kaitan dengan sumpah Malim Deman. Malim Deman gagal memperisterikan Tuan Puteri Santan Bertapis kerana puteri cantik itu telah dilarikan oleh seorang raja dari kayangan. Oleh sebab kehampaannya itu, Malim Deman membuat sumpahan bahawa setiap kali banjir melanda daerah Segamat, manusia daerah Segamat mestilah dijadikan korban semah-an.

Mitos pembukaan sesuatu tempat boleh juga dikesan dalam cerita rakyat daerah Segamat. Misalnya pembukaan jajahan Jementah yang merupakan salah satu peristiwa penting dan sering menjadi perbualan orang tua-tua hingga ke hari ini.

Mengikuti seorang ahli sejarah tempatan yang juga merupakan tokoh yang berminat dalam cerita-cerita rakyat daerah Segamat bahawa jajahan Jementah telah dibuka lebih kurang 300 tahun yang lampau.

Disebabkan tanah jajahan Jementah itu subur dan timbul pula cerita kononnya di buminya ada mengandungi emas, ramailah orang dari negeri-negeri berdekatan berhijrah ke Jementah. Pada masa itu kawasan Jementah dipenuhi dengan pokok-pokok hutan ter-

utamanya pokok dedap. Semasa pendatang-pendatang awal membersihkan kawasan dengan menebang pokok-pokok dan menebas semak belukar, satu peristiwa ganjil telah berlaku.

Setiap kali pokok-pokok hutan itu ditebang pada kesokan harinya didapati batang-batang pokok yang ditebang itu bercantum semula. Peristiwa ganjil itu berlaku selama seminggu.

Pada tiap-tiap kali orang-orang yang membersihkan kawasan baru itu ditanya sama ada tugas mereka sudah selesai, lantas mereka menjawab, "Jemu, jemu, asyik tebang pokok aja." Dan apabila mereka ditanya lagi bilakah kerja membersihkan kawasan itu akan selesai, sambil menggelengkan kepala, mereka menjawab, "Entah, entah, entah." Kononnya daripada perkataan "jemu-entah" itulah lahir nama Jementah.

Di Segamat terdapat sebuah kampung Melayu bernama Kampung Gelang Chinchin. Kampung ini terletak kira-kira sepuluh kilometer dari bandar Segamat. Menurut cerita orang tua-tua nama kampung ini ada kaitan dengan satu peristiwa silam. Kononnya ada seorang anak raja yang telah jatuh hati terhadap seorang puteri bernama Puteri Santan Bertapis. Anak raja itu cuba melamar Puteri Santan Bertapis tetapi lamaran itu telah ditolak.

Menyedari anak raja itu benar-benar telah jatuh hati terhadapnya, Tuan Puteri Santan Bertapis pun bersetuju menjadi isteri anak raja itu setelah mengenakan satu syarat. Syaratnya ialah anak raja itu mestilah memanah menembusi bulatan cincin dan gelang kepunyaannya. Kepintaran anak raja itu bermain panah menyebabkan syarat yang dikenakan itu dapat dipenuhinya. Akhirnya anak raja itu berjaya memperisterikan Puteri Santan Bertapis.

Menurut cerita orang tua-tua, gelang dan cincin kepunyaan Tuan Puteri Santan Bertapis itu pernah di-

temui orang semasa kampung itu dibersihkan untuk dijadikan sebuah perkampungan. Tempat gelang dan cincin puteri itu ditemui dinamakan 'Bukit' oleh penduduk daerah Segamat.

Berita penemuan gelang dan cincin kepunyaan Tuan Puteri Santan Bertapis itu telah menarik ramai orang luar untuk tinggal menetap di kampung yang baru dibuka itu. Mereka percaya kampung itu mempunyai 'tuah' dan sesiapa yang tinggal menetap di dalamnya akan menjadi orang senang. Malah ada sesetengah daripada mereka yang percaya bahawa selain gelang dan cincin, ada lagi barang-barang berharga kepunyaan puteri itu masih tersembunyi di dalam kampung itu. Mereka berhasrat untuk mencari barang-barang tersebut.

Sikap tamak orang-orang kampung itu telah menyebabkan gelang dan cincin Tuan Puteri Santan Bertapis itu akhirnya ghaib. Puas orang-orang kampung mencarinya namun gelang dan cincin itu tidak ditemui. Menurut cerita orang tua-tua gelang dan cincin itu telah diambil semula oleh Puteri Santan Bertapis itu setelah mengetahui bahawa kerana cincin dan gelangnyalah itu yang menyebabkan penduduk kampung berbalah antara satu sama lain dan malas bekerja.

Ada beberapa orang tua yang mendakwa mereka pernah melihat cahaya yang terang benderang muncul di kawasan bukit dalam kampung itu. Kononnya cahaya itu terbit daripada gelang dan cincin Puteri Santan Bertapis itu. Tetapi apabila mereka cuba menghampiri kawasan bukit itu, tiba-tiba cahaya itu ghaib.

Sebuah cerita rakyat di daerah Segamat yang juga tidak kurang masyhurnya ialah cerita '*Batu Dara Bunting*'. Batu Dara Bunting terletak bersempadan dengan kampung Mensudu Lama dan Sungai Palong. Menurut cerita orang tua-tua ada seorang perempuan hamil anak sulung menanti kepulangan suaminya yang telah lama pergi berperang. Perempuan itu begitu setia menung-

gu kepulangan suaminya. Hari demi hari suaminya tetap tidak muncul. Kononnya lantaran terlalu lama menunggu kepulangan suaminya, perempuan itu akhirnya bertukar menjadi batu. Orang tua-tua di daerah Segamat menamakan batu itu dengan panggilan 'Batu Dara Bunting'. Batu Dara Bunting ini mempunyai keanehannya tersendiri. Batu itu dikatakan akan berubah kedudukannya apabila berlaku air pasang dan surut.

Terdapat beberapa pantang larang yang mesti diikuti bagi sesiapa sahaja yang menghampiri kawasan Batu Dara Bunting itu. Di antara pantang larangnya ialah:

- a) Semasa berhampiran dengan Batu Dara Bunting itu, mulut tidak boleh celupar.
- b) Tidak boleh melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh.
- c) Batu itu tidak boleh dilihat lebih daripada tiga kali. Kononnya sesiapa yang mendatangi Batu Dara Bunting itu dan gagal mematuhi segala pantang-larangnya, natijahnya ia akan jatuh sakit.

Selain cerita-cerita rakyat yang dikaitkan dengan permukaan sesuatu kawasan atau perkampungan, terdapat juga cerita rakyat daerah Segamat ini yang melibatkan makhluk halus. Menurut kajian hanya orang tua-tua sahaja itupun yang benar-benar berminat terhadap cerita-cerita lama yang dapat menuturkan cerita-cerita rakyat yang melibatkan makhluk bukan manusia.

Pada zaman dahulu berlakulah satu peristiwa ganjil di sebuah kawasan berhampiran sungai dalam daerah Segamat. Di tepi sungai itu terdapat sebuah batu yang bahagian permukaannya begitu licin dan rata. Kononnya di atas batu itulah tiap-tiap petang menjelang senja Sang Kelembai menghabiskan masa berehat-rehat.

Pada suatu petang semasa Sang Kelembai sedang berehat, lalulah tujuh ekor badak berhampiran batu tempat Sang Kelembai berehat itu untuk menyeberangi sungai. Badak-badak itu membuat bising dan ini ialah

menimbulkan kemarahan kepada Sang Kelembai.

Sang Kelembai lantas menyumpah ketujuh-tujuh ekor badak itu. Menurut cerita orang tua-tua pada masa itu juga kaki-kaki badak-badak itu bagaikan terpaku di dasar sungai dan tidak dapat bergerak lagi.

Tiba-tiba kedengaranlah bunyi petir membelah bumi dan diikuti dengan tiupan angin begitu kencang. Air sungai berkocak. Dan sebaik-baik sahaja tiupan angin kencang reda, kesemua badak itu telah bertukar menjadi batu.

Daripada peristiwa inilah orang-orang kampung lantas menamakan kampung mereka dengan nama 'Kampung Batu Badak'. Kononnya hingga ke hari ini kesan batu badak itu boleh dilihat terutamanya semasa air surut.

Kira-kira 6 kilometer dari Kampung Batu Badak terdapat sebuah kampung Melayu yang dikenali dengan nama Kampung Lubuk Batu. Seorang perempuan tua yang lebih terkenal dengan panggilan Mak Ngah Sodah, 90 tahun, dianggap sebagai Penglipur Lara Daerah Segamat. Mak Ngah Sodah dikatakan mengetahui banyak cerita rakyat.

Salah satu cerita rakyat yang sering menjadi perbualannya ialah mengenai kemunculan tujuh orang puteri cantik di hujung kampung. Kisah ini menurutnya berlaku pada satu masa yang lampau. Tujuh orang puteri itu adalah adik-beradik dan puteri yang paling bongsu ialah yang tercantik.

Di hujung kampung tinggal seorang pemuda yang setiap hari kerjanya masuk ke dalam hutan mencari hasil-hasil hutan. Telah ditakdirkan pada suatu hari pemuda itu semasa mencari hasil-hasil hutan telah terserempak dengan puteri yang paling bongsu itu.

Kecantikan yang puteri itu miliki menyebabkan pemuda itu terus jatuh cinta pandang pertama. Tanpa menyiasat asal-usul puteri itu, pemuda itu terus mencu-

rahan perasaan hatinya dan keinginannya untuk memperisterikan puteri itu.

Berkali-kali puteri cantik itu cuba mententeramkan perasaan kecamuk pemuda itu. Puteri itu juga menasihati pemuda itu supaya jangan terburu-buru dalam tindakannya. Pemuda itu bagaikan terpukau setiap kali matanya menikam wajah ayu puteri bongsu itu.

Untuk tidak menghampakan harapan si pemuda itu, puteri bongsu itu sanggup diperisterikan sekiranya pemuda itu dapat memenuhi syarat yang dimintanya. Apabila hati sudah terpicat, semua kerja berat sanggup dibuat. Begitu janji pemuda itu; apa juga permintaan puteri bongsu itu sanggup dipenuhi.

Puteri bongsu itu meminta pemuda itu mencari labi-labi putih untuk dipeliharanya. Itulah sahaja syarat yang diminta.

Kalau pemuda itu dapat mengadakan seekor labi-labi putih maka puteri bongsu rela menjadi isterinya.

Menurut ceritanya sebaik-baik sahaja mendengar syarat yang dikenakan itu, sipemuda pun terus menjelajah ke seluruh kampung mencari labi-labi putih.

Nasibnya baik; setelah seminggu menjelajah ke setiap pelusuk kampung dan meredah hutan, akhirnya pemuda itu berjaya menemui seekor labi-labi putih.

Tetapi malangnya semasa pemuda itu membawa labi-labi putih itu mencari puteri bongsu, tiba-tiba labi-labi itu terlepas dari tangannya dan terus ghaib. Puas pemuda itu mencari labi-labi itu tetapi tidak berjaya.

Kononnya pemuda itu bersumpah bahawa ia akan mencari labi-labi putih yang terlepas daripada tangannya itu sehingga ke akhir hayatnya.

Menurut cerita orang tua-tua ada juga orang yang pernah terjumpa labi-labi putih. Kebiasaannya labi-labi putih itu muncul pada waktu tengah hari semasa hujan panas turun berderai. Sebaik-baik sahaja orang cuba menangkap labi-labi itu, labi-labi putih itu serta

merta ghaib.

Cerita rakyat itu tidak berakhir di situ sahaja. Untuk membuktikan peristiwa yang dikisahkan dalam cerita rakyat itu benar-benar pernah berlaku, menurut Mak Ngah Sodah ada juga orang yang mengaku pernah terjumpa puteri bongsu itu pada malam terang bulan.

Ada juga cerita rakyat di daerah Segamat yang melibatkan watak bukan manusia iaitu jin. Pada zaman dahulu ada seorang jin berkepala tujuh yang sering mengganas dan menimbulkan huru-hara. Kononnya jin itu gemar memakan daging manusia.

Setiap petang menjelang senja kelihatan jin itu merayau-rayau mencari mangsa. Baik orang tua mahupun kanak-kanak yang terserempak dengan jin itu pasti tidak dapat menyelamatkan diri.

Maka berkumpullah orang-orang kampung mencari jalan untuk membunuh jin itu. Seorang bomoh mencadangkan supaya diletakkan beratus-ratus batang jarum di dalam gua yang menjadi rumah jin itu. Rupanya jin itu amat takutkan jarum.

Sebaik sahaja jin itu terpijak jarum-jarum itu sambil mengerang kesakitan jin itu lantas melarikan diri. Kononnya suara jin itu mengerang kesakitan sesekali masih kedengaran hingga ke hari ini.

Di antara cerita rakyat daerah Segamat yang dianggap paling popular ialah cerita '*Perempuan dengan Dulang Emas*'. Pada masa dahulu dalam sebuah kampung ada seorang perempuan muda yang setiap hari mencuci kain di tebing sebatang sungai. Ditakdirkan pada suatu hari sedang ia mencuci kain, tiba-tiba di permukaan air timbullah sebuah dulang emas. Dengan menggunakan ranting yang panjang, dulang emas itu dapat dikaitnya lalu dibawanya pulang.

Pada malam hari ia bermimpi didatangi seorang perempuan tua badannya bongkok tiga. Perempuan tua itu mengarahkan supaya dulang emas itu dicampakkan

ke dalam sungai pada waktu tengah hari apabila hujan panas turun berderai. Ini hendaklah dilakukan selama 44 kali dan selepas itu barulah dulang emas itu akan menjadi milik perempuan muda itu.

Rupa-rupanya perempuan yang menjumpai dulang emas itu adalah seorang yang tamak. Hanya sebanyak tujuh kali sahaja dulang emas itu dicampakkan ke dalam sungai semasa hujan panas turun berderai. Perasaan tamak mulai menguasai dirinya. Ia berhasrat untuk berpindah ke tempat lain membawa bersama-sama dulang emas itu.

Pada keesokan harinya alangkah terperanjat perempuan itu apabila didapatinya dulang emas itu sudah ghaib.

Segera ia bergegas ke sungai. Tetapi dulang emas itu tidak timbul-timbul di permukaan air. Hari demi hari begitulah keadaan perempuan muda itu berdiri di tebing sungai mencari dulang emas itu.

Menurut cerita orang tua-tua dulang emas itu masih berada dalam sungai daerah Segamat. Sesekali dulang emas itu kelihatan terapung-apung kebiasaannya pada waktu tengah hari semasa hujan panas turun berderai. Bukan semua orang dapat melihat dulang emas itu; hanya orang yang dikatakan mempunyai hati yang bersih sahaja dapat melihat dulang emas itu. Dulang emas itu hanya timbul beberapa saat sahaja dan kemudian ghaib di dasar sungai.

Sebenarnya masih banyak lagi cerita rakyat di daerah Segamat yang belum diketahui umum. Cerita-cerita rakyat ini hanya tersimpan di dalam ingatan orang tua-tua sahaja. Sesekali terdorong untuk bercerita maka dipanggilnyalah cucu-cucunya untuk mendengar cerita-cerita rakyat semata-mata bertujuan untuk memenuhi masa lapang. Cerita-cerita rakyat yang penuh dengan unsur-unsur dongeng dan fantasi pasti dapat menghiburkan kanak-kanak.

Satu perkara yang amat ketara berkaitan dengan cerita rakyat daerah Segamat ialah keinginan generasi tua untuk membuktikan bahawa kisah-kisah yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat itu kononnya pernah berlaku dan buktinya terdapat pada kesan-kesan yang masih terdapat hingga ke hari ini, unsur itu sampai sekarang ini banyak dan masih dapat dilihat di beberapa buah tempat dalam daerah Segamat.

Misalnya di Kampung Batu Badak, hingga sekarang kita dapat melihat kesan batu menyerupai badak sebanyak tujuh ekor di dalam sungai. Begitu juga di satu kawasan antara kampung Mensudut Lama dengan Sungai Palong, kita masih boleh lihat batu menyerupai perempuan mengandung. Kesan peninggalan ini dikaitkan dengan cerita rakyat '*Batu Dara Bunting*'. Manakala di atas sebuah bukit berhampiran Sungai Kapeh, terdapat sebuah meriam keramat. Kononnya meriam ini berbunyi biasanya beberapa hari sebelum Segamat dilanda banjir. Kata orang tua-tua meriam itu berbunyi sebagai ingatan kepada penduduk daerah Segamat supaya bersedia menghadapi serangan banjir.

Bercakap tentang cerita rakyat daerah Segamat satu hal yang menyedihkan ialah sikap penerimaan masyarakat terhadap cerita-cerita rakyat. Memang diakui cerita-cerita rakyat merupakan kisah-kisah yang diselimiuti tebal dengan unsur mitos dan fantasinya. Dari segi pemikiran orang-orang sekarang, cerita-cerita rakyat itu memang tidak dapat diterima akal akan kebenarannya. Generasi muda terutama yang berilmu tinggi menganggap bahawa cerita-cerita rakyat itu adalah milik orang tua-tua sahaja. Bila sesetengah mereka mendengar cerita-cerita rakyat hanya membuang masa sedangkan tidak ada apa-apa manfaat atau faedah yang diperolehi.

Dan lebih memburukkan lagi keadaan ialah sikap orang tua-tua sendiri. Mereka yang mengetahui

cerita-cerita rakyat enggan menuturkan cerita-cerita itu kepada anak cucu mereka pada masa-masa lapang. Orang-orang tua sedar menceritakan cerita rakyat kepada generasi muda pada zaman komputer ini hanya membuang masa sahaja kerana generasi muda langsung tidak menaruh sebarang minat terhadap cerita-cerita yang sudah usang itu.

Cerita-cerita rakyat dianggap sebagai barang-barang muzium, diletakkan di satu sudut dan hanya di-jenguk sekali-sekala oleh pengunjung. Bagi generasi muda cerita-cerita rakyat tidak mempunyai apa-apa nilai. Cerita-cerita rakyat tidak mempunyai apa-apa fungsi dan kehadirannya di tengah-tengah masyarakat bagaikan 'melukut di tepi gantang'.

Sehubungan dengan keadaan inilah kita berasa begitu bimbang akan nasib cerita-cerita rakyat sekarang. Kalaulah sebarang langkah positif untuk menyelamatkan cerita rakyat tidak diambil, cerita-cerita rakyat akan pupus ditelan zaman.

Persoalannya sekarang, bagaimanakah dapat kita lakukan untuk memastikan cerita-cerita rakyat dapat diterima oleh masyarakat dan mengelakkannya daripada diketepikan oleh generasi muda sekarang?

Pada saya tindakan pertama yang perlu dilakukan ialah menanamkan rasa cinta dan bangga terhadap cerita rakyat iaitu pusaka warisan bangsa di dalam jiwa generasi muda. Perlulah diyakinkan kepada mereka bahawa cerita rakyat bukan hanya dicipta sebagai hiburan sahaja malah lebih daripada itu, cerita rakyat adalah sastera lisan yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Dalam bahagian tujuannya untuk hiburan terungkap tiga fungsi utamanya iaitu:

- a) memberikan ketenangan atau kerehatan fikiran iaitu menghilangkan rasa penat lelah selepas bekerja sehari suntuk.
- b) memberikan kepuasan intelektual melalui per-

- mainan fikiran dalam bentuk fantasi atau rekaan.
- c) di samping menghibur juga menjadi kias ibarat yang memberi teladan yang baik dan yang buruk kepada kanak-kanak.

Akhirkata dalam menyelamatkan cerita-cerita rakyat, ada baiknya saya petik satu rencana bertajuk *'Peranan dan Kedudukan Sastera Lisan dalam Pengembangan Sastera Malaysia*, karya A. Wahab Ali yang disiarkan dalam Dewan Bahasa, Mac 1976.

1. Institusi-institusi tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, pusat-pusat pengajian tinggi, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta penubuhan penulis seperti GAPENA dan orang perseorangan hendaklah berusaha mengumpulkan hasil-hasil sastera lisan dengan lebih giat lagi. Usaha ini penting memandangkan tradisi lisan itu semakin terdesak oleh pemođenan masyarakat yang sedang pesat berjalan dan semakin menghilang dengan kematian generasi tua yang menguasai sastera lisan itu. Dengan terkumpulnya bahan-bahan sastera lisan itu dan dapat pula digunakan untuk kepentingan mereka.
2. Bahan-bahan lisan yang sudah terkumpul itu hendaklah dipelihara dengan baik dan digalakkan penerbitannya, baik dalam bentuk asal mahupun dalam bentuk terjemahan ke dalam bahasa Malaysia.
3. Pengkajian sastera lisan itu hendaklah membuka horizon baru. Sastera lisan harus juga dikaji dari sudut pendekatan moden. Di samping itu pengajaran sastera lisan di sekolah-sekolah perlu digalakkan dan haruslah pula mementingkan penikmatannya. Murid-murid hendaklah digalakkan melahirkan penikmatannya tersendiri.
4. Sasteranya perlulah menyedari akan kepentingan

sastera lisan itu dari sudut budaya mereka. Janganlah sastera lisan itu dianggap sebagai barang muzium untuk tontonan manusia yang gilakan barang-barang purba. Mereka hendaklah mendekatinya dengan pandangan cinta seorang pewaris lisan itu hendaklah dijadikan sumber ilham yang dapat digunakan seiring dengan pengalaman baru dari segi idea dan teknik supaya ia dapat dijadikan akar yang kukuh untuk pembinaan sastera Malaysia.

5. Sasterawan harus mempunyai sikap berasa besar diri dengan nilai tradisi mereka. Perasaan rendah diri terhadap warisan budaya sendiri yang telah ditanamkan oleh penjajahan budaya barat sehingga menjadikan mata nurani kita sebagai mata kuda dari budaya barat itu hendaklah diubah.
6. Penemuan kita dengan dunia luar dan penemuan kita dengan akar umbi kita, akan lebih mengukuhkan budaya atau sastera kita. Sudah sampai masanya bagi kita, para budayawan, berani melihat bayang-bayang kita sendiri tanpa takut dengan bayang-bayang orang lain. Sudah sampai masanya kita memperkuatkan diri dengan akar tradisi yang terpilih dari budaya sendiri dan budaya wilayah Nusantara.

Dan sekarang terserahlah pada kita untuk menentukan sama ada cerita rakyat sebagai nilai tradisi bangsa yang amat berharga itu terus dipelihara atau dibiarkan berkubur tanpa nisan. Sama-samalah kita fikirkan masalah ini. Tepuklah dada dan tanyalah selera.

Sumber Bacaan:

1. A. Wahab Ali, "*Peranan dan Kedudukan Sastera Lisan dalam Pengembangan Sastera Malaysia*", Dewan Bahasa, Mac, 1976.
2. Drs. Abu Bakar Hamid, *Sastera Tradisi, Jilid 1*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976.
3. Prof. Dr. Ismail Hamid, *Sastera Rakyat*, Pen. Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1986.
4. Prof. Mohd. Taib Osman, *Kesusasteraan Melayu Lama*, Siri Sastera Federal, Kuala Lumpur, 1974.
5. Ungku Mohd. Zaman Tahir, *Delima Batu*, Textbooks Malaysia Sdn. Bhd., Segamat, Johor, 1986.
6. Prof. Dr. James Danandjaja, *Folklor Indonesia*, penerbit Pt Grafiti Pers, Jakarta, 1984.
7. Temubual dengan beberapa informan:
 - i) Tuan Haji Yahya bin Kubu, 92 tahun, Kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor.
 - ii) Pak Salleh bin Yasseh, 62 tahun, Kampung Paya Dalam, Segamat, Johor.
 - iii) Encik Hassan bin Haji Raya, 77 tahun, Kampung Bukit Hampar, Segamat, Johor.
 - iv) Emak Ngah Sa'odah bte Haji Raya, 90 tahun, Kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor.
 - v) Emak Chu Rahmah bte Mahmood, 80 tahun, Kampung Paya Dalam, Segamat, Johor.

*Warisan Seni Budaya Kedah Darul Aman: Tinjauan Terhadap Budaya Benda Koleksi Muzium Negeri

Oleh Siti Zainon Ismail

I. PENGENALAN

KERTAS kerja ini ditumpukan kepada aspek budaya benda sebagai sebahagian unsur yang melengkapi kehidupan manusia. Pengertian budaya sebagai cara atau gaya hidup adalah merujuk kepada adat atau norma dan ciri sesuatu kelompok manusia yang berkongsi terhadap sesuatu konsep tentang hal-hal umum, kepercayaan dan nilai perlakuan masyarakat (Ino Rossi, 1980:2). Beberapa antropologis (Malinowski, Ford, Benedict, Linton) menjelaskan budaya benda adalah pelengkap kepada budaya non-material. Chile dalam bukunya *Social Evolution* (1951) beranggapan, 'material expression adalah penyesuaian diri manusia terhadap persekitaran diri dengan alam, hingga membolehnya terus hidup dan berkembang' (Hodder, 1984: 4). Berbagai istilah telah digunakan oleh para pengkaji sesuai dengan bidang dan pendekatan masing-masing antaranya artifak (sejarah dan arkeoetnologi), bahan etnografis (antropologi-budaya), objek seni, kraftangan (kesenian dan kebudayaan dan

* Dibenang dalam *Himpunan Budayawan Malaysia '90 di Alor Setar - 17 - 18 November, 1990*

sebagainya. Semua bahan budaya adalah bersifat fungsional yang mempunyai nilai guna ataupun useful arts dan setengahnya dihasilkan melalui pengalaman keindahan terutama dalam lingkungan budaya tradisi agung.

Tinjauan terhadap budaya benda koleksi Muzium Negeri Kedah Darul Aman termasuk di Balai Besar (Muzium Diraja) adalah dalam rangka mengenal pastikan kewujudan berbagai aspek peralatan budaya dan sejauh manakah ia dapat dikekalkan melalui pemerian data sebagai pelengkap dokumentasi koleksi pameran. Tinjauan terhadap budaya benda di Muzium Negeri ditumpukan kepada peralatan yang berhubung dengan konteks tradisi agung. Digunakan dengan penuh adat istiadat (golongan istana) ataupun sebagai amalan tradisi (peralatan dan perhiasan pengantin). Kajian dan analisis melalui pendekatan antropologi-budaya menggunakan dua kaedah: 1) analisis terhadap teks sastera (sejarah dan hikayat) yang memerikan aspek budaya benda dan 2) analisis bahan etnografis dengan tujuan merealisasikan sumber teks dengan bahan nyata (budaya benda) sebagai objek warisan seni budaya.

Tinjauan dan kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa adanya kerjasama dari beberapa pihak. Kami mengucapkan terima kasih kepada Hajjah Nabihah Hj. Mohammed, PCK dan seluruh kakitangan Muzium Negeri dan Muzium Diraja (Balai Besar) yang mengizinkan dan memberi bantuan dan kemudahan sepanjang kajian dilakukan (1988 dan 1990). Ucapan yang sama juga ditujukan kepada beberapa orang sahabat, kerana dengan jasa baik mereka telah melicinkan kerja-kerja penyelidikan.

II. WARISAN SENI BUDAYA

PENGERTIAN warisan selalu dihubungkan dengan harta pusaka, harta peninggalan; mewarisi - menerima

harta pusaka dari, mempusakai; mewariskan - meninggalkan harta pusaka kepada, memberikan peninggalan pesaka atau peninggalan (Tunku Iskandar, 1970: 1343). Sebagai warisan, umumnya budaya benda adalah bersifat tradisional. Tradisi sebagai 'suatu kebiasaan (adat, kepercayaan) yang kekal turun temurun, bukan sahaja sudah kurang dipakai, diamalkan, malah ada yang cuba melupakan sejarah kewujudannya dan menganggapnya sebagai 'barang lama' yang wajar dimuziumkan. Di muzium, tinggallah ia sebagai bahan pameran sahaja. Kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau aspek budaya benda sebagai bahan yang 'hidup' mempunyai lataran budaya yang melambangkan ketamadunan sesuatu bangsa. Von Arnim melihat tradisi sebagai bahan volkunde (dari bahasa Jerman) yang di dalamnya merangkumi folk/court arts and crafts. Analisis tentang budaya benda di muzium ditumpukan kepada bahan etnografis yang dikategorikan ke dalam kelompok seni - budaya tradisi agung (berdasarkan teori "the great and little tradition" yang dikemukakan oleh Robert Redfield, 1975) iaitu peralatan seni - budaya yang digunakan dalam acara di istana atau perlakuan yang meniru keagungan raja (raja sehari) bagi kalangan orang kebanyakan. Tradisi ini adalah merupakan kesinambungan keagungan raja-raja Melayu Kedah sejak awal Masihi. Semua bahan budaya yang digunakan meliputi upacara pertabalan (singgahsana, peterana, pelaminan), perkakas-perkakas di singgahsana dsbnya, pakaian dan perhiasan adalah beberapa contoh budaya benda yang telah dikumpulkan muzium dan ini yang akan diperkatakan dalam kertas kerja ini.

III. KEDAH - WARISAN PUSAT BUDAYA TRADISI AGUNG

SEJAK dari awal sejarah Masihi, Kedah sering dihubungkan dengan beberapa nama kerajaan (Langkasu-

ka, Seriwijaya) sebagai pernah menguasai dan bertapak di situ. Kedah dikenali dengan berbagai nama: Kilah (Ibnu Khurdadhbih, 846), Qalha atau Kalah (Muhallal, 941) atau Kataha (bahasa Sanskrit), Kadaram (bahasa Tamil). Dari catatan pengembara Cina, disebut Kie-tc'a ataupun Cieh-c'a (lih. Coomaraswamy, 1966; Haji Buyong Adil, 1980; Wheatley, 1966).

Bekas wilayah kerajaan Langkasuka ini disebut oleh W. Linehan (1948) sebagai "The Island of Asoka". China menyebutnya Langya-Shiu dan nama Langkasuka kekal disebut dalam sastera (Hikayat Merong Mahawangsa). Melalui tinggalan sejarah (artifak) - Kedah (sepanjang Sungai Merbok) adalah merupakan negeri tertua di Semenanjung. Telah disinggahi oleh pengembara asing dan pembina kerajaan baru. Catatan dari Ibnu Muhalhal, menyatakan Kalah sebagai wilayah di bawah kerajaan Zabaj (empayar Seriwajaya yang berpusat di Palembang). Ketika itu (630) telah ada raja di Kedah berasal dari Parsi (Haji Buyong, *ibid*). Agama Buddha berkembang di Kedah sehingga Maharaja Rajendra I dari Kerajaan Chola di pantai Coromandel menyerang Seriwajaya, Kedah turut menjadi perhatian raja tersebut. I Ching juga melaporkan tentang Kie-tc'a. Dalam pelayarannya dari Canton (671) ke India, singgah di Palembang - Mo-lo-yo (Jambi) dan Kie-tc'a pada abad ke-7 (Sheppard, 1959; Coomaraswamy, *ibid*). Kedah dipercayai menerima agama Islam ialah apabila Maharaja Derba II memeluk Islam dan bergelar Sultan Muzaffar Syah I (1136) (Haji Buyong: 49).

Dari sejarah ringkas di atas, dapat kita sedari bertapa sejak awal lagi telah didatangi berbagai unsur dari luar. Melalui pendekatan antropologi-budaya, Kedah dapat dikatakan sebagai pusat budaya yang dinamis. Menerima berbagai unsur tetapi tetap bertahan dengan ciri budaya tempatan. Berkembang melalui penyaringan dan mencipta dengan daya kreasi seniman. Melalui unsur

Hindu-Buddha mengenalkan konsep warna (kuning, putih), perhiasan emas (mahkota), tekstil (patolaa - cindai); unsur Arab-Parsi/Islam mengenalkan tekstil (dewangga, sakhlal ainulbanat). Unsur-unsur ini bertembung pula dengan beberapa unsur dari budaya Melayu persekitaran yang turut berkembang dalam pemerintahan Kerajaan Melayu - Kedah. Seperti hubungan dengan Melaka, Siam (abad ke-15), Aceh (sejak abad ke-16) dan Bugis melalui pengaruh kuasa Kerajaan Melayu-Johor Riau (abad ke-17 dan 18). Menjelang kedatangan pengaruh Barat, Kedah telah mengenal dan mengekalkan ciri-ciri tempatan melalui pengucapan dan penciptaan senibudaya khususnya dalam aspek budaya benda lebih dari 500 tahun lalu.

IV. WARISAN SENI-BUDAYA KOLEKSI MUZIUM NEGERI/DIRAJA

Aspek budaya benda yang diperkatakan ialah terdiri daripada peralatan dalaman iaitu alat-alat yang dipakai di dalam rumah atau istana untuk upacara rasmi sebagai kegiatan budaya tradisi agung. Pilihan utama pengkaji ialah unsur yang dikategorikan dalam bentuk seni - budaya tiga dimensi iaitu:

- 1) seni bina (peterana, pelaminan, singgahsana) dan segala perkakasny
- 2) tekstil dan pakaian dan
- 3) perhiasan. Bagi mendapatkan analisis yang lengkap tentang makna, fungsi dan keindahannya, kajian bandingan akan dilakukan melalui kutipan teks sastera yang memerikan bentuk-bentuk tersebut.

1) SENI BINA DALAMAN

1. Peterana, Pelaminan, Singgahsana dan Perkakasny

Ketiga-tiga istilah di atas adalah yang berhubungan

ka, Seriwijaya) sebagai pernah menguasai dan bertapak di situ. Kedah dikenali dengan berbagai nama: Kilah (Ibnu Khurdadhbih, 846), Qalha atau Kalah (Muhallal, 941) atau Kataha (bahasa Sanskrit), Kadaram (bahasa Tamil). Dari catatan pengembara Cina, disebut Kie-tc'a ataupun Cieh-c'a (lih. Coomaraswamy, 1966; Haji Buyong Adil, 1980; Wheatley, 1966).

Bekas wilayah kerajaan Langkasuka ini disebut oleh W. Linchan (1948) sebagai "The Island of Asoka". China menyebutnya Langya-Shiu dan nama Langkasuka kekal disebut dalam sastra (Hikayat Merong Mahawangsa). Melalui tinggalan sejarah (artifak) - Kedah (sepanjang Sungai Merbok) adalah merupakan negeri tertua di Semenanjung. Telah disinggahi oleh pengembara asing dan pembina kerajaan baru. Catatan dari Ibnu Muhalhal, menyatakan Kalah sebagai wilayah di bawah kerajaan Zabaj (empayar Seriwajaya yang berpusat di Palembang). Ketika itu (630) telah ada raja di Kedah berasal dari Parsi (Haji Buyong, *ibid*). Agama Buddha berkembang di Kedah sehingga Maharaja Rajendra I dari Kerajaan Chola di pantai Coromandel menyerang Seriwajaya, Kedah turut menjadi perhatian raja tersebut. I Ching juga melaporkan tentang Kie-tc'a. Dalam pelayarannya dari Canton (671) ke India, singgah di Palembang - Mo-lo-yo (Jambi) dan Kie-tc'a pada abad ke-7 (Sheppard, 1959; Coomaraswamy, *ibid*). Kedah dipercayai menerima agama Islam ialah apabila Maharaja Derba II memeluk Islam dan bergelar Sultan Muzaffar Syah I (1136) (Haji Buyong: 49).

Dari sejarah ringkas di atas, dapat kita sedari betapa sejak awal lagi telah didatangi berbagai unsur dari luar. Melalui pendekatan antropologi-budaya, Kedah dapat dikatakan sebagai pusat budaya yang dinamis. Menerima berbagai unsur tetapi tetap bertahan dengan ciri budaya tempatan. Berkembang melalui penyaringan dan mencipta dengan daya kreasi seniman. Melalui unsur

Hindu-Buddha mengenalkan konsep warna (kuning, putih), perhiasan emas (mahkota), tekstil (patolaa - cindai); unsur Arab-Parsi/Islam mengenalkan tekstil (dewangga, sakhlal ainulbanat). Unsur-unsur ini bertembung pula dengan beberapa unsur dari budaya Melayu persekitaran yang turut berkembang dalam pemerintahan Kerajaan Melayu - Kedah. Seperti hubungan dengan Melaka, Siam (abad ke-15), Aceh (sejak abad ke-16) dan Bugis melalui pengaruh kuasa Kerajaan Melayu-Johor Riau (abad ke-17 dan 18). Menjelang kedatangan pengaruh Barat, Kedah telah mengenal dan mengekalkan ciri-ciri tempatan melalui pengucapan dan penciptaan senibudaya khususnya dalam aspek budaya benda lebih dari 500 tahun lalu.

IV. WARISAN SENI-BUDAYA KOLEKSI MUZIUM NEGERI/DIRAJA

Aspek budaya benda yang diperkatakan ialah terdiri daripada peralatan dalaman iaitu alat-alat yang dipakai di dalam rumah atau istana untuk upacara rasmi sebagai kegiatan budaya tradisi agung. Pilihan utama pengkaji ialah unsur yang dikategorikan dalam bentuk seni - budaya tiga dimensi iaitu:

- 1) seni bina (peterana, pelaminan, singgahsana) dan segala perkakasnya
- 2) tekstil dan pakaian dan
- 3) perhiasan. Bagi mendapatkan analisis yang lengkap tentang makna, fungsi dan keindahannya, kajian bandingan akan dilakukan melalui kutipan teks sastera yang memerikan bentuk-bentuk tersebut.

1) SENI BINA DALAMAN

i. Peterana, Pelaminan, Singgahsana dan Perkakasnya

Ketiga-tiga istilah di atas adalah yang berhubungan

dengan fungsi gunaan. Peterana - 'tempat duduk untuk orang yang dihormati (raja, mempelai) (Iskandar: 870); pelaminan - tempat pengantin bersanding atau tempat tidur pengantin (ibid: 833); singgahsana - 'kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam), takhta, singgahsana kerajaan di atas peterana yang bertatahkan permata' (ibid: 1112).

Model peterana atau singgahsana atau pelaminan diraja ini terletak di ruang ibu rumah (Muzium Diraja "Istana Pelamin") berbentuk lima tingkat. Tiga tingkat dari bawah berhiaskan sepasang cerana (dulang paha) di letak di hujung (kanan-kiri) tingkat peterana.

Sepasang arca pengantin (raja dan permaisuri) duduk di atas (singgahsana) beralaskan ciur (tikar baldu) bertekat diapit oleh penghulu adat wanita, dayang atau mak andam. Semua peralatan dihiasi dengan bahan baldu kuning termasuk tirai atau kelambu. Hiasan peterana ditambah dengan sulaman tiruan (kertas berukiran tebuk berperada kuning - putih) dengan motif pucuk rebung di setiap pinggir tingkat peterana. Peterana atau pelaminan merupakan koleksi imitasi. Walau bagaimanapun rekabentuk asasnya masih mempertahankan nilai tradisinya. Terutama apabila dibandingkan dengan pemerian teks, realisasi bentuknya masih dikekalkan walaupun dari sudut makna dan keindahannya tidaklah selengkap seperti yang digambarkan secara imaginatif (teks). Dalam pemerian disebutkan (Hikayat Inderaputera: 17, 43):

.... 'istana berisikan saklat ainulbanat dan baldu dewangga....

..... menghias mahligai itu daripada tilam dewangga yang keemasan dan beberapa saklat ainulbanat.... maka saklat itu sudah terhamparnya bantal seraga yang keemasan'.

Pemerian di atas memasukkan perkakas-perkakas (tilam, bantal seraga) yang digunakan di istana atau di atas

peterana yang terdiri daripada bahan dari luar: sakhlal ainulbanat (Arab-Parsi, kain dari benang bulu (domba) yang cantik) (Iskandar: 9; 998); baldu, dewangga/sutera (India, China).

Makna dan fungsi peterana dapat dikutip dari pemerian tentang 'peterana perarakan' (Hikayat Indera Putera: 56-57):

....perarakan dari emas dan perak bertatahkan ratna mutu mutiara berumbai-umbai mutiara. Tujuh pangkat... sakhlal dan baldu pada setingkat (tingkat satu) anak perdana dan ketiga pangkat (tingkat tiga) anak dara-dara memegang kipas dan kelima pangkat (tingkat lima) segala anak perwira dengan pakaian lengkap dengan alat senjata.

Pemerian di atas memperlihatkan perkakas adat yang digunakan (puan, kain songket, kipas, pakaian dan alat senjata). Simbol tradisi agung dilengkapkan lagi dengan menggunakan bahan-bahan mewah (sakhlal, emas, mutiara). Setiap bahan dan perkakas melibatkan manusia (yang memakai atau membawanya). Mereka ditempatkan sesuai dengan status atau jawatan berdasarkan tingkat peterana atau disebut sebagai pangkat (ada tujuh tingkat/pangkat): tingkat atas atau tujuh (paling atas) tempat raja/pengantin diraja berhiaskan sakhlal baldu, tingkat lima - anak perwira dengan pakaian lengkap bersenjata, tingkat tiga - anak-anak dara memegang kipas dan tingkat satu - anak perdana memangku puan.

Pemerian ini dapat dikatakan melengkapkan fahaman kita tentang makna dan fungsi keindahan budaya tradisi agung Melayu. Nampaknya simbol warna dan kedudukan ruang (tingkat) tidak mendapat sorotan atau rujukan dalam mengumpul dan membentuk semula koleksi budaya benda di muzium. Terutama kalau kita melangkah ke ruang dalam (kamar diraja atau pengantin). Bahan etnografis yang menghiasi pelamin peraduan meng-

gunakan warna merah dan putih (bahan dari baldi) untuk cadar, sarung bantal, ciur dan kelambu). Barangkali yang masih dikekalkan ialah imitasi sulaman benang emas yang menghiasi sarung bantal dan ciur).

2) TEKSTIL DAN PAKAIAN

i. Tekstil

Tekstil sebagai pelengkap pakaian adalah merupakan bahan etnografis penting dalam koleksi muzium. Kajian tentang "*Tekstil: Satu Pemerian Koleksi Muzium Negeri Kedah*" telah dilakukan oleh Shahrul Bariah Darus terhadap 12 helai tekstil (latihan ilmiah, JPM-UKM, 1988/89). Shahrul menyebut sebanyak 33 helai lagi yang belum dikajinya. Tetapi dalam data kajian awal (Januari 1988) penulis dapat menyusun senarai dengan mencatat sebanyak 250 helai kain (terdiri daripada jenis kain limar, cindai, kain bugis, kain chempa mahsuri, songket pahang, broket, telepek, (selendang) kelengkan (manto - Riau).

Shahrul membuat klasifikasi tekstil koleksi muzium berdasarkan kepada teknik (tenun ikat, telepek, songket dan sulaman, batik), bahan dan corak. Tidak terdapat bukti yang jelas tentang kegiatan menenun di Kedah. Bahan etnografis yang berupa alat tenunan yang disimpan di Muzium Diraja, adalah merupakan alat melerai benang berasal dari Siam; digunakan oleh dayang-dayang istana Anak Bukit berasal dari tahun 1941. Walaupun Winstedt ada mencatat tentang kerja-kerja menenun di Kedah, tetapi kepakaran ini tidak pula memperlihatkan kesinambungannya. Beberapa pemerian tentang tekstil dari teks sastera memperkatakan tentang bahan dari luar (lih. kutipan di atas atau disebut lagi tentang baju antakesuma, kain sutera rambutinya rupanya seperti air embun). Ini dibuktikan dengan koleksi muzium sendiri. Dari beberapa

jenis dan istilah tekstil ia dapat dihubungkan dengan wilayah budaya tekstil lain (Kelantan, Terengganu, Palembang, Bugis) hingga dapat diandaikan sebagai kain yang memang berasal dari sana. Antaranya kain limar berayat (asal Kelantan -PK 108/9, 1975), kain limar (PK 109/9), kain cindai (patola - PK 82/9, PK 57/9), kain corak bugis (PK 48/9), songket Brunei (PK 1/9D). Beberapa jenis tekstil dapat dirujukan sebagai tenunan dari Kelantan atau Terengganu iaitu songket penuh (PK 19/9, PK 41/9), ikat songket (PK 107/9).

Tekstil yang menarik dan dapat diterima sebagai budaya benda yang dihasilkan di Kedah ialah selendang kelengkan benang emas (PK 7/9, PK 25/9, PK 1/81), kain panjang hiasan perada, telepuk (PKK 32/9), PK 101/9 (2/4) dan sulaman (PK 11/82, PK 12/82, PK 44/9, PK 47/9, PK 1/87).

ii. Pakaian

Tekstil yang disebut di atas dijadikan selengkap pakaian (baju, kain, seluar, ikat kepala, sebai ataupun selendang). Pola baju yang dapat dikesan dari koleksi muzium ialah baju Melayu teluk belanga (satin merah jambu berhias sulam kelengkan, songket hijau bunga tabur - baju raja di peterana (pengantin); baju pandak (kemudian disebut baju kedah - kain sutera saring putih bersulam kelengkan), kebaya panjang (songket bunga tabur), baju sikap (lelaki) dan baju potong bugis/ seluar gombang (kain gerus bertelepuk).

Contoh nyata yang dapat dikategorikan sebagai ciri khas Kedah ialah apabila Sultan mengekalkan kelangsungan gaya kerajaan Melayu Melaka melalui pakaian adat istiadat: lima persalinan (baju, sampung, seluar, destar, ikat pinggang (pending) dan gaya ikat kain berpuncung. Begitu juga dengan penggunaan berbagai bahan dari luar dan unsur dari wilayah budaya Melayu

persekitaran telah menyatu sebagai pakaian lengkap. Dalam Hikayat Terung Pipit diperikan kelengkapan persalinan Tengku Sultan Maha Mulia terdiri daripada kain, baju, seluar yang menggunakan bahan tenunan Jawa, Bugis, kain India dan sebagainya (Hikayat Terung Pipit, 1964: 117-118):

Dipakainya seluar tengkerong ragi Jawa (tenunan bercorak buatan Jawa) lalu dipakainya pula kain kampak (tenunan berkampung dari...) Bugis lalu diambil sehelai baju surasah bunga seroja (kain tenunan dari India) kancing beratur di lengkung dada. Setelah sudah diambilnya pending chutam dikacip di pinggangnya diambil pula sehelai kain cawai (curwai/syaul - kain tenunan halus India), telipuk (kain telepuk) cawai telepi, dibebat di pinggang.

Begitu juga dengan beberapa gaya ikat tengkolok memperlihatkan persamaannya dengan beberapa wilayah Melayu lainnya terutama dari sudut fungsi gunaan dan simbol status. Data pemerian tentang tengkolok atau desta adalah diasaskan kepada rekabentuk, fungsi dan simbol status si pemakainya. Data pemerian adalah bersumber dari koleksi Muzium Negara. Empat rekabentuk asas destar yang terkenal ialah:

- 1) desta sultan (E 811.1963, songket hijau bertabur),
- 2) desta ikatan bendahara (E 813. 1963, songket ungu bertabur),
- 3) desta ikatan laksamana (E 818. 1963), songket kuning) dan
- 4) desta ikatan temenggung (E. 816. 1963, songket merah).

Mengikut Pak Daud (tukang ikat - jahit tengkolok istana Kedah), desta atau tengkolok diikat mengikut tiga peringkat asas iaitu:

- 1) lilit sapu tangan (orang kebanyakan),
- 2) ikat lang menyusur angin, lang mengeram (pembesar) dan

3) dendam tak sudah (sultan).

Pembahagian ini dapat dianggap sebagai telah menyatu dengan beberapa ikatan tengkolok di negeri-negeri (Melayu) lain. Misalnya lang menyungsung angin terkenal di Perak sebagai desta Raja di Hilir (koleksi Muzium Negara - E 796, 1963, songket kuning langsung) atau desta kerabat raja Pahang (koleksi Muzium Negara - E 799, 1963, songket merah bertabur). Manakala desta dendam tak sudah adalah berasal dari Negeri Sembilan dan telah diterima sebagai desta rasmi DYMM Yang Dipertuan Agong.

3) PERHIASAN

Perhiasan atau barang-barang kemas adalah antara koleksi budaya benda yang berhubung erat dalam tradisi berpakaian. Koleksi terdapat di Muzium Negara dan juga di Muzium Diraja. Pemerian teks sastera menyebut tentang jenis perhiasan misalnya, 'perhiasan Puteri Seribulan gelang tangan, cincin intan, pedaka, bersawat sandang, pontoh bernaga berazimat firus' (Hikayat Indera Putera: 144).

Pemerian tentang perhiasan ini merupakan gambaran umum tentang bentuk dan ciri perhiasan istana. Dari sudut bahan etnografis, pemerian teks ini begitu membantu sekali dalam menjelaskan rekabentuk perhiasan yang masih wujud sebagai warisan seni-budaya. Beberapa bentuk perhiasan atau barang kemas yang disimpan rapi di Muzium Diraja (disimpan di kamar peraduan) terdiri daripada pending, kilat bahu (hiasan pergelangan atas dengan motif burung), kerunsang toh, kerunsang duit (BK/40/4), gelang kaki, cucuk sanggul, penduk, rantai bunga nyiur. Manakala perhiasan yang dipakai oleh 'raja/ permaisuri' (pengantin) di peterana (Istana Pelamin), selain dilengkapi dengan perhiasan di atas, juga memakai gendik di dahi dan bunga sunting di kepala.

Memang tidak ada pameran yang lengkap tentang koleksi bahan-bahan tersebut. Secara rambang pengunjung harus rajin membandingkan rekabentuk asas setiap budaya benda yang dipamerkan dengan beberapa koleksi di muzium-muzium yang pernah dikunjungi. Sebagai pengkaji, kerja-kerja tidak akan berhenti setakat mencatat data dari koleksi pameran, tetapi harus kembali berputar ke belakang, ke dalam, membongkar data-data yang belum dirapikan.

V. KESIMPULAN

Tinjauan tentang aspek budaya benda seperti yang dikatakan di atas, adalah merupakan kerja-kerja awal dalam memastikan kewujudan rekabentuk seni-budaya tiga dimensi. Perhatian kepada masalah simbol tradisi agung hanyalah secebis dari aspek budaya benda Melayu. Masih banyak bentuk-bentuk seni-budaya yang tidak disinggung, pada hal segala perlakuan masyarakat adalah saling berhubungan antara satu aspek dengan aspek yang lain. Peralatan muzik (nobat, gendang tarinai), bunga emas adalah beberapa contoh seni-budaya benda yang masih belum banyak dibongkar rahsiannya. Begitu juga dengan lingkungan masyarakat budaya tradisi kecil adalah merupakan penunjang yang turut memberi nafas dalam budaya tradisi agung. Ciri-ciri seni-budaya ini saling berkaitan antara satu sama lain dan perlu sekali mendapat sorotan. Tumpuan kepada aspek budaya benda ini bukanlah hanya sekadar untuk menampilkan bentuk luaran tetapi juga harus diimbangi dengan aspek dalamannya yang merangkumi juga nilai-nilai non material, jiwa, roh dan ilmu. Tanpa kesedaran ini, warisan seni-budaya hanya menjadi bahan tontonan atau pameran, Kita tentu setuju, muzium bukanlah tempat pameran barang purba yang tak bergerak atau bernyawa, tetapi

bagaimana kita harus memberinya sinar kehidupan!
Wassalam.

Bahan Bacaan

- Ali Haji Ahmad (peny.) 1973. *Hikayat Indera Putera*. Kuala Lumpur: DBP.
- Brandell, Rolland, 1980. "Most Ancient Kedah, Lembah Bujang". Malaysian Historical Society, Kuala Lumpur.
- Coomaraswamy, Ananda K., 1965. *History of India and Indonesia*. New York: Dover Publications.
- Haji Buyong Adif. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hodder, Ian. 1982. *Symbols In Action*. London: Cambridge University Press.
- Panglima Ali Mudin Panglima Hassan, 1964. *Hikayat Terung Pipit*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Redfield, Robert. 1982. *Masyarakat dan Kebudayaan (terj. Daniel Dhukidae)*. Jakarta: Rajawali.
- Shellabear, W.G. (peny.). 1984. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Siti Hawa Salleh (peny.) 1973. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: DBP.
- Teuku Iskandar (peny.) 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP. Wheatley Wheatley
- Wolters, O.W. 1975. *Fall of Srivijaya in Malay History*. Singapore: Oxford University Press.

39
7
14
1

*Kisah Pelayaran Ke Riau: Suatu Pengenalan Dan Anotasi

Oleh M. A. Fawzi Basri

PARA pengkaji sejarah, sosiologi dan kesusasteraan tempatan hingga kini telah ditamu dengan Kisah Pelayaran Abdullah¹ dan Kisah Pelayaran Mohamad Ibrahim Munsyi,² kedua-dua kisah itu membuat periwayatan tentang berbagai keadaan di Semenanjung. Ini berlainan sekali dengan 'Kisah Pelayaran ke Riau', selain dari teks ini masih belum diterbitkan, lembarannya pula tidak setebal dua kisah di atas tadi, sebaliknya teks ini adalah satu kisah yang diedit dari diari atau 'peringatan' Ungku Haji Mohamad bin Ungku Haji Abdullah, iaitu sepupu Maharaja Abu Bakar dan catatan dari Datuk Bentara Jaafar Haji Mohamad.³ Dipercayai naskhah bertaip Jawi ini disalin dari naskhah Jawi tulisan tangan. Namun begitu agak sukar ditentukan siapakah pengarangnya. Dalam zaman keagungan Johor moden terdapat tiga pengarang yang rapat dengan Istana Johor, iaitu Mohamad Ibrahim Munsyi yang hidup dari zaman Temenggung Abu Bakar sehinggalah ke tahun 1904,⁴ keduanya Datuk Major Haji Mohamad Said Sulaiman⁵ dan Leftenan Kolonel Haji Musa

* *Dewan Bahasa, September, 1977*

Yusof, iaitu selain dari Othman Abdul Hamid dan Dato Onn Jaafar. Dalam hubungan teks ini bukanlah mustahil manuskrip awalnya disusun oleh Mohamad Ibrahim Munsyi berdasarkan antara tahun 1866-1904, beliaulah satu-satunya orang Johor yang berkebolehan mengarang dan lebih hampir dengan sumber istana. Sebagai pendokong pertubuhan persuratan 'Pakatan Belajar-mengajar Pengetahuan Bahasa' (P.Bm. P.B) bersama Datuk Sri Amar Diraja,⁶ satu-satunya pertubuhan persuratan Melayu Semenanjung yang ditubuhkan dalam tahun 1888 Ibrahim Munsyi pasti cuba melaksanakan objektif P.Bm.PB (ف.م.ب) yang berusaha menggalakkan ahli-ahlinya menulis diari mengikut jejak langkah Datuk Bentara dan Ungku Haji itu. Bagi membuktikan betapa penting diari itu pada 'orang Johor' maka 'Kisah Pelayaran ke Riau' telah disusun berasaskan catatan berasingan dari diari Ungku Haji dan Datuk Bentara Jaafar itu.

Riau adalah salah sebuah dari pusat kebudayaan Melayu,⁷ khususnya dengan kehadiran Raja Ali Haji.⁸ Teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini sebahagian besarnya merakamkan perihal pertemuan dengan Raja Ali Haji yang pada ketika itu menjadi Penasihat kepada Yamtuan Muda Riau. Selain dari menjadi tokoh politik beliau juga merupakan tokoh teologi. Peranannya sebagai 'Penasihat' Kerajaan Riau itu diwarisi dari jawatan ayahandanya Raja Haji Ahmad yang bergelar Raja Tua,⁹ iaitu salah seorang dari lapan Penasihat Sultan Johor-Riau. Selain dari menjadi 'orang kanan' Yamtuan Muda Riau, Raja Tua boleh mewakili Sultan atau Yamtuan Muda Riau dalam mengisytiharkan pertabalan-pertabalan Bendahara Pahang, Temenggung Johor, Sultan Terengganu dan juga Sultan Selangor.¹⁰ Raja Ali Haji yang mahir tentang selok-belok peraturan dan adat istiadat Kerajaan Melayu juga telah menulis buku-buku yang ada kaitannya dengan pengurusan Ke-

rajaan dan kehakiman serta buku-buku sejarah Raja Melayu dan Bugis.

'Kisah Pelayaran ke Riau' dapat juga membuat pemeriksaan terhadap tulisan R.O. Winstedt,¹¹ malah dapat pula memperlihatkan kebasahan keturunan Temenggung Johor menjadi pemerintah Johor yang berdaulat.¹² Selain dari itu teks ini juga memperlihatkan amal-an Johor membuat 'reference' ke istana Riau berhubung dengan adat istiadat Kerajaan Johor, malah 'Kisah Pelayaran ke Riau' telah dapat membutirkan buku-buku karya Ali Haji yang dibawa ke Johor. Antara kitab-kitab itu termasuklah 'Syamrat al-Mihmak Dzifat il-Umara' Wal Kubara'; Undang-undang di zaman Sultan Abdul Ghaffar Muhauiddin Syah; Kitab kanun dan adat yang diatur pada zaman Sultan Sulaiman.¹³ Kitab-kitab ini turut mempengaruhi pembentukan sistem pentadbiran Kerajaan Johor Baharu.¹⁴ Ini ada kaitan dengan matlamat Abu Bakar menghantar delegasi ke Riau tahun 1868 itu dengan tujuan 'bertanya' kepada Raja Ali Haji berkenaan 'aturan Melayu'.

Winstedt¹⁵ pernah memberikan komen bahawa lawatan ke Riau itu semata-mata sebagai usaha Temenggung Abu Bakar mendapatkan 'his eligibility for the throne of Johore'. Winstedt membayangkan sikap Abu Bakar yang 'indifferent' akan pendapat dari Riau-Lingga lantas Abu Bakar dalam tahun 1868 memakai gelaran Maharaja sahaja. Teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini dapat menjawab komen Winstedt dan keraguan selama ini terhadap kemungkinan Abu Bakar terpengaruh dengan gelaran 'Maharaja India' semasa lawatannya ke barat dunia dalam tahun 1866 itu. Sebaliknya Raja Ali Haji menerangkan bagaimana Temenggung boleh menjadi Raja Johor. Jika menjadi Raja Bangsa Temenggung apalah yang patut gelarannya.¹⁶ Apabila delegasi dari Johor itu bertanya tentang penggunaan gelaran Maharaja, Raja Ali Haji me-

nerangkan bahawa Maharaja bermakna Raja Besar seperti Sultan yang ada beberapa raja-raja yang di bawah takluknya. Tentang perkataan Seri Maharaja ataupun Serinya ialah bagi Temenggung, adapun Maharaja itu ialah Rajanya.¹⁷ Justeru inilah di kalangan orang Inggeris di negeri Selat khususnya, secara rasmi Abu Bakar disebut *'His Highness Abu Bakar, Sri Maharaja of Johore and its dependencies.'*¹⁸ Kerana pemakaian gelaran Maharaja inilah kedudukan ketua negeri Johor itu menjadi satu isu politik. Raja-raja negeri Melayu dikatakan *'do not regard the position of the Maharaja of Johore as equivalent to that of the Rajah-born rulers of the other Native states which clearly implies that he held His Highness not to be Rajah-born.'*¹⁹ Dalam tahun 1889 persoalan ini timbul lagi, Johor bernasib baik mempunyai Datuk Jaafar Mohamad yang turut mendalami selok-belok peraturan Melayu di Riau itu, lantas beliau telah menerangkan kelainan warisan jawatan Temenggung di Johor:

...kerana pada adat Johor tiada boleh dijadikan Temenggung dan Bendahara melainkan darah Raja bersalah dengan negeri Melayu yang lain mengadakan jawatan-jawatan itu tetapi bukan darah Raja pun boleh duduk di dalam jawatan-jawatan itu.²⁰

Abu Bakar amat bijak dari segi politik mengukuhkan dirinya sebagai pemerintah Kerajaan Johor yang unggul.²¹ Baginda sedar dari segi formaliti istana Riau perlu menabalkan dirinya sebagai Maharaja Johor. Delegasi Johor dapat melaksanakan cita-cita Abu Bakar dengan kejayaan mereka membincangkan keberangkatan pihak berkuasa Riau di upacara pertabalan Maharaja Abu Bakar di Teluk Belanga. Pada 14 Muharam 1285 (7 Mei 1868) Raja Ali Haji yang mengetuai delegasi Riau telah sampai di Teluk Belanga untuk upacara pertabalan itu.²² Sebagai membalas jasa baik perutusan istana Riau itu Maharaja Abu Bakar telah meng-

hadiahkan Raja Ali Haji sebuah sekoci (*steamer*) *twin-screw*. Kerajaan Johor juga telah memberi penghormatan kepada perutusan itu dengan menyewa khas kapal api ekspres 'Muar' yang terkenal di Singapura ketika itu, khusus menghantar raja-raja Riau berangkat pulang ke Penyengat.

23 Dalam teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' dapat juga diperlihatkan kehadiran pegawai-pegawai Temenggung Abu Bakar yang dedikasi seperti Ungku Haji Mohamad, Ungku Abdullah,²³ Datuk Bentara Jaafar dan Kapten Kapal Kerajaan Johor Funboat (sekonar) 'Segget' (سيكيت)²⁴ Semua mereka ini adalah orang kepercayaan Abu Bakar dan menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan Johor yang dipercayai ditubuhkan selepas kepulangan delegasi dari Riau ini. 'Council' inilah yang telah memainkan peranan sebagai penasihat Kerajaan Johor. Oleh itu bukanlah ganjil bagi Raja Ali Haji menasihatkan Datuk Bentara Jaafar dan Encik Abu Talib kapten kapal 'Segget' "hendaklah pandai-pandai menambat hati orang (menarik hati rakyat) supaya tertambat kasihnya kepada Raja kita".²⁵ Ini adalah satu strategi yang penting bagi Abu Bakar mendapat sokongan penuh sebagai pemerintah Johor. Dalam tahun itu Raja Ali Haji juga memujuk Johor mencari jalan berbaik-baik dengan Sultan Ali Kesang.²⁶ Dalam pesannya kepada delegasi Johor, Raja Ali Haji meminta Temenggung Abu Bakar membaca dengan teliti akan kitab-kitab yang dipinjamkannya itu, khususnya dari segi politik pemerintahan dan adab tertib sebagai pemerintah:

Objektif penting delegasi Johor ke Riau nampaknya tercapai, ini dapat dibuktikan dalam pesanan Raja Ali Haji:

Aku dan Yam Tuan suka akan Temenggung jadi Raja ada jalannya jikalau boleh biar Yam Tuan Muda ini berangkat ke sana

(Johor) melantiknya adapun seperti Pahang boleh juga tetapi susah... Aku suka kita gelar akan dia (Abu Bakar) lain daripada nama Sultan atau yang Dipertuan Johor atau Yamtuan Muda tetapi nuntilah aku fikir.²⁷

Lawatan ke Riau tahun 1868 ini besar ertinya bagi pembangunan pentadbiran Johor kemudiannya, ini adalah suatu usaha mengimbangkan penerimaan model pentadbiran Singapura dan pemikiran orang-orang Johor yang pernah berkunjung ke luar negeri. Dalam konteks zaman ini pentadbiran Johor sungguh unik jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu Semenanjung di tahun yang sama seperti yang diberikan oleh Abdullah Munsyi dalam Pelayarannya itu. Jika tulisan Thomson, Khoo Kay Kim dan J.M. Gullick²⁸ digunakan bagi menunjukkan pola dan ciri-ciri Kerajaan Melayu tradisional,²⁹ maka dengan itu Johor sudah tidak mempunyai sifat tradisional tulen. Secara komparatifnya tahun 1869 Johor adalah negeri Melayu yang sedang memodenkan sistem kerajaannya. Dalam usaha permodenan ini Johor juga mencari identitinya, Abu Bakar mendapati masih perlu unsur-unsur pentadbiran tradisional untuk diubahsuai. Itulah sebabnya delegasi ke Riau itu ditugaskan mendapatkan peraturan-peraturan, nama-nama gelaran dan buku salasilah dan sejarah untuk ditelaahkannya. Justeru itu juga, bukanlah menghairankan jika Johor telah menggunakan beberapa gelaran tradisional secara berperingkat-peringkat dengan sedikit pindaan di sana sini, khususnya meletakkan gelaran itu bukan lagi sebagai ascribed status sebaliknya gelaran-gelaran itu dikurniakan kepada elit birokrat yang digaji oleh Kerajaan Johor selaras dengan kedudukan mereka. Namun begitu agak sukar dinafikan kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan Johor adalah dari campuran darah Bugis. Mereka inilah yang dilantik oleh Abu Bakar sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan. Tugas ahli Me-

syuarat ini amat besar *The government is administered by a council of state*.³⁰ Satu perubahan yang ketara dalam tahun 1882 ialah Abu Bakar melantik adiknya Ungku Abdul Majid sebagai Menteri merangkap Bendahari Kerajaan, Datuk Bentara Jaafar pula telah dinaikkan ke jawatan yang baru dicipta untuknya iaitu Datuk Menteri Besar dan seorang tokoh agama Haji Mohd. Salleh pula dilantik menjadi Hakim Johor.³¹ Dalam senarai perjawatan yang lain pula Kerajaan Johor mengikut model Singapura tetapi Johor telah dapat membuat terjemahan yang tepat dan digunakan sehingga kini seperti Pesuruhjaya (*Commisioner*) Jabatan (*Department*), Kerja Raya (*Public Works*) dsb.

Dalam tahun-tahun berikutnya pula Kerajaan Johor telah menggunakan beberapa gelaran tradisional untuk pegawai tadbir awamnya. Mohammad Ibrahim Munsyi yang menggantikan tempat Datuk Bentara Jaafar sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri digelar 'Datuk Bentara Luar'.³² Pesuruhjaya Wilayah Barat Johor Abdul Samad Ibrahim digelar 'Penggawa Kanan' kemudian diubah menjadi 'Datuk Penggawa Timur'. Menjelang Abu Bakar bergelar Sultan Johor, dua lagi gelaran tradisional telah digunakan dalam Kerajaan Johor iaitu 'Datuk Sri Amar Diraja' yang dikurniakan kepada Penasihatnya Abdul Rahman Andak,³³ akhir sekali ialah 'Datuk Sri Setia Raja' yang disandang oleh Abdullah Tahir yang ketika itu menjadi Pesuruhjaya Besar Polis Johor. Gelaran ini turut pupus setelah meninggalnya tokoh-tokoh berkenaan. Dalam tahun 1886 Johor mewujudkan golongan 'Datuk' melalui pengurniaan pingat darjah kebesaran negeri 'Datuk Paduka Mahkota Johor' (DPMJ) dan 'Datuk Sri Paduka Mahkota Johor' (SPMJ). Hanya selepas tahun 1914 Johor sekali lagi mencipta senarai gelaran-gelaran tradisional bagi maksud-maksud upacara istana khususnya di upacara pertabalan dan perkahwinan.

Ulang tahun Hari Jadi Sultan dan kemangkatan serta untuk gelaran pegawai peribadi Sultan sahaja.³⁴

Pemakaian gelaran tradisional ini pasti merupakan usaha Johor menegakkan identiti sebagai negeri Melayu yang berdaulat dan merdeka. Usaha ini lebih penting lagi dalam tahun 1883 apabila mangkatnya Sultan Sulaiman Lingga, yang bererti berakhirnya zuriat dari keturunan Sultan Jalil IV (Marhum mangkat di Kuala Pahang), penggantinya dilantik dua tahun kemudian iaitu Sultan Abd. Rahman adalah keturunan dari sebelah ibunya, berkebetulan pula cicit Almarhum Temenggung Abdul Rahman Johor.³⁵ Abu Bakar yang telah mengkaji asal-usul keturunannya itu merasakan dirinya lebih dekat sebagai warisan keturunan Sultan Abdul Jalil iaitu moyangnya sendiri. Putusnya zuriat keturunan Abdul Jalil Lingga itu merupakan satu alasan yang manasabah bagi Abu Bakar menghidupkan semula gelaran Sultan Johor. Dalam konteks ini Abu Bakar telah menggunakan Inggeris sebagai kuasa pertama yang boleh mengiktiraf dan menyokong cita-citanya menjadi Sultan Johor. Perjanjian Inggeris-Johor tahun 1885 yang ditandatangani di London telah memakbulkan cita-cita Abu Bakar sebagai Sultan Johor.³⁶

R.Emerson pula cecal sekali menyatakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 yang digubal oleh firma undang-undang Inggeris yang menjadi penasihat undang-undang kepada Sultan. Namun begitu R.Emerson tidak dapat menunjukkan pemikiran-pemikiran tempatan yang menyusun sebelum digubal secara tersusun seperti yang dikatakannya "*No pretense is made in it that it is a western constitution or that it establishes a democratic form of government...*"³⁷. Dalam konteks ini pendapat Thio boleh dipinjamkan, iaitu kemungkinan adalah besar bahawa Sultan Abu Bakar telah dinasihatkan oleh Datuk Sri Amar Diraja supaya mengisytiharkan Perlembagaan Negeri Johor itu.³⁸

khususnya sebagai strategi memperlihatkan kedudukan Johor yang merdeka dan berdaulat serta bersistem pentadbirannya. Perlembagaan Negeri atau Undang-Undang Tubuh yang mengandungi enam puluh empat fasal itu, bukanlah mustahil mempunyai unsur-unsur atau pengaruh dari peraturan dan kitab-kitab yang dibawa dari Riau itu. Bukti dapat dipertahankan lagi dengan kehadiran Datuk Jaafar yang berpadu dengan Datuk Sri Amar merupakan pemikir-pemikir yang melahirkan Perlembagaan Johor yang bertulis itu dan terulung di negara ini. Datuk Jaafar yang mahir dengan peraturan Melayu lama dan Datuk Sri Amar yang menjadi didikan di London yang menjadi Penasihat politik Abu Bakar berjaya menolak unsur otokrasi dalam Kerajaan Johor. Unsur-unsur agama Islam telah dijadikan asas bagi melahirkan Kerajaan yang demokratik di Johor. Konsep yang dipercayai disadur dari kitab Syamatul Mihmah Thiafal Kumara wal Kubara Ahli'l Mahkmah dapat dilihat dari fasal 15 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor itu:

*(Raja tiada boleh menyerahkan negeri kepada kerajaan lain).
Jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika
Raja sendiri disifatkan dia berdosa memecahkan amanah yang
diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat
negeri melanjutkan setta lagi padanya.....*

Dalam konteks Demokrasi juga Undang-Undang Tubuh ini menyadur konsep dalam bab pertama Kitab Syamatul Muhtamid yang menyebutkan yang menyatakankan mendirikan Raja dan Menteri dan menjadikan orang besar-besar. Terdapat lima belas fasal dalam Undang-Undang Tubuh Johor berhubung dengan 'Jemaah Menteri', manakala dua belas fasal menyentuh dengan 'Mesyuarat Kerajaan'. Anggota kedua-dua badan (Jemaah) inilah yang disebutkan di Johor sebagai 'Jemaah Pangkuan Negeri' yang dijalankan atas asas

konsep 'Ahli'l hal wal Aqad' (*اهل المحل والعقد*):

Yakni orang-orang yang layak dan boleh bersuara dalam pekerjaan memilih Raja dan melantik dan menjadikan Raja dan dalam perkara besar-besaran yang menghendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbangan orang ramai atau isi negeri³⁹

Ahli mesyuarat ini samalah konsepnya dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Selat ketika itu, namun demikian Ahli Mesyuarat Kerajaan Johor pada peringkat awalnya terdiri dari kerabat Abu Bakar dan pegawai kanan kerajaan,⁴⁰ pegawai yang berpengalaman dan berkebolehan sering dilantik menjadi ahli jemaah menteri. Malah Jemaah Pangkuan Negeri inilah yang bersama Raja yang memerintah menetapkan perlantikan Raja Muda Raja Bendahara dan Temenggung Johor dari kalangan kerabat Diraja Johor. Namun begitu waris tahta yang terdekat ialah Tengku Mahkota Johor (*Crown Prince*) satu gelaran yang dicipta pada 21 Mei 1891.⁴¹

Pengaruh agama Islam memang nyata dalam Undang-Undang Tubuh fasal 57 yang menetapkan Islam sebagai 'Agama Negeri' selama-lamanya. Dengan cara itu kitab 'Syamarat al-Mihmah' telah turut berperanan dalam menjalankan kaedah-kaedah kehakiman negeri Johor. Bukti lain pula ialah perlantikan Syed Salim Ahmad al-Attas sebagai Datuk Mufti Johor dalam tahun 1895, Yang Arif Haji Mohd. Salleh Haji Mohd. Arif Majistret Johor dijadikan Datuk Hakim Johor. Dalam tahun 1899 pula Datuk Haji Abdullah Musa pula dilantik menjadi Hakim Johor merangkap Mufti Johor.⁴² Bidang kehakiman yang dipegang oleh Mufti yang disesuaikan dengan iklim kehakiman negeri jiran tetangga Johor terus dipegang oleh orang-orang Johor sehingga ke tahun 1911,⁴³ iaitu apabila pegawai Inggeris menjadi Penasihat Undang-Undang dan Hakim Mahkamah Tinggi Johor. Sejak itu menurut 'The Muham-

medan Law Determination Enactment No. 27 of 1919 Mufti hanya menguasai bidang kehakiman yang bersabit yang hukum Islam dan syariah khususnya.

Satu lagi peraturan tradisional Johor yang diikuti oleh Kerajaan Johor kemudiannya ialah peraturan memakai bendera. Kerajaan Johor telah membuat sedikit pindaan, putih untuk raja yang memerintah, merah bagi bakal raja, kuning bagi kerabat Diraja dan hitam bagi rakyat.⁴⁴

'Kisah Pelayaran ke Riau' walaupun tidak setebal kisah-kisah pelayaran yang pernah diterbitkan dan tidak digolong sebagai *Malay sources* yang direkodkan,⁴⁵ namun kandungannya dapat mewujudkan bukti-bukti sejarah perlantikan Abu Bakar sebagai Maharaja Johor serta keabsahannya. Kitab-kitab yang dibawa dari Riau sedikit sebanyak turut memberi sumbangan kepada perkembangan pentadbiran Johor. Seterusnya 'Kisah Pelayaran ke Riau' setelah berlakunya Krisis antara Ungku Muda waris Temenggung Johor dengan istana Riau di awal abad ke-19. Lantas dapat juga menunjukkan secara tidak langsung Riau sebagai pusat pembelajaran Agama Islam, khususnya di bidang tarikat. Selama enam hari di Riau 'kebanyakan daripadanya duduk membaca syajarah dan siarah Raja-raja Melayu dan bercakap-cakap akan hal dan peraturan dahulukala'. Lawatan ke Riau ini memang telah memberi kesan kepada sistem pentadbiran Johor secara berperingkat-peringkat dan tidak ketara sehinggalah kita menemui 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini.

'Kisah Pelayaran ke Riau' memang dapat dijadikan sumber kajian yang mempunyai sejarah. Winstedt dipercayai pernah menemui teks ini, malangnya penyalin terakhir kisah ini mungkin tidak dapat membaca dengan jelas nama orang dan masa tertentu yang dicatatkan dalam naskhah asalnya, ini menjadikan bahagian tertentu tidak lengkap, begitu juga kesilapan

taip Jawi dalam mengeja perkataan tertentu sehingga tidak dapat dikesan maksudnya. Apakah telah berlaku amalan setiap pnyalin kesusasteraan sekular sebagai a *potential re-writer*? Sama ada Ibrahim Munsyi, atau Mohd. Said Sulaiman sebagai penyusun atau pnyalin mahupun terlibat dalam penyusunan 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini adalah suatu yang belum pasti. Hanya kajian yang mendalam dan komparatif dapat menghilangkan sebarang waham dari segi kebenaran seginya.

Teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah suntingan dari catatan harian Ungku Haji Mohamad dan Datuk Bentara Jaafar mengenai kunjungan mereka ke rumah-rumah pembesar Kerajaan Riau, iaitu pertemuan dengan Yam-tuan Muda Riau, Tengku Nong Kelana dan Tok Kaya Muda Haji Ibrahim, lebih utama lagi kunjungan ke rumah Raja Ali Haji. Bahagian kedua mengandungi sembilan fasal catatan pendek yang antara lain menyebut tentang tujuan *Gunboat* 'Segget' itu.

Dalam bahagian ketiga, dimuatkan tiga belas fasal khazanah-khazanah yang dibawa balik ke Johor Bahru. Ini termasuklah catatan mengenai sistem gelaran, bendera-bendera kerajaan, keturunan mewarisi gelaran, mahkamah, tempat mesyuarat, petikan dari undang-undang pada zaman Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Syah Pahang. Akhir sekali, sebuah diturunkan intisari dari 'Kitab Mukhtsir' karya Raja Ali Haji yang bertekankan kitab syarak dan adat dinamakan 'Syamarat al-Mihmah Diafatil Umara Walkubaraahlil Mahkamah' yang bermaksud jamuan bagi raja-raja dan bagi orang besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berhukum.

Kitab 'Syaramat ah-Mihmah' ini dibahagikan kepada empat bab dan mukadimahya, kebanyakan kandungannya mencatatkan fasal perlantikan raja, menteri dan orang besar negeri, peraturan kerajaan dan larangan

kepada raja.

Bahagian tiga ini menjadi lebih penting lagi apabila fasal dua belasnya membutuhkan nama-nama kitab dan catatan-catatan yang dipinjamkan oleh istana Riau kepada istana Johor Bahru, iaitu 'Sejarah Bugis', 'Sejarah dan Siasah Melayu dan Bugis,' dua versi kitab 'Syamarat al-Mihmah' termasuk naskhah asalnya, undang-undang zaman Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Syah, Kitab Kanun dan adat pada zaman Sultan Sulaiman.

Fasal yang ketiga belas dalam bahagian tiga ini menumpukan perhatian pada soal jawab masalah politik Empayar Johor sebelumnya sehinggalah pembentukan kerajaan di Johor Bahru dan Kesang. Soalan yang terpenting untuk ditanya kepada Raja Ali Haji ialah Temenggung Johor boleh menjadi raja dan apakah peraturan-peraturannya. Bahagian akhir teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini adalah catatan tarikh dan peristiwa kunjungan Raja Ali Haji dan kerabat Diraja Riau ke Teluk Belanga dan Johor Bahru.

Walaupun teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini terlalu ringkas, namun sumbangan kepada persejarahan negara ini tidak boleh dinafikan. Gambaran hidup mengenai hubungan Johor-Riau dijelaskan oleh teks ini.

Teks ini juga jelas sekali tidak memenuhi ciri-ciri pensejarahan klasik Melayu. Tidak terdapat unsur-unsur lagenda, mitos, posfeventum mahupun 'simbolisme' dan 'sanskritisme' yang tergolong ke dalam *the realm of folklore*.⁴⁶ 'Kisah Pelayaran ke Riau' telah meninggalkan langsung ciri 'Anak-ronisme'⁴⁷, yang sering wujud dalam tradisi pensejarahan klasik Melayu.

Namun begitu 'Kisah Pelayaran ke Riau' seperti naskhah-naskhah Melayu lama, merupakan naskhah salinan. Dalam proses penyalinan itu:

Si penyalin dapat berbuat sesuka hatinya dalam menjalankan

Nota Hujungan

1. Kassim Ahmad (Ed.) *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960.
2. Mohd. Said Sulaiman (Ed.) *Kisah Pelayaran Mohamad Ibrahim Munsyi*. (Jawi). Johor Bahru. 1956.
3. Lihat nota bawah anotasi no. 2.
4. Mohd. Ibrahim Munsyi anak Abdullah Munsyi memulakan perkhidmatannya sebagai guru Sekolah Melayu Teluk Belanga, kemudian menjadi jurutulis dan jurubahasa sekretariat Kerajaan Johor. Dalam tahun 1883 dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor, yang bergelar Datuk Bentara Dalam, tahun 1886 dikurniakan darjah kebesaran negeri SPMJ membawa gelaran Datuk. Beliau merupakan Timbalan Menteri Besar Johor yang pertama dan meninggal dunia setahun kemudian (1904). Beliau juga merupakan tenaga pengasas pelajaran Melayu di Johor.
5. Beliau memulakan kerjanya selaku Kerani Pejabat Pelajaran Johor, kemudian meningkat sebagai Penolong Ketua pegawai Pos Negeri, Pegawai Perbendaharaan dan akhir sekali menjadi Setiausaha Sult DYMM Sultan di samping menjadi salah seorang pegawai kanan dalam Tentera Johor. Pemerian lanjut sila lihat M.A. Fawzi Mohd. Basri, Major Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Peranan dan karyanya dalam sejarah perurusan dan kesusasteraan Melayu Moden. *Humanisma*. Kuala Lumpur, 1972. h. 40-46.
6. Datuk Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak merupakan anak Melayu yang pertama belajar di London dan kembali ke Johor dalam tahun 1870-an. Kejayaannya bermula sebagai penterjemah Inggeris, kemudian menjadi Setiausaha Sult Sultan Abu Bakar sebelum menjadi Setiausaha Kerajaan Johor. Lihat M.A. Fawzi Mohd. Basri, Datuk Sri Amar Diraja: Penghalang cita-cita Inggeris menakluk negeri Johor. *Malaysia In History*. Vol XV. No. 2. Disember 1972. h. 14-21.
7. T. Iskandar: Raja Ali Haji: Tokoh dari pusat kebudayaan Johor Riau. Dewan Bahasa, Jil. VIII, Bil. 12, Disember 1964, h. 533-540. Pertikaian di Riau di awal abad ke-19 membawa kesan pada perpindahan Temenggung Johor ke Teluk Belanga. Krisis lama ditokok pula oleh krisis penggantian Sultan mahmud, Temenggung Johor kecewa dengan langkah Yamtuan Muda Riau mengeneipkan waris yang sah iaitu Tengku Hussein, sebaliknya melantik adik Tengku Hussein iaitu Tengku Abdul Rahman atas alasan Tengku Hussein tiada di Riau semasa permukiman. Bagaimanapun Temenggung Johor berjaya menaikkan semula Tengku Hussein sebagai Raja memerintah Johor di Singapura dengan bantuan Stamford Raffles dalam tahun 1819. Sejak itu Johor mulai memisahkan dirinya dari cengkaman kuasa Bugis di bawah Yamtuan Muda Riau menjadikan hancurnya Empayar Johor Riau-Lingga. Apabila Datang Ibrahim menjadi Temenggung Johor usaha terbaik-terbaik dengan Riau mula digerakkan. Abu Bakar cuba mempereratkan lagi hubungan diplomatik Johor-Riau ini. Lihat R.O. Winstedt, 'History of Johore, 1365-1895' *JMBRAS*, 10(3), 1932. Mohd. Said Sulaiman Hikayat Johor 1, Johor Bahru, 1950 dan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis* Malaysia Publication Ltd., 1965. h. 263-298.

8. *Ibid.*, dan lihat juga Mohamad Anas, 'Geographical Notes To The 'Tuhat al-Nafis' or A. Malay History of Riau and Johore,' (Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan) Singapura: Universiti Malaya 1958.
9. Raja Tualah kepala segala menteri yang besar sekali... 'Tuhat al-Nafis', h.214.
10. Mohamad Anas. 'Geographical Notes,' h.x.
11. The Bendaharas and Temenggong' *JMBRAS*, x(1), 1932, h.65. Menurut Winstedt "When in 1868 Raja Ali was consulted by Temenggong Abu Bakar as to his eligibility for throne of Johore, that pro-Bugis court geneologist replied that the step to sovereignty was easier for him than for the Bendahara of Pahang...." Perbandingan dengan teks h.3 dan 5.
12. Lihat surat W.Napier kepada Sir Michael F.Hicks-Beach M.P., mengenai 'The Title and position of the Maharajah of Johore' 20 Julai 1878 dan SSDM Datuk Menteri Johor kepada D.F.A. Harvey, 18 Nov. 1889.
13. Teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' h. 10.
14. Ini dapat ditunjukkan menerusi pembentukan 'Mesyuarat Kerajaan' (Council of State) yang dapat dikesan sudahpun terbentuk dalam tahun 1873 (SCD 1873, h. 1) pembentukan Mahkamah Polis dengan seorang tokoh agama Tuan Haji Mohd Salleh sebagai Majistrenya. Beberapa bahagian dari *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* sukar dinafikan mempunyai unsur-unsur penasihat Raja Ali Haji itu.
15. Winstedt, 'Bendaharas and Temenggong', h. 65.
16. 'Kisah Pelayaran ke Riau', h. 11.
17. *Ibid.* h. 9.
18. SCD, 1873, h. 1873.
19. Surat Napier kepada Sir M.F. Hicks, 20 Julai 1878. Dalam tahun 1891 Raja-raja Melayu masih belum mengiktiraf status kesultanan Abu Bakar. Ini termasuklah Temenggong. 'On 25 February 1891 he/Abu Bakar/ was invited to dine and stay at castle.... The ruler with whom the Sultan of Terengganu had once refused to sit... Emerson, Malaysia, h. 202.
20. SSDM, 18 Nov. 1889. Abu Bakar dan tentera Kerajaan Johor turut melibatkan diri dalam krisis di negeri-negeri Melayu dalam tahun 1870-an. Pada 4 Mei 1872 Abu Bakar telah menghantar Datuk Bendahara Ja'afar dan Gunboat 'Pulau' ke Selangor bagi menyelesaikan krisis Tengku Kudin dan Raja Mahadi. Tindak-tanduk Abu Bakar dalam perang saudara dan krisis takhta di Perak disifatkan oleh Inggeris sebagai 'berkerjasama' dengannya. Dalam bulan Julai 1876 Abu Bakar pernah di-cadangkan untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak, tetapi Gabenor Jervois telah menolak usul itu kerana menurut beliau, Abu Bakar adalah 'orang biasa'. *Governor Despatch*, No. 295, 19 ogos 1876 dan lihat juga laporan C.J. Iraving 'Memorandum relative to the affairs of Selangor with reference to visit to that country in April and May 1872 etc. 'parliamentary Papers'. (Arkib Negara).
21. "His wide travels and his close association with the man of the Straits Settlements bureaucracy and the European members of the merchantile community of Singapore and other prominent men like Lawyers not only

sharpened his outlook but also increased his knowledge of the officials, business and legal world", P.S. Sundram, *The Economic Development of Johore, 1862-1895* (Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan), Singapura: University Malaya, 1958, h. 9.

22. Turut menyertai rombongan dari Riau itu ialah Raja Hassan (putera Raja Ali Haji), Raja Sulaiman (putera marhum Rasyid) dan Tengku Long (Putera Yamtuan Muda Mohd. Yusof). Dalam tahun 1868 kebanyakan kerabat Johor masih menetap di Teluk Belanga, Abu Bakar dan kerabat Diraja Johor menetap di Johor Bahru mulai tahun 1889. Lihat R.Emerson, *Malaysian: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1966, h.202.
23. Iaitu Putera Temenggung Daing Ibrahim, Ungku Abdullah kemudiannya selain dari menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan juga bertugas sebagai Pesuruhjaya Wilayah Endau dan Pantai Timur Johor, beliau mangkat pada 10 Mac, 1893. SCD 1873, h. 2.
24. Dalam tahun 1860-an Kerajaan Johor telah melengkapkan Jabatan lautnya dengan kapal-kapal jenis '*screw gunboat*' seperti 'Pulau' (beratnya 80 tan), *screw steam tender* "Duffadar" dan "Putanda" dalam tahun 1973 Kerajaan Johor sedang membina kapal jenis *screw steam sloop* yang dinamakan "Pantai" yang beratnya 400 tan dengan kekuatan 90 kuasa kuda.. SCD, 1873, h.2.
25. 'Kisah Pelayaran ke Riau' h. 5, Raja Ali Haji memberitahu "Jikalau orang suka senanglah pekerjaan kerana iaitu suatu daripada sebab yang mengharuskan mendirikan Raja".
26. Mulai tahun 1855 Sultan Hussein telah menyerahkan seluruh negeri Johor kecuali Kesang di Muar kepada Temenggung Ibrahim. Setelah Sultan Hussein mangkat digantikan oleh puteranya bergelar Sultan Ali. Kisah lanjut lihat Mohd. Said Sulaiman. *Hikayat Johor I.M.A. Fawzi Basri 'Perang Saudara di Muar'*. *Berita Minggu*, 5 Mac, 1972; E.Emerson Malaysia, j. 199; Abdullah Ayob, *The Johore Succession Controversy, 1850-1878*. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan) Singapura: University Malaya, 1951.
27. 'Kisah Pelayaran ke Riau', h.9. Ini ialah satu helah Raja Ali mahu mempertahankan ketertinggian martabat Kerajaan Riau-Linggi. Abu Bakar tidak pula memberi komentar yang negatif, sebaliknya Abu Bakar ada perancangannya sendiri seperti yang disebut oleh Winstedt "*In 1883 Sultan Sulaiman last descendants of Sultan Abdul Jalil in the male died and there was interregnum of two years before the Sultan of Lingga was conferred on Raja Abdul Rahman who inherited through his mother, great grand daughter of Temenggung Abdul Rahman of Singapore. Maharaja Abu Bakar then/1886/assumed the title of Sultan,*" Winstedt, '*Bendaharas and Temenggungs*', h. 65.
28. Lihat J.T. Thomson, *Sequel to some glimpses into life in the far east*, London, 1865. khususnya di bab XI '*Malay Government at his time*: Khoo Kay Kim, '*Traditional Malay Polity: Two preliminary case studies*' *The Museum Journal*, XIII, 1968, h. 83-89 dan J.M. Gullick, '*Indigenous Political Systems of Western Malay*. London The Athlone Press, 1969, h. 1-132.

29. *Ibid.*
30. *SCD*, 1873, h.101.
31. *SSD*, 1882, h.127.
32. Beliau adalah dari keturunan Panglima Raja yang turut berhijrah ke Teluk Belanga bersama Temenggong Abd. Rahman Mohd. Salleh Pe-rang memulakan kerjanya sebagai Kerani, Ketua Kerani Pejabat Re-siden Johor Baharu, Ketua Polis Negeri Johor sebelum mengetuai Ja-batan Tanah dan Ukur. Beliau juga merupakan ahli Jemaah Menteri yang kanan pernah menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Muar dan Batu Pahat. Sumbangan besar beliau yang lain dapat diikuti dari, M.A. Fawzi Basri 'Datuk Bentara Luar: peranannya dalam konteks sejarah Johor moden' *Jurnal Sejarah*, Jil. X, 1972, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya, h.32-41.
33. Satu ikhtisas mengenai beliau sila lihat M.A. Fawzi Basri 'Datuk Sri Amar Diraja: Penghalang cita-cita Inggeris menakluk Johor' *Malaysia In History*, Vol. XV, No. 2, Dis. 1972, h. 14-20. Dalam tahun 1886 Johor memulakan tradisi baru dengan mewujudkan golongan 'Datuk' menerusi kurniaan darjah kebesaran negeri iaitu Darjah Paduka Mahkota Johor (DPMJ) dan Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) yang membawa ge-laran 'Datuk'.
34. Balai Rong Jemaah Ungku Sri Paduka terdiri dari Ungku Sri Paduka Bina Maharaja, Ungku Sri Paduka Sendera Senggara, Ungku Sri Paduka Kipiti Raja dan Ungku Sri Paduka Perba Raja: 'Jemaah Pegawai Besar Dalam' terdiri dari Datuk Perdana Dalam (disandang oleh Menteri Bes-ar) Datuk Bentara Kanan (Setiausaha Kerajaan), Datuk Bentara Kiri, (Timbalan Setiausaha Kerajaan), Datuk Penghulu Istiadat, Datuk Peng-hulu Istana, Datuk Penghulu Biracana; Jemaah Pegawai Besar Dam-ping (Pegawai Tetap) terdiri dari Datuk Paduka Jaya (ACC Sultan), Datuk Paduka Sri Setia (Setiausaha Sulit), Datuk Sri Selera dan Datuk Sri Priwara, lihat 'Lembaga Aturan bagi pemerintahan Majlis Raja Majlis Istana dan Agama' 1920.
35. Lihat R.O. Winstedt, 'Bendaharas and Temenggungs', h.65.
36. Teks perjanjian lihat W.G. Maxwell dan W.S. Gibson, *Treaties and Engagements affecting the Malay States and Borneo*. London, 1924 h.125. Mohd. Said Sulaiman 'Buku Teriti serta pertambahannya', Johor Baharu, 1940 Lihat juga E.Thio, *British Policy in The Malay Peninsula 1880-1910*, vol. 1, Singapura: University of Malaysia Press h. 102-115 dan R.Emerson, *Malaysia*, h.202.
37. R.Emerson, *Malaysia*, h.203, Firma tersebut ialah Tetuan Rodyk & Davidson. C.Buckley adalah salah seorang peguam yang bertugas dengannya.
38. Thio, *British Policy*, h.226.
39. Undang-Undang Tubuh Johor, lihat nota bawah 29.
40. Mengikut rekod awal yang ditemui dalam tahun 1873 ahli-ahli me-syuarat terdiri dari 6 orang Ungku Kerabat Diraja, 3 keturunan Syed dan 12 orang kebanyakan. Dalam tahun 1895 kebanyakan pegawai kanan yang berpengalaman dilantik menjadi ahli jemaah menteri, lihat 'Daftar Ahli-

Ahli Mesyuarat Kerajaan 1895-1930 (Arkib Negara).

41. Abu Bakar semasa pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim bergelar 'Bakal Raja' pada tahun 1891 pula bakal Sultan dikenali sebagai *Tengku Mahkota Johor*. Lihat *A Souvenir commemorating the Jubilee of his Highness of the Sultan of Johore*. Johor Bahru, 1955, h.14. Di zaman Kerajaan Johor lama pernah juga waris takhta bergelar 'Tengku Besar'.
42. Datuk Haji Abdullah Musa dilantik menjadi Mufti Johor pada 9 Mac 1899. Lihat *SSTP*. Menteri Besar kepada Haji Abdullah Musa, 9 Mac 1899 dan Daftar Ahli-ahli Mesyuarat, juga *SSDM*, Datuk Amar kepada Hakim Mahkamah Besar, 18 Jun 1899.
43. Thio, *British Policy*, h.250. Dari kaca mata Inggeris dikatakan *Unfortunately the Johore Court are a byword for dilatoriness and incompetence...* Inggeris dengan projek perluasan kuasanya sentiasa menidakkan keupayaan Johor dari segi pentadbiran semua bidang, pokok Inggeris mahukan Johor dari segi sistem pentadbirannya disamakan di seluruh Semenanjung.
44. Onn Jaafar (ed.), *Selamat Johor*, Johor Bahru, 1935, h.13 perbandingan dengan teks 'Kisah Pelayaran ke Riau', h.7.
45. Seperti Sejarah Melayu (*JMBRAS*) XV, pt. 1 & 2, 1952); *Hikayat Raja-Raja Pasai* (*JSBRAS*, 66; 1914), *Hikayat Merong Mahawangsa* (*JSBRAS*, 72, 1916) *Misa Melayu*, *Tuhfat al-Nafis* (*JMBRAS*), X, pt. 1932), *Sejarah Raja Riau*, (*JMBRAS*), XI, pt.2, 1933) dan Manuskrip-manuskrip yang terdapat katalog manuskrip di London seperti *Sejarah Raja-Raja Riau*, *Syair Sultan Mohamad di Lingga* dan lain-lain. Lihat juga Khoo Kay Kim, *Persejarahannya Malaysia*, Kuala Lumpur; KKBS, 1975, h.1.
46. Lihat Yusof Iskandar, 'Anakronisme Dalam Tradisi Penulisan Sejarah Klasik Melayu' *Dewan Bahasa* Jil. 20, bil. 2, Feb. 76, h. 90.
47. *Ibid.*
48. Yusof Iskandar, 'Sejarah Melayu-Edisi Shellabear/Winsted: Beberapa perbezaan', *Dewan Bahasa*, Jil. 21, Bil. 2, Feb. 77, h.120.
49. Lihat Mohd. Fadzil Othman, 'Sesuatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi sebagai Sumber Sejarah.' (Tesis M.A., Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1976). h.xxxx.
50. Lihat diskusi Prof. Mohd. Taib Osman, Raja Ali Haji dari Riau: Apakah beliau seorang tokoh Transisi atau Pujangga Klasik yang akhir sekali. *Dewan Bahasa* Jil. 20, Bil. 2, Feb. 76, h.83-87.
51. Arenawati menyamakan makna siyarah dan sejarah sebagai 'riwayat dari kejadian yang telah lampau'. Lihat buku susunannya *Satasilah Melayu dan Bugis*, Kuala Lumpur: P.Antara 1973, h.264.
52. Ertinya sejenis tempat duduk, dan bukan yang disebut juga kaus seperti 'ke bawah kaus Ungku Aman'.
53. Lihat Prof. Mohd. Taib Osman, 'Raja Ali Haji....' h.84-87.
54. Lain ejaan lain yang digunakan seperti **سئو** (satu) **داهول** (dahulu) (kehwa), **سیده** (sudah), namun begitu tidak dapat dinafikan adanya kesilapan taip yang ketara (iaitu **اورقه**) (orang lain).

Singkatan Bagi Perkataan

JSBRAS : Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society

JMBRAS : Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society

SSD : Singapore & Straits Directory

SCD : Straits Calendar & Directory

SSDM : Salinan Surat Datuk Menteri Besar Johor

SSTP : Salinan Surat Titah Perintah



*Peranan Dan Sumbangan Negeri Kedah Dalam Pembinaan Tamaddun Di Nusantara

Oleh
Tengku Luckman Sinar, SH
Ibni Tuanku Sulaiman
Syariful Alamsyah

SEORANG pelawat Arab, IBN KHORDADZBEH (846M) menulis di dalam "*Kitab al-masalik wal mamalik*", mengenai sebuah pulau disebut "Kilah," yang menghasilkan tambang timah dan hutan bambu. Juga SULAIMAN (851M) menyebut, seperti diutarakan oleh ABU ZAID (920M) dari Siraf, menulis tentang "Kalah-bar" sebagai jajahan (dependency) dari Zabaj (Sriwijaya). Pelawat Cina, CHAO JU KUA di tahun 1250M mencatat bahawa "Langkasuka" (Kedah), Terengganu, Pahang dan Kelantan adalah takluk kepada Palembang.¹

"Kilah" dan "Kalah" tentulah "Kedah" dan kemungkinan juga "Kala" di dalam Kronik Teng dinasti (618-916M). Sejarah Liang Dinasti (502-665M) menyebut tentang Langgasu atau Langga, yang rakyatnya menceritakan bahawa negerinya sudah ada 400 tahun sebelumnya dan penduduknya beragama Budha. Langkasuka adalah sama dengan Kedah seperti yang diceri-

* *Dibentang dalam Himpunan Budayawan Malaysia '90 di Alor Setar, 17 - 18 November, 1990*

takan oleh Hikayat Merong Mahawangsa. Kemungkinan Kedah adalah nama negeri itu dan Langkasuka nama di dalam sasteranya seperti Tumasik dengan Singapura.²

Nama Kedah disebut "Kataha" juga menyatakan sebagai jajahan penting dari Sriwijaya. Di zaman awal Masehi, pada era zaman Pallawa, banyak sekali pedagang dari Coromandel yang datang ke Kedah kerana mengikut arus Musim dari Teluk Bengala dan negeri Kedah mempunyai tanda yang jelas dengan adanya Gunung (Kedah Peak) dan tempat mengisi air bersih. Braddell mengira Kedah sudah ada setidak-tidaknya pada awal abad ke-4 Masehi itu.¹

Tempat pemukiman setelah abad ke-3M yang terpenting ialah Kedah, di dekat sungai Merbok bukan sungai Kedah dan dekat pula dengan Kedah Peak (Gunung Jerai) itu terdapat peninggalan candi purbakala. Di dalam syair Tamil abad ke-3M, Kaveripattinam (Cola) berhubungan langsung dengan Kedah. Timah di eksport dari Kedah, sehingga dianggap penting menjadi pusat sebelah utara dari Imperium Sriwijaya di samping Palembang dan Malaya (Jambi) menjadi pusat di sebelah selatan.

Pada abad ke-9M Kedah telah melampaui Canton selaku entrepot di mana pedagang - Persia dan Arab mengambil dagangan mereka. Menurut Pendeta I-Ching, Kedah juga menurunkan pusat agama Budaha Mahayana. Memasuki abad ke-11M Kedah telah ditakluki oleh Kerajaan Cola dari India Selatan dan ditahun 1025M itu menangkap Raja Kedah. Tetapi di tahun 1068 Cola mengembalikan Kedah kepada Sriwijaya kerana hubungan antara kedua negeri itu sudah pulih. Pengaruh Sriwijaya di Kedah terutama pada pusat komersil. Tetapi ada sarjana yang menyatakan bahawa "Kalah" itu bukan Kedah tetapi Klang.⁴ Setelah penyerangan Cola, maka "Kataha" itu di tahun 1200M makin mundur dan pedagang berpindah ke utara Sumatera.

Memasuki abad ke-13M, Kedah dan Kampai (Teluk Haru Langkat) sudah merdeka dan mulai mengirim kapal-kapal dagang ke India Selatan, bersama-sama dengan Perlak dan Pasai yang sudah Islam. Di dalam tahun 1282M utusan Cina mengunjungi "Su-men-ta-la" (Samudera Pasai) dan Raja Samudera Pasai membalas dengan mengirim pula utusan ke Cina iaitu HUSIN dan SULAIMAN. Di tahun 1292 bahaya baru dari Jawa datang. Raja Kertanegara dari Singosari dari Jawa Timur mengirim bala tentera di dalam suatu ekspedisi militer yang disebut dengan nama "Pamalayu" untuk menguasai Sriwijaya yang sudah berpindah ke Malaya (Jambi) yang tujuannya menghalangi pengaruh Cina ke sana. Juga ditaklukkan *Kataha* (Kedah) di antara negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Tetapi seperti kita ketahui Kertanegara kemudian terbunuh di dalam suatu coup pemberontakan sebelum tentera Cina Kublai Khan mendarat di Jawa. Menantunya, RADEN WIJAYA, berhasil mempergunakan tenaga tentera Cina menundukkan pemberontak dan memproklamasikan berdirinya Majapahit.

Ketika Marcopolo mengunjungi Perlak yang sudah Islam, di Samudera Pasai memerintah Sultan MALIK AS SALEH yang makamnya masih ada di Pasai sekarang dan meninggal 1297M. Masuk kita pada abad ke-14, utusan Cina di tahun 1309 sudah berkunjung ke "Pah-shi" (Pasai). Seorang pelawat Arab, IBN BATUTAH, mengunjungi Samudera Pasai ini di tahun 1345-46 di masa kejayaan SULTAN MALIK AS ZAHIR (mangkat 1326M), di mana berkembang negara Islam bermazhab Syafei.⁵ Nama sebenarnya kemungkinan besar ialah AHMAD dan salah seorang puterinya mangkat pada tahun 1380M di tempat bernama Minya Tujuh (Mukim Ara Kemudi). Pada batunisannya tertera syair yang masih bercampur bahasa Melayu kuno:

*"Hijrat Nabi Mustafa Yang Prasida
Tujuh ratus astha puluh sawarsa
Haji Catur dan dasa wara suksa
Raja Iman mardha rahmat Allah
Gusta Barubhasa empu Kedah Pasai ma
tarukh tasih tanah samuha
Illahi ya Rubbi Tuhan samuha
Tarukh dalam swarga tatuha".*

Adapun "Gusta Barubhasa empu Kedah Pasai ma" - Keluarga yang memeluk agama Islam yang menguasai Kedah dan Pasai.⁶

Dinasti "Barubha" sama dengan "Bharubhasa" asal Baruch (Gujarat) dan dinasti Merah Silu juga jadinya berasal dari Gujarat. Ada cerita rakyat di Kedah bahawa SHAIK ABDULLAH BIN AHMAD yang meng-Islamkan Kedah masa pemerintahan MAHARAJA DURBAR RAJA (kemudian Sultan Al Muzaffar Syah). Di dalam "*Hikayat Raja-Raya Pasai*" ada disebut hubungan antara dinasti Merah Silu dengan seorang Kepala Daerah bernama MEGAT KEDAH. Bunyinya:

"Sebermula MEGAT ISKANDAR dan MEGAT KEDAH itu keduanya kekanda kepada SULTAN MALIKUL NASAR di Rimba Jeran".⁷

Kemungkinan besar bahawa meluasnya Islam ke Melaya melalui Pasai, seperti yang diceritakan juga di dalam "*Sejarah Melayu*" mengenai keahlian ulama Pasai dalam soal Islam. Banyak sarjana berpendapat bahasa Islamisasi Nusantara pada masa awal dipengaruhi sangat of Sufisme, yang sangat kuat perkembangannya sesudah abad ke-13M.⁸ Kita lihat bahawa hubungan Pasai dengan Kedah sangatlah eratnya, terutama setelah lahirnya Melaka di abad ke-15. Oleh sebab itulah armada Siam datang menyerang Pasai di masa Sultan Malik al Mahmud, putera dari Malik al Tahir tetapi tak berjaya.⁹

Di dalam tahun 1365, Kedah bersama-sama dengan

banyak negeri-negeri di Nusantara ditaklukkan oleh Majapahit yang Hindu.

• Pada pertengahan abad ke-16 lahirlah Kerajaan Aceh Darussalam dan menjadi imbangan Portugis di perairan Selat Melaka. Raja yang keras dari Aceh yang telah dipersatukan itu ialah SULTAN ALAUDDIN RIAYATSYAH I lebih dikenal dengan jolokan SULTAN AL QAHHAR yang menaklukkan Haru dan Johor serta menduduki Perlis di tahun 1547.¹⁰

• Setelah Kedah menjadi kerajaan Islam di tahun 1474, ia kemudian tunduk ke Melaka, terutama setelah Melaka berhasil mengusir orang Siam dari Pahang, maka Kedah memohonkan Naubat ke Melaka.¹¹

• Sejak itu perkahwinan pihak keluarga Diraja Kedah dengan Melaka terjalin. Meskipun demikian, Siam tetap menganggap Kedah adalah miliknya, seperti yang dikhabarkan oleh penulis Portugis Tome Pires dan Barboss.

• Di bawah pemerintahan cucu Sultan Al Qahhar di Aceh, iaitu SULTAN ISKANDAR MUDA, Aceh mencapai puncak kejayaannya. Berkali-kali Aceh menyerang Portugis di Melaka meskipun tidak berhasil mengusirnya. Aceh juga menaklukkan negeri-negeri di sepanjang pesisir barat dan pesisir timur pulau Sumatera, serta menaklukkan Pahang, Johor dan Perak.

• Di dalam tahun 1619 Sultan Iskandar Muda menaklukkan Kedah dan menghancurkan kebun lada yang dianggap menyainginya dan lalu mengawasi perdagangan Kedah. Pasukan Aceh juga menawan Sultan Sulaiman Syah dari Kedah dan membawa serta ribuan rakyat Kedah ke Aceh. Sejak itulah mungkin lahirnya Kampung Keudah di kota Banda Aceh sekarang. Sebenarnya pada abad ke-16 peranan perdagangan Kedah sudah jauh mundur, mungkin kerana berada di bawah cengkaman Siam. Tetapi orang Gujarat masih membawa tekstil ke Kedah dan membeli lada

dan emas untuk dibawa ke Melaka. Hasil lada dari Kedah pertahun 400 bahar dan dari sini orang Gujarat terus ke Pasai dan Pedir untuk mengambil lebih banyak lada lagi. Jadi hubungan perdagangan Kedah-Pasai-Pedir sudah secara langsung terutama oleh orang-orang dari Bruas dan Kedah sendiri.¹²

Sejak 1602 VOC sudah membuka relasi dagang ke Kedah dan menempatkan Van Heemskerck selaku prefekturnya di sana. Tetapi sejak Aceh lemah di tahun 1641, Kedah berani menjual timahnya kepada VOC yang kemudian menempatkan JAN HERMANS di loji di sana.

Pada tahun itu sudah dikirim 722 lbs timah Kedah oleh VOC ke Holland. Menurut "*ADAT ACEH*" Bab III mengenai "Adat Majlis Raja-Raja" ditetapkan oleh SULTANAH TAJUL ALAM SAFIATUDDIN (puteri dari Sultan Iskandar Muda), mengenai taraf Orang Besar yang menghadap. Orang Besar Kedah SRI SIMARA KEJERUAN KEDAH lebih tinggi tarafnya dari Raja Lela Perkasa Asahan dan Bentara Sri Lela Diraja dari Perak.

Semua mereka berada di bawah Raja Pedir di akhir abad ke-17 itu. Naskhah asli "*Adat Aceh*" ini diketengahkan oleh DR. G.W.J. DREWES dan Dr. P.Voorboeve dalam *Verbandeling KITIV Deel XXIV/1958*, di mana naskhah aslinya diperoleh dari Gabenor Pinang, W.E. Phillips, yang diserahkan kepada India Office Library di London di tahun 1815.¹³

Yang dimaksudkan di atas, kemungkinan menurut saya adalah para pembesar Aceh yang ditempatkan di Kedah, yang harus melaporkan setiap kegiatan Kerajaan Kedah kepada Sultan Aceh, terutama di dalam bidang perdagangan.

Pada awal abad ke-18M kekuatan Aceh sudah lemah di bawah pemerintahan raja-raja perempuan dan terjadi saling merebut pengaruh di kalangan Kepala-Kepala Daerah yang bertindak seakan-akan kerajaan merdeka

sendiri. Pada masa inilah kekuasaan Siam kembali ke Kedah. Kedah terjepit kadangkala mengirim Bunga Mas ke Siam dan kadangkala bersamaan mengirim pula Bunga Mas ke Burma.

Sayangnya ancaman dari luar negeri Kedah. Pada tahun 1723 Sultan Kedah mangkat dan terjadi perebutan takhta. Putera yang tua meminta bantuan luar, iaitu bantuan dari 5 bersaudara. Daeng dari Bugis yang sudah ada tempat berpijak di Bintan di pusat Imperium Melayu Riau-Johor. Kepada orang Bugis dijanjikan pembayaran 12 bahar perak. Sebaliknya adiknya meminta pula bantuan Raja Kecil (bekas Sultan Abdul Jalil Rahmatsyah Riau-Johor yang didesak orang Bugis sehingga beranjak ke Siak). Sekarang perang di Riau-Johor berpindah ke Kedah sehingga Kedah menjadi medan laga antara tahun 1724-1726 sehingga hancur dan sengsara. Meskipun Daeng PARANI tewas, tetapi akhirnya orang Bugis menang dan menguasai perdagangan timah, gajah dan kain India di Kedah. Hal ini bisa terjadi kerana dirasa mereka Sultan MUHAMMAD tidak melunasi janjinya ketika perang saudara terjadi, sehingga orang-orang Bugis berkuasa sekehendaknya sampai tahun 1771, di mana SULTAN MUHAMMAD terpaksa undur ke Perlis.

Di masa pemerintahan SULTAN ABDULLAH, kerana bermaksud menarik bantuan persenjataan dari Inggeris melawan serangan Siam, Pulau Pinang diserahkan kepada FRANCIS LIGHT pada tanggal 11.8.1786. Tetapi East Indian Company di London menolak usul Francis Light dan lalu memakai polisi tidak campurtangan jika terjadi perang Siam-Kedah. Pada tahun 1791 Sultan Kedah berusaha dengan kekerasan untuk mengambil kembali Pulau Pinang tetapi tidaklah berhasil. Akhirnya kedua belah pihak terdorong dengan perjanjian baru di mana Inggeris akan membayar sewa kepada Kedah setiap tahun \$ Sepanyol 6000.

Pada tahun 1800 disewa Inggeris lagi apa yang disebut Province Wellesley. Siam menganggap penyerahan Penang dan hubungan Kedah dengan Burma seolah-olah Kedah bersekutu untuk menghancurkan Siam. Oleh sebab itulah di tahun 1821 Siam memanggil Sultan Kedah, SULTAN AHMAD TAJUDDIN (1798-1843), agar datang ke Siam, tetapi baginda menolak. Kemudian Siam memerintahkan Raja Ligor untuk menyerang Kedah. Sultan Kedah dan banyak lagi rakyat Kedah mengungsi keluar dari Kedah pergi berlindung ke Penang dan ke pantai timur Sumatera.¹⁴

Inovasi Siam mulai bulan November 1821 ke Kedah dilaksanakan dengan kejam di mana - Laksamana dan Temenggong Kedah tewas sebagai ratna mutu manikam, tetapi Bendahara dapat ditawan. Sultan Ahmad Tajuddin dan rombongan sempat menyingkir ke Penang. Negeri Kedah di dalam keadaan kacau bilau dan banyaklah penduduknya yang dibunuh, dirampok dan diperkosa.

Perang Fi Sabilillah mulailah dikumandangkan di Muang Saiburi - Kedah. Perang Kedah-Siam ini menimbulkan kekhuatiran pada Inggeris di Penang yang boleh mengacaukan perniagaan di sana dan ikut bakal menyeret Inggeris memilih salah satu pihak kelak.

"... but if he retired to DELI or SIAK, he would probably collect a force to attack Kedah, which the Government was bound to prevent".

demikian menurut pendapat pembesar Inggeris¹⁵ tentang Sultan Ahmad.

Dalam tahun 1835, MURCHISON, Gabenor yang baru, memberi izin Sultan Ahmad Tajuddin untuk pergi ke Deli - Serdang. Menurut cerita orang tua-tua di Serdang, memang baginda sempat sebentar singgah ke Serdang dan membawa banyak sukarelawan (volunteers) untuk membantu perang jihad yang akan dilaku-

kan baginda terhadap Siam¹⁶. Pasukan gabungan Kedah dan Melayu Sumatera Timur ini juga berjaya membantu anak kemanakan Sultan, iaitu TENGKU MOHAMMAD SAAT, membuat benteng didekat Sungai Merbau maju mara ke Kedah di tahun 1836. Di tahun 1838 diutusnya kembali TENGKU ABDULLAH dan TENGKU MOHAMAD SAID ke Serdang untuk mengambil lagi bantuan laskar di samping sukarelawan dari Langkat dan Aceh. Dengan demikian benteng Siam di Kedah dapat berjaya direbut kembali. Seruan Sultan Kedah membangkitkan semangat persatuan Islam dan identity Melayu dengan tekad: "Good will assist us and our Lord Muhammad the Guardin of the Moslems and the last of all the Prophets" membangkitkan semangat kepada orang-orang Melayu yang ada di pantai timur Sumatera.¹⁷ Perang Jihad itu mempersatukan orang Melayu dalam mendukung Kedah melawan "Raja Siam yang kafir dan tak tahu tutur bahasa" itu.¹⁸

Di dalam tahun 1839 Siam memecah belah Kedah dengan membaginya atas: Setul, Perlis, Kubang Pasu dan Kedah asli yang diperintahnya oleh pejabat Raja Siam.

Akhirnya terdapat juga perdamaian dalam tahun 1842 dengan Siam dan Sultan Ahmad Tajuddin dapat kembali Kerajaan di Kedah.

Tetapi bagaimanapun, ketabahan dan keperkasaan orang Melayu Kedah menentang setiap ancaman terhadap agama Islam dan identiti Melayu, menjadi contoh popular buat orang Melayu yang ada di pesisir pantai timur Sumatera.

Dalam tahun 1862, Kerajaan-kerajaan Melayu di pantai timur Sumatera menghadapi ancaman hendak dikuasai oleh penjajah Belanda. Dengan alasan mahu menegakkan kembali claim Siak atas wilayah itu yang dikatakan telah dirampas oleh Aceh, maka pemerintah

Belanda di Batavia (Jakarta sekarang) sudah mempersiapkan suatu Expedisi Militer yang lengkap dan moden pada zaman itu dengan kekuatan sebagai berikut:

- (a) Setengah batalion artilerist, 2 buah meriam lapangan, 2 buah mortar 12 inci, 2 orang doktor kesihatan dengan stafnya, 179 orang askar Belanda dan 227 orang askar bumi-putera;
- (b) Kapal perang sebanyak 7 buah dengan anak buahnya dan meriam-meriam besar;
- (c) 1000 orang askar Marines dengan 49 pucuk field-guns.

Begitulah dahsyatnya angkatan bala tentera yang akan menyerang dan menundukkan kerajaan-kerajaan Melayu yang berani saja menentang. Armada dipimpin oleh Kapten (L) Van Rees dan Komando tentera darat oleh Major Van Heemskerck dengan Penasihat utama Resident Riau, E. Netscher. Netscher sudah tidak sabar lagi kerana ia merisaukan sikap Sultan Basyaruddin dari Serdang, Sultan Ahmadsyah dari Asahan dan raja-raja di Langkat-Temiang, kerana sebuah kapal perang Belanda baru saja menahan sebuah perahu layar dari Asahan dibawa seorang kurir yang membawa surat ditujukan kepada Sultan Panai, di mana baginda mengajak raja-raja lainnya saling membantu melawan agresi Belanda dan ajakan itu telah mendapat inspirasi dari seruan Jihad yang dikumandangkan Sultan Kedah melawan Siam di tahun 1821 itu dahulu.

Dalam suratnya itu antara lain Sultan Azahan menutup isinya:

"Jikaau Sultan mahu, makin besarlah kehendak beta akan mengadakan persetujuan bersama kaum Muslimin lainnya di mana

beta bersedia sebanyak mungkin tenaga untuk perang Sabil, kerana memang sudah menjadi tekad beta untuk bertempur."

Dalam bulan September 1865 itu pasukan Belanda mulanya mendarat di Batubara dan menangkap Orang Kaya ABDULLAH, kerana ayahnya, DATOK LAKSAMANA PUTERA RAJA NEGERI SERDANG, Datok Lima Laras, berlindung ke Serdang. Dari Batubara pasukan darat Belanda maju ke Asahan menuju Sirantau, sedangkan armada Belanda menurunkan marbes di kota Tanjung Balai dan dari sana mudik mengepung Sirantau di mana berada benteng Sultan Asahan. Pada tanggal 20 September Sirantau dapat direbut tetapi Sultan Asahan dan keluarga mundur ke pedalaman tetapi dapat tertawan Raja Muda Asahan. Kerana masa ultimatum agar Sultan menyerah sudah lewat, maka Belanda mengumumkan bahawa Sultan AHMADSYAH dimaksudkan dan diturunkan dari takhta kerajaan dan Asahan untuk sementara dipegang oleh Kontelir Belanda bersama Raja Muda MAAMATULLAH. Ini bertujuan politik *divide et impera* untuk memecah belah orang Melayu Asahan.

Pada tanggal 30 September 1865, pasukan darat dan armada Belanda berangkat menuju Kuala Serdang. Setelah memblokade Serdang, akhirnya pasukan diturunkan dan setelah perlawanan dipatahkan maka Sultan BASYARUDDIN SYAIFUL ALAMSYAH dan DATOK LAKSAMANA PUTERA RAJA dari Batubara dapat tertangkap pada tanggal 6 Oktober. Lalu sebagai hukuman kerana melawan, kawasan jajahan Padang, Bebagai, Percut dan Denai dirampas oleh Belanda dari Serdang.

Ternyata kapal yang ditunggu dari Penang untuk membawa supply senjata dan amunisi tidak kunjung tiba, mempercepat dikuasainya Serdang oleh pasukan Belanda. Setelah bala tentera dan armada Belanda

menaklukan Serdang, maka semuanya naik kapal menuju Pulau Kampai di Langkat (Teluk Haru).

Sebagaimana kita ketahui, penduduk pulau-pulau Kampai, Pulau Sembilan, Perlis Jaring Halus di Kuala Langkat sampai ke depan Kuala Temiang dekat Aceh sejak tahun 1821 didiami oleh orang Kedah yang lari dari kejaran Siam.

JOHN ANDERSON, seorang pegawai tinggi dari Gabenor Inggeris di Penang ditugaskan untuk membuat perjanjian dagang antara Penang dengan kerajaan-kerajaan Melayu di persisir timur Sumatera, telah mengunjunginya dalam tahun 1823. Mengenai penduduk pulau-pulau di Langkat - Temiang ini ia menulis:

"A large colony of Malaya, however, from Langkawi, who fled when the Siamese attacked that place, have established themselves there".²⁹

Pemimpin orang-orang asal Kedah di Pulau Kampai bernama TENGKU HITAM, telah mengorganisasi pasukan askar rakyat yang dipersenjatai oleh bantuan Sultan Aceh melalui pakcik Sultan Aceh bernama TUANKU HASYIM.

Seruan jihad fi sabilillah terhadap orang kafir yang mahu menghancurkan masyarakat Islam di sana diilhami oleh seruan Jihad dari Sultan Kedah dan ditempa oleh kewiraan mereka di dalam medan pertempuran ketika menyerang tentera Siam di tahun 1835-1839, kerana sebahagian dari mereka yang mengungsi ke Pulau Kampai itu telah ikut berjuang di Kedah dan juga dari Deli (Cek Mat Deli di Sei. Patani).

Pada tanggal 8 Oktober 1865 balatentera Belanda yang diangkut oleh 7 kapal perang itu tiba di pantai pulau Kampai dan kapal-kapal perang itu mulailah menembakkan meriam mereka yang besar untuk mengecutkan semangat rakyat dan menghancurkan rumah penduduk. Barulah kemudian pasukan darat Belanda maju

ke pantai dan menyerbu benteng dan kubu rakyat di sana. Setelah pertempuran sengit, kerana tidak tahan menghadapi kekuatan senjata moden Belanda, maka Tengku Hitam dan para pengikutnya undur ke Air Masin. Kemudian pasukan Belanda mengadakan razzia ke rumah-rumah penduduk dan berhasil mengambil surat-surat dokumen penting yang menunjukkan adanya kerjasama Pulau Kampai dengan Aceh. Pasukan Belanda lalu membakar semua rumah-rumah penduduk yang sudah ditinggalkan itu. Keesokan harinya bala tentera Belanda maju ke kampung Air Masin dan sebelum memasuki kampung itu lalu mereka ditembaki dari kubu-kubu yang sudah digali rakyat. Terjadilah pertempuran sengit. Tetapi akhirnya kerana tembakan meriam field guns dan mortar tewaslah Tengku Hitam dan sebahagian besar pejuang gugur mati syahid. Itulah dijangka makamnya yang ada di Pulau Kampai yang dikenal dengan "Makam Panjang". Makam tersebut dan makam beberapa orang pemimpin pejuang lainnya yang tewas dihormati rakyat di sana dan dianggap keramat.²¹

Tetapi tidaklah diketahui penduduk Pulau Kampai lagi sekarang kisah tersebut, kerana tekanan Belanda selama berkuasa membuat takut rakyat mengenang kepahlawanan nenek moyangnya menentang Belanda.

Kunjungan kami ke sana bersama bapak H.Ibrahim bin Ismail dan rombongan dari Kedah dilakukan pada tahun yang lalu²² mengesankan hal tersebut.

Bagaimanapun jua, Kedah telah berjasa mewariskan suatu tamaddun mengenai kebulatan tekad mempertahankan exitensi masyarakat Islam dan jatidiri (identity) Melayu kepada masyarakat Islam di Utara Sumatera, juga di dalam bidang seni bangunan dan seni muzik.

Kekaguman akan Kedah nampak berkesinambungan sampai kepada generasi kemudiannya. Sultan Sulaiman

dari Serdang bersahabat baik dengan Regent Kedah, T.Mahmud, untuk melanjutkan hubungan perkahwinan yang pernah ada dengan Tengku Tam (sayang meninggal tanpa anak). Sultan Serdang itu kemudian membawa satu rombongan MAKYONG dari Kedah, digunakan untuk menghibur rakyat di desa dan pada upacara keramaian di halaman Istana. Mereka itu dikahwinkan dengan orang Serdang, diberi gaji tetap, rumah dan tanah pertanian. Anak cucu mereka ramai masih ada. Salah seorang pemain biola dan ketua muzik asli Sultan Serdang bernama Cek Din, menjadi guru memainkan biola lagu-lagu Melayu. Begitu juga dengan Langkat. Sultan Abdul Aziz dari Langkat berkahwin dengan Tengku Aishah, puteri sulung dari Sultan Zainal Rashid Al Muazamsyah dari Kedah. Kemudian lahir dari perkahwinan ini seorang putera iaitu Tengku Pangeran - Ahmad yang berkahwin pula dengan Tengku Maharom puteri Tengku Zainal Rashid ibni - Sultan Abdul Hamid Halim Syah.

Begitu kuat tamaddun Kedah sehingga ibu kota Kerajaan Langkat disebut "Langkat Darul Aman" dan Masjid Raya Langkat di Tanjung Pura meniru bentuk masjid raya di Alor Setar. Salah seorang pengiring Tengku Aishah itu bernama Syarifah Mahani dikahwinkan dengan kemandakan dari Syeikh Abdul Wahab, Guru Besar Besilam tharikat Naksabandiyah di Langkat. Juga pihak keluarga Diraja Deli banyak berkahwin ke Kedah. Pangeran Bedagai Tengku Ismail berkahwin dengan seorang gadis puteri seorang Datuk di kawasan Anak Bukit Alor Setar sehingga digelar Chek Puan Bedagai dan dimakamkan di pemakaman diraja di Medan. Puteri Sultan Deli Makmun Al-rashid Perkasa Alamsyah, iaitu Tengku Mahtera, dikahwinkan dengan Tengku Idham cucu Sultan Abdul Hamid Kedah. Begitu juga Pak Adam asal Kedah di Pulau Kampai menjadi terkenal dengan ciptaannya

“*Mak Inang Pulau Kampai*” yang tetap dibawakan di dalam setiap festival tari Melayu di Sumatera Utara.²¹

Nota Hujungan

1. "Encyclopedia van Nederlandsch-India" sub "Tochtan". Lihat juga "Livres du Mer veilles de l'Inda", Leiden 1883-6. Juga Reinaud, "Relations de Voyages faits par les Arabes et les Persans", pp. LXII, LXXXV, 17, 93, 94.
2. R.O. Winstedt, "History of Kedah", JSBRAS No. 81. 1920.
3. R.Braddell, "Notes on ancient times in Malaya." JMBRAS 23 (3), 1950.
4. S.R. Fatimi, "In Quest of Kalah", JSEA History, Vol. 1 no. 2 (1960), p.62-101.
5. G.E. Marrison, "The coming of Islam to the East Indies", JMBRAS 24 (1).
6. Dr. J.P. Koguette, "De Grafsteenen van Pasai en Grissee", TBG 54(1). Lihat Dr. W.F. Stutterheim, "A Malay Shaer in old Sumatran characters of AD 1380", Acte Orientalia, 14-1936. Juga Sir R.O. Winstedt, "Did Pasai rule Kedah on the 14th Century?", JMBRAS 18. 1940.
7. "Hikayat Raja-Raja Pasai", Bahagian 1.
8. A.H. Johns, "Sufism as a category in Indonesian literature and history", Komperensi Sejarah Asia Tenggara di Singapore 1961.
9. A.H. Hill, "Hikayat Raja-Raja Pasai", JMBRAS Vol. 33 Part. 2, 1960.
10. Joginder Singh Jessy, "History of Malaya" (1400-1959).
11. F.J.Moorehead, "A History of Malaya", Inp. 137. Lihat juga Winstedt, "History of Malaya", p.53 dan R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", JRASMB, Part 2, XIII (1935), p.62, bahawa Kedah dan Patani vassal states dari Melaka.
12. Tomes Pires, "Suma Oriental" dan M.A.P.M. Roelofs, "Asian trade and European Influence" (Indonesia Archipelago 1500-1630).
13. Lihat juga untuk itu "Adat Aceh", terbitan Dep. P dan K, Jakarta 1985.
14. J.Kennedy, "A History of Malaya".
15. Burney to Anderson 3-10-1826 dalam SSFR 138 (Oct. 5, 1826).
16. Tengku Luckman Sinar, SH, "Sari Sejarah Serdang", Vol. 1, p.112.
17. Lihat juga R.Boney, "KEDAH, 1771-1882"; The search for security and independence", K.L. 1971.
18. M.Thajib Osman, MA, "Hikayat Sri Kelantan", thesis M.A. 1960 Univ. Malaya.
19. H.M. Said, "Aceh Sepanjang Abad".
20. "Mission of the Eastcoast of Sumatera", 1826, p.235-236.
21. Mengenai penyerangan Belanda ke Kampai Oktober 1865, lihat juga W.H.M. Schades, "Geschiedenis van Sumatera's Oostkust", jilid I.
22. "Mekar Sejambak Pulau Kampai kami bertuah", dalam BERITA HARIAN 28.7.1989.
23. "Pulau Kampai Bukit Bertuah" oleh IbmI Ismaily, "Berita Harian", tgl. 28 Julai 1989.

Bahasa Rahsia Melayu Bermula Di Johor?

Oleh
Azizul Rahman Abdul Rahman

MENURUT H.Freudenthal, 'bahasa rahsia' tergolong di dalam kumpulan bahasa-bahasa tiruan (*artificial parasitic languages*) yang berperanan untuk tujuan-tujuan kerahsiaan, keagamaan, politik dan ekonomi. Umar Junus pula berpendapat bahawa 'bahasa rahsia' adalah bahasa remaja yang dianggap sebagai melanggar kaedah dan peraturan pembentukan sesuatu bahasa juga mengadakan satu kaedah baru yang menyimpang daripada struktur bahasa. Kaedahnya tidak dirancang sebaliknya timbul secara mendadak.

Menurut Umar Junus lagi, kewujudan 'bahasa rahsia' ini adalah sebagai tanda melahirkan rasa tidak puas hati para remaja terhadap golongan tua. Dengan mempermainkan bahasa, iaitu dengan menggunakan bahasa yang tidak difahami oleh orang-orang tua, maka para remaja ini seolah-olah dapat mengasingkan diri mereka daripada golongan tua dan sekaligus dapat mempermainkan mereka.

Bahasa rahsia sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu di dunia sebelah sini (negara-negara kawasan Pasifik) dan di Afrika. Namun demikian, bahasa rahsia ini belum dibincang, jauh sekali untuk di hati di bumi Ma-

laysia ini. *Current Trends In Linguistics* ada mengatakan bahawa salah satu jenis bahasa di kawasan Pasifik ialah 'bahasa rahsia'.

Seperti yang dinyatakan di atas, sebenarnya, terdapat beberapa maklumat tentang 'bahasa rahsia' di dunia sebelah sini. Di Korea misalnya, Kang Yun-Ho telah menjalankan satu kajian mengenai dialek sosial dan penggunaan 'bahasa rahsia' di kalangan orang-orang Korea. Di samping itu Kim Min-Su dan Yi Sung-nyong juga turut membuat kajian tentang bahasa ini di Korea.

BAHASA RAHSIA - 2

A.M. Freguson pula berpendapat bahawa bahasa Rodinya di Sri Lanka adalah sejenis bahasa rahsia kerana Rodinya amat berbeza daripada bahasa Sinhalese atau bahasa Tamil. Apa yang menarik tentang bahasa Rodinya ialah tidak menggunakan kata-kata di dalam bahasa Sinhalese tetapi sebaliknya hanya menggunakan strukturnya sahaja.

Di Australia, terdapat beberapa jenis bahasa rahsia khas di kalangan orang-orang aslinya (Capella, A). Warner di dalam kajiannya pada mendapati bahasa rahsia telah digunakan oleh orang-orang dewasa berbangsa Muragin di Arnhen Land, Australia. Di samping itu, O'Grady telah menulis tentang kebolehan seorang budak lelaki bercakap bahasa rahsia di Australia Barat dan mendakwa beliau mempelajari bahasa rahsia itu daripada kuasa ghaib. Di New South Wales pula bahasa rahsia telah digunakan sejak abad ke-19 lagi.

Di Filipina, bahasa rahsia digunakan oleh orang-orang dewasa dengan tujuan untuk mengelakkan perbualan mereka daripada difahami oleh anak-anak mereka khususnya tentang perkara-perkara yang sulit.

Loukotka pula mendakwa dirinya dapat memahami bahasa rahsia di New Guinea khususnya yang digunakan di

dalam upacara-upacara keagamaan di Pantai Rai dan di Teluk Astrolabe.

Di Malaysia pula (Azizul Rahman: 1984) sekurangnya terdapat jenis bahasa rahsia khasnya di negeri Johor (Batu Pahat dan Muar) dan jumlah ini pasti akan meningkat sekiranya kajian-kajian terperinci dilakukan di seluruh negara. Jenis-jenis bahasa rahsia tersebut ialah:

- a. Bahasa rahsia dengan penambahan konsonan /f/ dan penambahan vokal.
- b. Bahasa rahsia yang mengekalkan satu suku kata;
- c. Bahasa rahsia Jawi; dan
- d. Bahasa rahsia perubahan suku kata.

BAHASA RAHSIA - 3

Di dalam rencana ini akan diterangkan dua daripada empat jenis bahasa rahsia di atas iaitu; jenis (a) dan (b) sahaja.

a. Bahasa Rahsia Dengan Penambahan Konsonan /f/ dan Penambahan Vokal

Kebanyakan pekerja kilang Sing Mui Hwa (1984) di kawasan Perindustrian Tongkang Pecah, Batu Pahat, Johor menggunakan bahasa rahsia ini sebagai perantara di antara mereka.

Menurut seorang pekerja di kilang ini, Sharifah Badariah Syed Alwee, penutur-penutur bahasa rahsia yang bekerja di kilang ini adalah dari kampung-kampung di sekitarnya dan masing-masing telah pun boleh bertutur bahasa ini sejak mula bekerja. Manakala yang masih belum boleh menuturnya akan berusaha untuk belajar daripada rakan-rakannya yang lain.

Untuk menuturkan bahasa rahsia jenis ini, terdapat empat kaedah utama digunakan, iaitu:

1. Perubahan bagi struktur KVKV

2. Perubahan bagi struktur KVVK
3. Perubahan bagi struktur KVKVK
4. Perubahan bagi kata berimbuhan

1. PERUBAHAN BAGI STRUKTUR KVKV

Bagi setiap perkataan yang tergolong di dalam struktur KVKV hendaklah dipecahkan kepada suku kata. Sebagai contoh diambil kata saya

- Langkah pertama : sa ya
 Langkah kedua : tambahkan 'fa' selepas setiap suku kata, ini menghasilkan 'safa' + 'yafa'

Dengan itu saya disebut sebagai safayafa

Contoh-contoh lain:

- nama menjadi na + fa + ma + fa = nafamafa
pada menjadi pa + fa + da + fa = pafadafa
mata menjadi ma + fa + ta + fa = mafatafa

BAHASA RAHSIA - 4

Contoh-contoh di atas memperlihatkan bahawa 'fa' hanya ditambah kepada vokal 'a' sahaja tetapi perhatikan pula bagaimana perubahan kepada perkataan-perkataan yang mempunyai vokal-vokal lain:

- bini menjadi bi + fi + ni + fi = bifinifi
buku menjadi bu + fu + ku + fu = bufukufu
solo menjadi so + fo + lo + fo = solofofo

ini nyata menunjukkan perubahan 'f' dan vokal yang mengikuti di hadapannya adalah bergantung sepenuhnya kepada suku kata sebelumnya, iaitu jika suku kata sebelumnya ialah 'bi' maka vokal yang mengikutinya 'f' ialah 'i' dan ini akan menghasilkan 'fi' dan begitulah seterusnya. Sekarang kita perhatikan pula contoh-contoh

perkataan yang mana vokalnya tidak sama di antara dua suku katanya:

batu menjadi ba + fa + tu + fu = **bafatufu**

mati menjadi ma + fa + ti + fi = **mafatifi**

malu menjadi ma + fa + lu + fu = **mafalufu**

2. Perubahan bagi struktur KVVK

Seperti kaedah (1), pertama sekali kita mestilah memecahkan perkataan kepada suku kata. Misalnya kita ambil perkataan **laut**

Langkah pertama : la ut

Langkah kedua : la = fa = lafa

Langkah ketiga : Untuk suku kata 'ut' penambahan yang mesti dilakukan jauh berbeza dengan kaedah sebelumnya. Suku kata ini mesti dipecahkan kepada hurufnya sendiri iaitu:

u dan t

Langkah keempat : Tambahan 'f' di belakang 'u' ini akan menghasilkan 'uf' dan tambahan 'f' di belakang 't' dan menghasilkan 'ut'

Dengan itu untuk menyebut perkataan **laut** adalah seperti berikut:

la+fa+uf+ut = **lafaufut**

Contoh-contoh lain:

muat menjadi mu + fu + a + at = **mufuafat**

buat menjadi bu + fu + af + at = **bufuafat**

paut menjadi pa + fa + af + ut = **paafasut**

BAHASA RAHSIA - 5

3. Perubahan bagi struktur KVKVK

Seperti kaedah-kaedah lain, langkah pertama yang

mesti dilakukan ialah memecahkan perkataan kepada suku kata. Misalnya makan akan dijadikan contoh untuk menguraikan kaedah ini.

- Langkah pertama : ma ka
- Langkah kedua : ma + fa = **mafa**
- Langkah ketiga : **kan** dipecahkan kepada 'ka' dan 'a'
- Langkah keempat : 'ka' tidak memerlukan apa-apa tambahan
- Langkah kelima : 'a' ditambahkan dengan 'fa' (vokal 'a' pada 'fa' diselaraskan dengan vokal pada 'ka' ini akan menghasilkan 'fan')

Oleh itu makan akan disebut ma+fa + ka+fa = **mafakafan**

Contoh-contoh lain:

pamer menjadi pafa + me + fer = **pafamefer**

kedai menjadi kefe + da + fai = **kefedafai**

depan menjadi defe + pa + fan = **defepafan**

wayang menjadi wafa + ya + fang = **wafayafang**

4. Perubahan bagi perkataan berimbuhan

Perhatikan contoh berikut iaitu perkataan yang mempunyai imbuhan men, dan perkataan yang digunakan ialah mengagumkan.

- Langkah pertama : meng ga gum kan
- Langkah kedua : meng menjadi mefeng iaitu me + feng
- Langkah ketiga : ga menjadi gafa iaitu ga + fa
- Langkah keempat : gum menjadi gufum iaitu gu + fum
- Langkah kelima : kan menjadi kafan iaitu ka + fan

Oleh itu untuk menyebut **mengagumkan** ialah mefeng + gafa + gufum + kafan = **mefenggafagufumkafan**

Contoh-contoh lain:

pengangkutan menjadi pefeng + ang + kufu + tafan =
pefengangkufutafan

pemakanan menjadi pefema + fakaf + nafan =
pefemafakafnafan

dimakan menjadi difi + mafa + kafan = difimafakafan

BAHASA RAHSIA - 6

b. Bahasa Rahsia Yang Mengekalkan Satu Suku Kata

Bahasa rahsia jenis ini, daripada segi penyebarannya di-rasakan masih terhad di mana penggunaannya terhad di kalangan kawan-kawan rapat sahaja yaang sentiasa mengetahui pokok perbincangan mereka sahaja.

Sekarang kita perhatikan bagaimana proses pembalikan bahasa jenis ini. Kita ambil contoh perkataan pergi. Jika diterbalikkan perkataan ini akan menjadi gerpi. Seterusnya, perkataan ini dipisahkan suku katanya dan akan menghasilkan ger pi.

Bila dituturkan, hanya suku kata awal sahaja yang disebut iaitu ger dan suku kata keduanya iaitu pi dihilangkan. Jelas bahawa untuk menyebut perkataan pergi untuk bahasa rahsia jenis ini ialah ger sahaja.

Contoh-contoh lain:

kedai menjadi dekai = dek

ada menjadi dan = da

rokok menjadi korok = kor

batang menjadi tabang = tab

buah menjadi ubah = ub

cerita menjadi recita = rec

sedang menjadi desang = des

Bagi perkataan yang berimbuhan pula, penyelesaiannya adalah seperti berikut:

sebatang menjadi setabang = stab

Ini bermakna imbuhan **se** hanya dikekalkan **s** sahaja dan 'a' digururkan.

BAHASA RAHSIA - 7

Contoh-contoh lain:

berjalan menjadi berlajan = **blai**

meruang menjadi mearung = **maru**

Manakala imbuhan di akhiran terus dikekalkan, sebagai contoh lihat perkataan di bawah:

makanan menjadi kemanan = **kaman**

Contoh-contoh lain:

serahkan menjadi resahkan = **raskan**

bagikan menjadi gabikan = **gabkan**

seruan menjadi resuan = **resan**

Adalah difikirkan bahawa kajian-kajian lanjut harus dilakukan terhadap bahasa-bahasa rahsia yang terdapat di Malaysia dan besar kemungkinan penemuan-penemuan baru akan dapat diketengahkan khasnya di dalam bidang sosiolinguistik dan memperlihatkan juga tentang 'kayanya' bahasa Melayu itu sendiri.

*Warisan Sastera Kedah Darul Aman

Oleh Hafiz Arif

KEHIDUPAN manusia diperkayakan oleh upacara, atau ritual, yang tertentu. Si anak lelaki baharu lahir mendengar bapaknya menyuarakan jodoh dan ditakdirkan begitu, berkahwin. Akhir hidup, manusia dikebumikan dengan tahlil.

Tujuan upacara ialah untuk meminta rahmat Allah Taala. Pada masa itu orang berkumpul, menyatakan persatuan sebagai keluarga dan kaum kerabat, dan merasmikan pertukaran status yang terjadi pada masa itu. Dengan upacara, yang tersirat disuratkan, dijelaskan dan diperbaharui. Kalau upacara itu berjaya, ketegangan yang pernah ada diselesaikan dengan pelepasan rasa kasih sayang.

Di alam kesusasteraan terdapat juga upacara-upacara tertentu. Upacara peribadi: mulai menulis, selesaikan naskah, menandatangani kontrak. Dan upacara sosial: melancarkan buku. Hari Sastera adalah salah suatu upacara yang penting di kalangan penulis, dan diadakan (hampir) setiap tahun. Pada tahun 1989, Hari Sastera Kedah Darul

* Dibentang dalam *Himpunan Budayawan Malaysia '90*, di Alor Setar, 17 - 18 November, 1990

Aman, anjuran Majlis Kebudayaan Negeri, berjalan selama dua hari, 5-6 Ogos 1989, di Dewan Persidangan Bangunan Sultan Abdul Halim, Alor Setar. Tema Hari Sastera itu ialah **“Warisan Sastera Kedah Darul Aman”**.

MKN berharap “untuk melahirkan kesedaran tentang kewujudan sastera tradisi dan moden di negeri ini, di samping menilai tahap pencapaian serta sumbangannya terhadap pembinaan sastera tanahair”. Hasil himpunan kertaskerja sekarang diterbitkan MKN dengan judul Warisan Sastera Kedah Darul Aman. Bentuk buku ini rapi, teratur dan menyenangkan mata pembaca. Dua puluh satu kertaskerja termuat di sini, kebetulan saja dari A (“Aspek Humor atau Makar dalam Sastera Tradisi Kedah” oleh Dr Asmah Haji Omar) sampai Z (“Zurinah Hassan: Jaring dan Siklus Kepenyairan” oleh Kemala).

Bukan niat saya untuk membicarakan dua puluh satu kertaskerja itu satu persatu. Sebaliknya, eloklah meringkaskan jawapan yang diberikan oleh pembentang-pembentang kertaskerja kepada masalah terutama: “kewujudan sastera tradisi dan moden di negeri ini,” dan “tahap pencapaian serta sumbangannya terhadap pembinaan sastera tanahair”.

SASTERA TRADISI

Sastera tradisi Kedah berbentuk lisan dan tulisan adalah sebahagian daripada sastera Melayu tradisi.

Di bidang tulisan, teks termasyur ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*. Menurut Ishak bin Saidoo, HMM menjelaskan dua bahagian penulisan, iaitu bahagian naratif-oral dan historis-fakta. Bahagian pertama sering dihubungkan dengan periode sebelum hidup pengarang/penyalin, dan diperolehi melalui tradisi oral: “kata yang em-punya cerita,” didengar dari bapanya”, atau melalui pembacaan: “dibaca dalam hikayat”. Unsur-unsur mitos-legendaris amat ketara dalam HMM, termasuk asal usul

pembukaan negeri, penerimaan Islam, watak burung geroda, Raja Bersiong, dsb. Terdapat juga beberapa fakta sejarah, sebagai misalan tradisi penghantaran bunga emas ke Siam dan hubungan politik antara Siam dengan Kedah. Dari segi politik, kita mendapat satu gambaran berkenaan susunan yang bercorak feodal. Dari segi ekonomi diberi sedikit gambaran mengenai perkembangan perniagaan di Kedah.

105 *Syair Sultan Maulana* sepanjang 1102 rangkap dan tertulis oleh Sultana Ahmad Tajuddin II (Marhum Melaka) sendiri sewaktu dalam buangan di Melaka. SSM terbahagi pada dua bahagian besar. Yang pertama ialah naratif mengenai kebangkitan Patani tahun 1809 di mana Kedah terlibat sama, dan bahagian kedua darihal peperangan Siam-Burma tahun 1810 di mana Kedah pun terheret juga. Menurut Ishak bin Saidoo, tujuan SSM ialah untuk menaikkan semangat pahlawan-pahlawan Kedah untuk memperkuatkan ketahanan politik.

Suatu lagi karya sastera bersifat sejarah ialah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang disusun oleh Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, yang masih mengandungi nilai sastera.

Cerita-cerita penglipur lara di Kedah, menurut Ishak, memperlihatkan satu kesamaan iaitu mengenai pengembaraan wiranya. Persoalan yang sering disuarakan ialah mengenai kisah percintaan putera puteri raja dan halangan di dalam percintaan itu. Oleh kerana dibantu oleh watak-watak lain, akhirnya mereka beraja juga. Sastera lisan kekal dalam masyarakat hingga ke hari ini. Haji Mustafa Mohd Isa mencadangkan: "adalah wajar diusahakan mengenalpasti, mencungkil, menghimpunkan dan menganalisis sastera lisan Kedah yang dipercayai masih banyak lagi yang tidak diusahakan supaya sastera lisan itu tidak hilang bersama-sama dengan penyimpanan-penyimpan yang kebanyakannya telah lanjut usia, kerana cerita-cerita lisan itu mempunyai filsafah yang tinggi

terutama dari segi pendidikan moral”.

Sayangnya, buku-buku agama Islam tidak dibicarakan secara detail dalam buku ini. Mungkin buku sedemikian tidak dianggap sebagai “sastera”. Sdr. Ahmad Kamal Abdullah dalam Pengantar kepada buku *Kesenian Islam* (DBP 1990) mengeritik dengan keras sikap pengeritik sastera bahawa agama seharusnya terpisah daripada kehidupan harian, dan sastera agama hanya memancarkan nilai-nilai basi, tidak intelektual, tidak baharu, klise dan ketinggalan zaman. (Tidak disebutnya ulama sering ditakuti oleh perasaan yang ditimbulkan oleh bacaan sastera murni, sehingga mengutuk sastera tanpa membaca sastera). Kalau pembaca yang menentukan inti kesasteraan, patutlah sastera agama menjadi sebahagian dari Sastera Melayu dan dibicarakan secara wajar oleh pengeritik-pengeritik.

SASTERA MODEN PROSA

Di antara 1894 sehingga 1946 terdapat 42 buah akhbar dan majalah yang diterbitkan di utara Semenanjung tanahair. Dengan lahirnya Maktab Perguruan Sultan Idris pada 1924, pengaruh bahasa dan sastera Melayu bertambah giat dan sampai ke Sarawak, Sabah, Pulau Labuan dan Negara Berunei Darussalam. Timbullah tokoh sasterawan seperti Allahyarham Abdul Rashid Talu, Syed Sheikh Al-Hadi, Rahim Kajai dan lain-lain lagi.

Selepas Perang Dunia Kedua, puluhan novelis yang berasal dari Kedah telah muncul dan berkecimpung dalam penulisan novel, kata Drs Ramli Isin. Samada mereka menghasilkan novel-novel itu sewaktu mereka berada di Kedah mahupun sewaktu mereka berada di luar Kedah, khususnya di mana mereka bertugas.

Pelopor novelis Kedah ialah Abdullah Hussain yang menghasilkan tiga buah novel awal dengan menggunakan nama samaran Roslani Ashikin. *Dia Kekasihku* terbit

pada tahun 1941, *Kasih Isteri* pada tahun yang sama, dan *Amin Pemuda Desa* pada 1947. Jejak Abdullah Hussain diikuti oleh Abdul Hamid Haji Hashim (Remaja Malaya), yang menghasilkan sebanyak sembilan belas buah novel yang bercorak kemasyarakatan dalam tempoh kira-kira satu dekad. Affrini Adham hanya sempat menghasilkan sebuah novel, iaitu *Pending Berdarah* (1950), tetapi tetap mengukir nama sebagai penulis sajak pada tahun 1940-an sampai tahun 1950-an. Menurut Dharmawijaya, yang membicarakan sajak-sajak Affrini Adham, penyair itu bergerak di luar ASAS 50 dan membentuk slogan tersendiri, iaitu "**Seni Untuk Perjuangan**".

Abdullah Hussain masih prolific sampai sekarang. Novelnya *Konserto Terakhir* dibincang oleh Darwis Harapap "dari sudut peradaban". Watak utama novel 1980 ini ialah seorang Kedah yang tinggal di Kuala Lumpur, dan hampir lupa dengan budi bahasa yang diperolehinya di kampungnya kerana perkahwinannya dengan Datin Salmah yang rendah budi bahasa. Pak Kassim, orang Kedah yang kekal tinggal di Kedah, sebaliknya dianggap kolot tetapi merupakan insan yang bersedia berkorban demi kebaikan keluarga dan kebahagiaan orang lain.

Pada tahun 1960an muncullah penulis novel yang lain yang masih prolific sampai sekarang dan dihormati dengan Abdullah Hussain sebagai penulis yang paling tinggi bakat dan dedikasinya. Prof. Madya Dr Mohd Yusof Hasan bicarakan novel-novel Shahnnon Ahmad *Dari Semaun ke Cumbi*. Kajiannya tentang 13 buah novel Shahnnon "memperlihatkan tiga perspektif yang saling berhubungkait: reaksi dan refleksi pengarang terhadap perkembangan masyarakat Melayu, penyampaian tema dan gambaran perwatakan; dan pengeksploitasian bahasa dan stailnya" (h. 236). Walaupun nama Azizi Haji Abdullah sering disebut oleh pembentang kertaskerja, karya Azizi tidak ada kritikan yang sesuai dengan tarafnya sebagai pemenang SEA Write Award 1988. Betul Azizi

hidup, seperti dikatakan oleh Shahnnon Ahmad dalam Kata Pengantar kepada *Bibit Cinta* (1989) "antara ke-seriusan dan kepopularan dalam keseniannya". Rupanya batas-batas nilai kesusasteraan yang diterima sebagai kesusasteraan sekali lagi terlalu sempit bagi pengeritik-pengeritik kita.

Cerpen-cerpen mulai muncul pada tahun lima puluhan juga, menurut Hamzah Hamdani. Abdullah Hussan hanya menulis cerpen pada masa itu dan kumpulan cerpen pertamanya, berjudul *Kota ke Kota*, baharu terbit pada tahun 1978. Nama yang terlebih menyolok mata dari tahun-tahun itu ialah Niamat Yusoff, Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, A. Halim Haji Salleh, Nilawati Kedah, Nohinda, Rosmani, Doris, Kassim Ahmad dan Shahnnon Ahmad. Pada dekad 1960-an muncul penulis-penulis cerpen seperti Darus Ahmad, Zain Din, M. Farda, Noorjaya dan Azizi Hj. Abdullah. Bagi Hamzah Hamdani, "antara nama-nama ini, hanya dua penulis yang memperlihatkan kemampuan yang jelas, iaitu Noorjaya dan Azizi" (h. 96).

Period 1970-an dilayani dengan baik dalam buku *Warisan Sastera Kedah Darulaman* ini. Menurut Hamzah Hamdani, cerpenis kedua dekad ini "yang telah memperlihatkan bakat yang teruji ialah Osman Ayob" (h. 97). Amida @ Hamidah Abdul Hamid membicarakan antologi Osman Ayub, *Detik Yang Tergugat*, yang "melukiskan kehidupan manusia yang seolah-olah disumpahi gelodak bimbang - gelisah lantaran memikul beban akibat kebebasan memilih (ikhtiar) yang tertampan di hadapannya sepanjang manusia itu meniti jalanan kehidupan ini" (h. 157).

Lain daripada Shahnnon dan Azizi, novelis yang ke depan pada 1970-1989 ialah Noorjaya, Shaari Isa, Shaari A.B. dan A. Rahmad, kata Drs Ramili Isin (h.89). *Awang Toksan*, karya Noorjaya (1982) dibicarakan oleh sarjana tersebut dari segi sosio-budaya dan sosio-ekonomi. *Projek*

PL5, karya Shaari Mohd Isa (1988), dibicarakan oleh Prof. Madya Dr Mohd Yusof Hasan dan dipujinya sebagai "satu percubaan awal nekad melalui novel untuk mendedahkan konspirasi Yahudi" untuk membawa ulama Islam ke arah kemunduran (h. 149). *Ruyup* karangan Shaari A.B. (1982) dibicarakan oleh Abdul Rahman Aziz, dan dikira "berjaya menggambarkan sebuah kehidupan komuniti desa yang terpencil" (h. 155). Karya A.Rahmad, *Canang* (1984), dianggap oleh Rahman Shaari "mempunyai struktur plot yang berbeza daripada novel-novel lain karya novelis Kedah dan novelis Malaysia" dan tema menarik mengenai "perjuangan menentang kezaliman" (h. 139-140).

Keistimewaan prosa berasal Kedah terletak pada "mengutarakan tema dan permasalahan tentang kemiskinan", menurut Ramli Isin (h. 90). Dr. Asmah menambahkan ciri humor (makar) sebagai salah satu ciri kegayaan penulis Kedah yang penting. Dia membandingkan Terong Pipit dengan Hang Tuah. Menurut beliau, Terong Pipit sama gagah perkasa dengan Hang Tuah tetapi Hang Tuah tidak ada makar dan "bertindak sebagai robot raja, robot yang sangat canggih. Setiap kali raja menekan butang, yakni memberi pemerintah, Hang Tuah terus menjalankan tugasnya, tanpa sedikit bedeh'uh atau bedeh'eh." (h. 17).

Apakah kekurangan prosa Kedah? Pengeritik-pengeritik ini hampir tidak berani menyebut kekurangan. Biarlah saya, sebagai orang luar, menyarankan dua kekurangan yang terasa pada buku ini. Yang pertama, sikap berani memberontak, yang mendasari kekuatan dan kekasaran petani negeri jelapang padi ini, tidak disebut. Politik pengeritik agak konservatif. Yang kedua, tidak ada pembicaraan tentang urbanisasi. Sedangkan novel-novel Shahnnon, misalnya, mengutuk perkembangan dalam masyarakat Melayu moden di bandar-bandar besar (Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur) dengan keras. Di mana ada

novel yang menceritakan perkembangan masyarakat Melayu di Alor Setar? Begitu banyak novel mengenai desa-desa terpencil, kurang sekali mengenai ibu negeri ini?

PUI SI DAN DRAMA

Puisi 1970-an juga dibicarakan dengan teliti.

Mohammad Daud Mohamad "menyingkap jendela Jihaty Abadi" untuk "menghadapi pelbagai masalah yang sukar dikemukakan". Kesukaran yang dimaksudkan iaitu "melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan elemen historikal, struktur fizik dan *deep structure* yang melingkari puisi dan kepenyairan Jihaty Abadi" (h. 123). Mohamad Daud membandingkan "horizon kepenyairannya: kreativiti, ilusi, halusinasi dan struktur batin lainnya yang mendukung gagasan pemikiran penyair mencari 'erti diri' dan 'fenomena' hidupnya yang abadi" (h. 125).

Kemala memuji Puzi Hadi kerana tabah menulis sampai sekarang. "Walaupun begitu", katanya, "beberapa kelemahan yang sewajarnya diatasi dan diimbangnya ialah dari 'kerohanian' dan 'ilmu'". Kemala masih mengharapkan perkembangan seterusnya dari penyair berbakat ini (h. 179). Kemala juga "yakin kreativiti Zurinah Hassan belum lagi berakhir", dan pasti Zurinah "akan mengatasi kelemahannya dan seterusnya memperteguh pencapaiannya". Katanya lagi: "Perkembangan kepenyairan Zurinah Hassan banyak bergantung kepada bakat dan kepekaannya kepada alam di sekitarnya. Kemampuannya membuat perbandingan atau menyarankan kepada makna kehidupan yang lebih luas dan lebih kukuh juga menarik hati" (h. 261).

Manakala Sutung Umur RS membicarakan "*Puisi Jamaludin D dan Zakiah Bahari: Sekadar Pandang Mengkilas*". Antara lain dia mengatakan "puisi-puisi Zakiah banyak membincangkan persoalan tentang diri-

nya, satu persoalan yang selalu dikatakan sebagai digemari oleh penyair wanita..." (h. 232). Memang berani kawan kita Sutung ini! Rasanya kekurangan jumlah penulis wanita Kedah, dan kekurangan pengeritik yang betul simpatetik terhadap tulisan wanita merupakan masalah besar yang ketiga yang ditimbulkan oleh buku *Warisan* ini tidak dengan sengaja.

Satu esei saja yang membicarakan "*Perkembangan Drama di Kedah*", karangan Samat Salleh. Kesimpulannya menarik. Kumpulan yang bergiat di bidang ini, bukan semuanya terdiri dari badan-badan budaya yang khususnya tertumpu kepada drama. Hampir kesemua ahli di dalam setiap kumpulan tidak mendapat latihan atau kursus formil tentang drama. Kegiatan mereka bukanlah bermotifkan komersil. Bangunan teater jarang dipakai. Sokongan dari lembaga negeri kurang dan patut dipulihkan semula.

BERJAYA

Buku *Warisan Sastera Kedah Darul Aman* berjaya mementaskan perkembangan dan keanekaragaman kesuasasteraan tradisi dan moden di Kedah. Ada kekurangan, seperti dijelaskan, tetapi kekurangan ini merupakan pertentangan buat masa depan kritikan di Malaysia ini dan tidak spesifik kepada buku ini. Dari buku ini, saya belajar banyak mengenai sumbangan negeri Kedah Darul Aman kepada Sastera Melayu. Buku ini patut dihormati sebagai karya berjasa yang amat tinggi nilainya.

*Gambaran Pakaian Kerajaan Melayu Johor-Riau Abad Ke-17 hingga 19

Oleh Siti Zainon Ismail

LATAR SEJARAH

SEBAGAI pusat pemerintahan Kerajaan Melayu Johor-Riau (KJR-R (1540), meliputi seluruh kepulauan Riau-Lingga, Kampar, Siak, Inderagiri, Jambi (pesisir Sumatera Timur) hingga Aru, Semenanjung Tanah Melayu (Kota Batu Sawar, Johor Lama, Pahang, Perak dan Kedah (Buyong Adil, 1971: 21).

Gambaran tentang pakaian KJR-M pada abad ke-17, telah dicatat oleh Johanan Nieuhoff (1988). Nieuhoff sampai di Melaka, Johor dan Pahang pada tahun 1662. KJR-R dicatatnya sebagai kerajaan yang mewarisi tradisi Kerajaan Melayu Melaka (KMM). Nieuhoff mencatat sejak tahun 1669, '*one John de Peratuan (Johor Yang Dipertuan) was King of Jor (Johor), he was styled the Great King, being likewife king of Malacca....*' (Nieuhoff: 181). Selain mencatatkan tentang pakaian orang-orang Melayu di Melaka,¹ Nieuhoff juga menggambarkan pakaian di Johor.

* *Dewan Budaya, Jun dan Julai, 1993*

The common people go quite naked, having only a piece of stuff to cover their members, which hangs down to their toes. The rich and better sort wear a kind of jackets made of blue, green or red callioe, or what colour their please, they are shaped like our shirts, with wide sleeves, are open before, and reach only to their knees. They have also two silken strings of the same colour with the jacket, one serves for a girdle, the other for the head string. (Nieuhoff, ibid).

Catatan di atas, menggambarkan bahawa pakaian di Johor, meneruskan bentuk yang telah wujud sejak KMM berdasarkan status dan sistem darjat si pemakai. Orang kebanyakan tidak memakai baju. Orang kaya berbaju warna, tangan besar. Warnanya besar dengan kain ikat pinggang (bengkung) sutera dan ikat kepala (tengkolok).

Sepanjang kekuasaan KMJ-R, yang penting dicatat ialah terjalinnya hubungan antara beberapa wilayah persekitaran. Melalui sistem politik, perkahwinan dan perniagaan, pertembungan ciri budaya atau akulturasi Wilayah Budaya Melayu (WBM) begitu ketara dalam cara berpakaian. Ini dapat dilihat dari sudut penggunaan bahan pakaian atau jenis kain yang digunakan. Johor menjadi pusat perniagaan,² tempat pertukaran bahan-bahan mentah ataupun kain-kain tenunan dari KMM sendiri. Kain bugis (tenunan dari Bugis) telah menjadi milik bersama; tenunan yang berasal dari sana ataupun coraknya ditenun di Kelantan, Terengganu dan di Minangkabau³ ("kain bugis lama"). Di Johor telah terkenal dengan corak Muar atau kain samarinda, tenggarun (asal dari Ka-limantan Timur).

Pengaruh Bugis dan Minangkabau memperlihatkan jalinan unsur ke pakaian di KMJ-R. Penaklukan Aceh ke atas Johor (1512, 1541) tidak meninggalkan kesan yang jelas dalam perkembangan pakaian Aceh di Johor, tetapi kesinambungan unsur-unsur pola baju dan seluar Aceh muncul di negeri Perak dan Pahang. Di bawah kekuasaan Sultan Iskandar Muda, Aceh telah

menawan Pahang dan membawa Sultan Ahmad dan putera baginda (Raja Mughal) yang kemudian dikahwinkan dengan Puteri Safiah. Raja Mughal kemudian bergelar Sultan Iskandar Thani. Peristiwa perkahwinan ini digambar oleh Sheikh Nurudin Ar-Raniri lengkap dengan peralatan budaya benda Aceh yang meliputi penggunaan bahan-bahan pakaian dan perhiasan. Tradisi pemakaian kain sulam benang emas, yang disebut sebagai *qasab* inilah yang mewarisi dalam kehidupan budaya Melayu terutama di Perak, Johor dan Selangor; menghiasi pakaian dan peralatan pengantin. Istilah baju "Puteri Perak" adalah gabungan dari pola baju wanita Aceh dengan baju cekak musang, bercelana dan berkain samping terkenal di kalangan wanita istana Perak dan Pahang. (A.Hasjmy), 1977: 46-75). Gambaran pakaian wanita Aceh telah dicatat oleh Zentgraaff dalam memerikan tokoh pahlawan, Cut Mutia yang terkenal pada akhir abad ke-18,

.....Cut Mutia hukan saja amat cantik parasnya tetapi iapun memiliki tubuh tampan dan mengghairahkan. Mengenakan pakaian adatnya yang indah-indah menurut kebiasaan wanita di daerahnya: dengan "siluene Aceh: sutera berwarna hitam dengan baju yang dikancingi perhiasan-perhiasan emas didadanya serta bertutup ketat, dengan rambutnya yang hitam pekat dan dihiasi dengan "ulee ceumara" emas (seperti huluhuntaian bunga cemara) dengan gelang kakinya yang melingkari pergelangan lunglai.
(Zentgraaff, 1983: 151)

Tradisi pola baju inilah yang berkembang di Perak dan Pahang khususnya sejak abad ke-17.

Sebaliknya berbagai-bagai unsur budaya seperti Bugis, Minangkabau dan Aceh bergabung menjadi ciri pakaian KMJ-R4 dan mengembangkan rekabentuk PCM kesan daripada akulturasi di WBM. Bentuk 'lima persalinan' yang muncul dalam KMM, berlanjutan dengan gabungan unsur-unsur budaya persekitaran.

KMJ-R meneruskan tradisi warisan budaya dari

KMM dengan adat turun temurun dari zaman Sultan Iskandar Syah Zulkarnain (*Sejarah Melayu*), serta mengikut adat yang 'diatur' oleh Sultan Muhammad Syah. Tradisi ini dilanjutkan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah di zaman pemerintahan baginda di WBM KMJ-R (1722-1760),

...maka tatkala inilah diatur pula adat itu, antara Yang Dipertuan Muda dan Bendahara dan Yang Dipertuan Besar. Maka dihimpunkanlah adat serta kanun ini beberapa fasal, supaya isi negeri mengetahui perbezaan raja-raja dengan menterinya; dan perbezaan menteri dengan orang-orang banyak; dan hamba raja dengan orang luar; dan perbezaan orang negeri dengan orang dagang.

(A.Samad, 1985: 41)

Antara aturan adat ialah yang berhubung dengan cara berpakaian di kalangan anak-anak raja, pakaian larangan bagi rakyat biasa seperti kain tiada berkepala, bertelepek atau berantai (songket) putih (ibid: 54). Pola baju yang diperikan ialah baju sarung, baju pandak, kelengkapan pakaian dan perhiasan pengantin.

Konsep lima persalinan sebagai pakaian lengkap dengan 'baju Melayu' menjelang abad ke-19 tidak dapat dikesampingkan begitu sahaja iaitu sebelum munculnya istilah baju 'Teluk Belanga' yang menjadi ciri khas 'baju Melayu Johor'. Johan Nieuhoff (1988: 181) mencatat gambaran rekabentuk pakaian Melayu Johor pada abad ke-17, yang memperlihatkan konsep asas lima persalinan iaitu kain, baju, ikat kepala, bengkung, dengan pola baju yang lebar dan sebelumnya terbuka (belah) di hadapan. KMJ-R dengan pusat pemerintahannya sering berpindah dari Johor ke Riau: Lingga, Penyengat, Teluk Belanga (pada abad ke-19 telah memperlihatkan gabungan dan penyatuan unsur budaya serantau. Islamisasi merupakan penunjang yang paling utama. Hampir semua unsur seperti Aceh, Minangkabau, Bugis telah distailisasi dengan ciri-ciri Islam terutama

dengan penggunaan istilah bahan, jenis ataupun pola pakaian.

UNSUR DAN GAYA BAJU TELUK BELANGA

Teluk Belanga memainkan peranan penting dalam KMJ-R. Era ini bermula apabila dalam tahun 1806, Sultan Mahmud Syah III, yang bertakhta di Riau-Lingga (1761-1812) telah melantik dan memberi kuasa kepada Tun Abd. Rahman sebagai "Temenggung Seri" Maharaja menguasai Johor, Singapura dan pulau-pulau sekitarnya (Buyong, 1971). Kuasa 'Kerajaan Temenggung' sebagai 'Pemerintah Kerajaan Baru Johor' berlangsung sepanjang tahun 1855-1917 (Ahmad Fawzi, 1988).

Melalui perjanjian di kapal *Utrecht* 1784 antara Belanda dengan Raja Tua, Raja Bendahara dan Raja Temenggung bagi pihak Sultan Mahmud, Belanda telah menyetujui perjanjian dan memerintahkan Yam-tuan Muda Raja Ali dan pembesar-pembesar Bugis supaya tidak campurtangan dalam politik Melayu. Sejak tarikh itu kuasa Bugis⁵ mulai luntur dan pembesar-pembesar Melayu mula menguasai politik Johor (Ahmad Fawzi: 5).

Pada tahun 1823, Temenggung Abd. Rahman telah meninggalkan Bulang dan menetap di Teluk Belanga (Singapura). Semua pengikutnya yang terdiri daripada orang Melayu, Bugis Peranakan dan Orang Laut telah disebut sebagai 'Orang Temenggung' kemudian dikenali juga sebagai orang Teluk Belanga' (Abdullah Munshi, 1960: 179-182; Buyong: 176). Satu perjanjian telah ditandatangani antara lain menyebut, 'semua tanah Singapura diserahkan kepada kompeni Inggeris kecuali kawasan kediaman Temenggung dan Sultan Hussin' di Teluk Belanga dan Gelam. (Buckley, 1969: 107).

Perpindahan Temenggung ke Teluk Belanga makin menguatkan kuasa Temenggung sehingga peranan

Sultan Hussin di istana Gelam terbakar. Orang Teluk Belanga bukan sahaja mempunyai pengaruh, tetapi mula meluaskan perhubungan dengan Inggeris. Kewibawaan Orang Teluk Belanga diwarisi pula oleh Temenggung Ibrahim (Daing Ibrahim dikenali juga sebagai Daing Ronggek atau Daing Kecil, keturunan Melayu Bugis Peranakan) (Buyong: 182). Bagi Inggeris, Temenggung Ibrahim adalah sahabat mereka kerana bersama-sama membantu menyusun semula pentadbiran di Teluk Belanga. Beliau mendapat kemudahan daripada Inggeris, mempunyai rumah mewah seperti kediaman orang-orang Eropah. Temenggung juga menuntut Teluk Belanga supaya dipindah milik turun temurun kepadanya dan dia sanggup melepaskan tanah-tanah miliknya.

Melalui perjanjian dengan Inggeris pada tahun 1862, telah dipersetujui bahawa kawasan Teluk Belanga dijadikan kawasan khas istana dan makam keluarga diraja. Dapat dikatakan bahawa sistem adat dan budaya orang Teluk Belanga tidak sahaja meneruskan ciri KMM atau KMJ-R tetapi juga 'menguukuh dan mencipta' ciri khas pakaian Teluk Belanga; sehingga munculnya istilah 'baju Teluk Belanga'.

Apabila pusat pentadbiran (keluarga) Temenggung berpindah ke Tanjung Puteri di zaman Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja maka bermulalah institusi diraja iaitu apabila Temenggung Abu Bakar melantik dirinya sebagai Maharaja (1862) bergelar Maharaja Abu Bakar (1868) dan menjadi Sultan Abu Bakar (1885-1895) (Buyong, 1986).

Mengikut Azah Aziz (1990) di zaman baginda inilah istilah baju Teluk Belanga 'dicipta', digunakan dan berkembang di Johor sebagai mengenang sejarah wilyah asal kuasa keturunan Temenggung. Dato' Haji Mohd. Said Sulaiman dalam bukunya *Pakai Patut Melayu* (1931) memperakui iaitu kira-kira tahun 1862

baju kurung di Johor disebut sebagai baju Teluk Belanga. Seterusnya dikatakan (1931: 1),

Baju Kurung Melayu yang dipakai oleh orang-orang dalam Johor itu asal yang menciptanya adalah al-marhum Sultan Abu Bakar pada tempohnya lagi bersemayam di Teluk Belanga, Singapura bila ianya dilantik menjadi Temenggung Seri Maharaja menggantikan Seri Paduka ayahnya Temenggung Ibrahim Seri Maharaja yang mangkat dalam tahun 1862. Maka pada masa itu yang mulia tengah membuka sebuah bandar di Tanjung Puteri pada tahun 1866 ditakar namanya kepada Johor Bahru.

Walau bagaimanapun perlu disedari bahawa apa yang dinyatakan di atas hanyalah penggunaan istilah untuk pakaian (baju Melayu) yang telah sedia ada. Sedangkan pola baju tersebut telahpun dikenali sebagai baju Melayu (baju Raja Melaka) atau berbaju 'sarung' yakni kain samping dipakai di luar baju dan penggunaannya telah meluas sejak KMM (Buyong, 1973: 24; *Sejarah Melayu*) iaitu '.... adat raja-raja Melayu berangkat ke masjid bertengkolok berbaju sarung. (*Salalatus Salatin*: 74)

Tetapi usaha yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar mengukuhkan lagi konsep PCM dan KMM bagi membezakannya dengan pakaian yang dipengaruhi oleh unsur Bugis dan Aceh (baju pesak enam, pesak sebelah, baju belah) (Mohd. Said: 1) yang telah lama bertapak di WBM dan KMJ-R. Lebih tepat lagi, pola baju Melayu dikemaskan dengan leher 'bulan-bulan' bertikam belut dan berkancing satu. Tradisi pakaian KMM berlanjutan dalam penggunaan baju Teluk Belanga yang diperkukuhkan pula dengan pantang larang berpakaian.

Sejarah Melayu memerikan tentang larangan kepada orang kebanyakan memakai samping dengan ikat berpuncung atau, '..... dilarang bertengkolok dan berbaju "sarung", kecuali telah dianugerah raja (Buyong, ibid). Di sini, baju sarung bermakna baju dipakai secara sarung atau pola (baju) kurung dilapisi dengan kain

samping di luarnya yang disebut 'berdagang luar'.

Tradisi inilah yang diperkenal kembali di kalangan pembesar istana oleh Sultan Abu Bakar sehingga menjadi ciri, penting orang Melayu-Johor (sejak awal abad ke-19) hingga disebut sebagai baju 'Teluk Belanga' (pakaian lelaki) atau 'baju kurung Johor' (pakaian wanita) (Azah Aziz, 1983:9). Potongannya yang labuh dan longgar adalah bertepatan dengan pemerian dari *Sejarah Melayu* bahawa, Temenggung Hassan yang melabuh dan membesarkan lengan baju Melayu. Tetapi di Teluk Belanga baju tersebut makin jelas rekabentuknya, iaitu berpesak dan berkekek.

TRADISI BAJU TELUK BELANGA

Tiada kajian yang lengkap tentang asal pola baju kurung. Kebanyakan pengkaji, melihat dari sudut rekabentuknya hingga membuat andaian dengan cara membandingkannya dengan beberapa pola pakaian lain. Yudi Achyadi beranggapan, di Indonesia baju kurung lebih awal muncul daripada baju kebaya dan diperkenalkan atau mendapat pengaruh dari India Barat yang dibawa oleh pedagang-pedagang Islam dari Gujerat sejak abad ke-16. (Lih. Suwati Kartiwa, 1985/1986: 33). Pola baju yang hampir sama ini dikenali dengan berbagai-bagai istilah seperti baju Gujerati ataupun *Kurta*, labuh hingga ke paras bawah lutut dan berbelah di bahagian kiri kanan badan, dan lehernya ada yang bulat atau bercekak musang. Pakaian pola ini pernah dipakai oleh pembesar Istana Selangor. Tradisi baju labuh ini dipinda sedikit demi sedikit oleh Allahyarham Dato' Jaafar, Menteri Besar Johor I iaitu dalam pemerintahan Sultan Ibrahim (1886 - 1919); labuhnya hingga paras punggung (baju lelaki), berkocek dua di bawah dan satu di atas dada kiri. (Mohd. Said Dato' Haji Sulaiman)

Satu hal yang menarik, bukan sahaja soal perkembangan dan pemakaian pola baju kurung tetapi penerimaan istilah 'baju Teluk Belanga' sebagai pakaian lengkap lelaki iaitu ciri baju Melayu di WBM yang berasas konsep PCM. Hal ini dapat diterima sebagai ciri pakaian Melayu dalam 'Pemerintah Kerajaan Baru Johor' pada awal abad ke-19. Istilah ini berkesinambungan hingga ke Aceh, Minangkabau, Palembang, Jambi, Brunei, Sulawesi dan Sumbawa walaupun sebelum itu telah wujud dan disebut sebagai baju kurung (Jambi), baju teratai atau Melayu (Palembang), baju panjang atau baju *gadoang* (Minangkabau).

Beberapa wilayah Melayu lainnya telah menerima istilah ini walaupun pola baju tidaklah selengkap PCM. Di Sumbawa yang pernah dikuasai Bugis menyebutnya sebagai baju *Taluk Balanga* dan di Kepulauan Sulu dikenali dengan *Taru Balagha* walaupun polanya lebih mirip kepada baju pendek atau kebaya belah depan. (Ligaya Fernando Amilbansa, 1987: 125-126)

Unsur dan gaya Teluk Belanga dapat dirujuk sebagai gaya baju Melayu yang mula diperkenalkan di Teluk Belanga. Baju Teluk Belanga ini pula mudah dapat dibezakan dengan beberapa pola baju yang telah ada ketika itu (seperti yang disebut di atas) hasil gabungan unsur Aceh-Bugis-Melayu seperti baju 'pisak enam' berkembang dengan baju kurung Riau (unsur Riau-Bugis), 'pisak sebelah' dan baju panjang atau kebaya.

Ciri khas baju Teluk Belanga yang penting ialah cara baju dan kain/samping dipakai. Walaupun pemakaiannya masih meneruskan gaya yang dilarang, iaitu memakai 'berbaju sarung' dari adat KMM, tetapi disebut dengan istilah lain iaitu berkain pakai di dalam 'dagang luar' atau pakai di luar 'dagang dalam'. Dalam

kajian ini ditulis kain 'berdagang luar' dipakai dan golongan atasan (orang/dagang dalam) dan kain 'berdagang dalam' dipakai oleh orang kebanyakan. Gaya pemakaian kain inilah menentukan status antara golongan istana atau raja dengan rakyat biasa.

Baju kurung Johor untuk wanita pula dipadankan dengan memakai kain sarung berikat gelombang 'ombak mengalun'. Sehelai sarung yang lain digunakan sebagai kain kelubung jika berjalan di luar rumah, atau diikat di pinggang sebagai kain berdagang luar.

Rujukan

- A.Hasjmy, 1977. *59 Tahun Aceh Merdeka*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ahmad Fawzi, 1988. *Johor 1855 - 1917 Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Andaya L.A., 1987. *Kerajaan Johor 1641 - 1728*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azah Aziz, 1990. *Selayang Pandang*. Kuala Lumpur: AUK Interaksi.
- Buckley, C.B., 1969. *An Adeptotal History of Old Times in Singapore*. Kuala Lumpur.
- Fernando, Ligaya, 19. *Pengalay Tradisional Dance and Related Folk Artistic Expressions*. Ayola Museum: Filipinas Foundation.
- Haji Buyong Adil, 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Said Sulaiman, 1933. *Pakai Patut Melayu*. Johor Baharu: Matbaat al-Atas.
- Newbold, T.J., 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nieuhoff, Johan, 1988. *Voyages & Travels to the East Indies 1653-1679*. Singapore: Oxford University Press.
- Suwati Kartiwa, 1985/1986. Berbagai Jenis Bahan Pakaian Tradisional dan Penggunaannya di Indonesia. Jakarta: Museum Nasional.
- Wake, C.H., 1975. *JMBRAS*, bil. 3.
- Zentgraaff, H.C., 1983. *Aceh* (terj. Aboe Bakar). Jakarta: Beuna.

Nota Hujangan

1. they are for the most part naked, wearing only a piece of stuff wrapt about the middle, with their arms and legs naked. Their only ornament being gold bracelets and earring set with precious stones. The women wear silk cloths and short skirts, embroired with gold and precious stones, some which are twisted in their locks, which very long. (Johan Nieuhoff, 1988: 179-180).
2. KMJ-R masih mendapat saingan dari Portugis di Melaka. Sepanjang abad ke-16 hingga 17, Melaka berada di bawah kuasa Portugis dan menjadi pelabuhan yang penting di Selat Melaka. Bahtera (dari) pedagang WBM masih melakukan perniagaan di situ. Dari catatan Jorge de Albuquerque kepada King Joao III (bertarikh 1 Januari 1524), Melaka didatangi bahtera dari Brunei bagi mendapatkan kain-kain sutera, patola dari Cambaya (Calicut/Gujerat) dan Benggala. Robert Nicholl (peny.), *European Sources for the History of Sultane of Brunels in the Sixteenth Century*, bil. 19 (Muzium Brunei, 1975), hlm. 21; 'Johor berbangga dengan kemampuannya membekalkan kain-kain dengan corak yang terbaharu dan dengan harga yang murah. Utusan Belanda yang sampai ke kota-kota di sepanjang sungai Johor dan di Riau merasa kagum dengan kegigihan perdagangan yang ditemui oleh mereka di kota-kota ini... kain sutera putih dari Cina.

sembikar... kain (Guinness, atau cambije adalah jenis kain kapas), kain merah (laken), benang emas Jepun'. (Leonard Y.Andaya.

3. Gambaran pakaian di Minangkabau juga dicatat oleh Nieuhoff, dengan menyatakan orang kebanyakan tidak memakai baju, sebaliknya, *'the richer sort wear a kind of coat of silk or callico, after the Mohametan fashion; a linnen cloth wrap'd about their heads tow or three times serves them for a cap'* (Nieuhoff: 191).
4. Pada mulanya Johor dan Aceh bersatu melawan Portugis di Melaka, tetapi dengan campurtangan Johor di Aru, telah kemarahan Aceh dan membuat beberapa serangan terhadap Johor (1541); Johor dikalahkan Jambi (1673); serangan dari Raja Kecil Siak yang mendapat sokongan Minangkabau (1718-1722); campurtangan Bugis sepanjang 1728-1745. (Leonard Y.Andaya 1987: 1-11, Barbara Watson dan Leonard Y.Andaya 1975: 70-73; Buyong Adil 1971: 75-78). *'The original town founded by the fugitive king of Malacca in 1512, was attached and burnt farther up the Portuguese in 1608, and another built farther up the river. This was taken by the Achenese in 1613; by the people of Jambi in 1674 and the Minangkabawes in 1719'* (Newbold, 1971: 43)
5. Campurtangan Bugis dalam pemerintahan KMJ-R, telah melahirkan keturunan Melayu-Bugis. Mengikut C.H. Wake, selama pertembungan kuas itu wujud dua kumpulan (orang) Bugis. Pertama - keluarga Bugis yang bersatu dengan keluarga istana Melayu (KMJ-R: Johor, Selangor, Pahang; termasuk Kedah) dan melahirkan keturunan digelar sebagai 'Bugis Peranakan'. Kedua - orang Bugis yang lahir di Sulawesi tetapi berniaga di Riau (KMJ-R) digelar 'Bugis' (C.H. Wake, 1975)

***Peranan Cendekiawan Islam Kedah Dalam Pembinaan Budaya Bangsa**

Oleh Fatimah Ali

1. PENGANTAR

KERTAS ringkas ini bertujuan meninjau peranan cendekiawan Islam Kedah di dalam usaha pembinaan budaya bangsa Malaysia, khususnya budaya Melayu. Tumpuan akan diberikan kepada dua orang tokoh pendidikan, iaitu Tuan Hussain Kedah dan Haji Wan Sulaiman yang hidup di penghujung abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh. Tokoh-tokoh ini dipilih kerana nama mereka jarang ditonjolkan di dalam perbincangan mengenai pembinaan budaya di negara ini, sedangkan sumbangan mereka cukup besar dan bererti.

2. TINJAUAN UMUM CENDEKIAWAN ISLAM KEDAH

Negeri Kedah bukan sahaja makmur dengan padi, tetapi juga kaya dengan cendekiawan yang banyak berjasa di dalam pembinaan budaya bangsa.

Di dalam lipatan sejarah silam tersemat nama-nama seperti Tuan Sheikh Abdul Jalil al-Mahdani, mufti

* *Dibentang dalam Himpunan Budayawan Malaysia '90 di Alor Setar, 17 - 18 November, 1990*

yang berjaya mendidik anaknya Abdul Samad Palembang hingga menjadi tokoh sarjana Nusantara yang ulung; Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail, Perdana Menteri yang membina tali air sepanjang 22 batu dari Alor Setar ke Gurun; Tuan Hussain tokoh pengarang kitab dan pendidikan pondok yang ternama; dan Haji Wan Sulaiman, Shaikh al-Islam Kedah yang mempepori sistem pengajian madrasah.

Dalam zaman kita sendiri telah terukir pula nama-nama seperti Affrini Adham, pejuang kemerdekaan yang diberikan jolokan "Perintis Puisi Darulaman"; Datuk Profesor Haji Shahnnon Ahmad yang telah diangkat menjadi Sasterawan Negara; dan Datuk Profesor Ismail Hussein yang bergelar Pendita.

3. TINJAUAN PERKEMBANGAN DAN SUMBANGAN TOKOH-TOKOH PENDIDIKAN ISLAM DI KEDAH

Seperti Patani, Kelantan, Terengganu, Seberang Perai, Perak, Kedah juga tidak kurang terkenalnya dari segi kehebatan sistem pendidikan pondoknya. Hal ini telah diabadikan oleh Ismail bin Saleh seperti berikut:

Negeri Kedah termasyhur pula dengan pondok-pondok haji murid-murid mengaji ugama dan guru-guru yang pandai bahasa Arab. Merekalah bekerja mengarang kitab-kitah ugama dan mengujar orang-orang Melayu membaca Quran. Melalui pelajaran membaca Quran itu maka rumallah yang pandai membaca dan menulis Jawi.¹

Pondok-pondok di Kedah menerima para pelajar bukannya sahaja dari Kedah sendiri, tetapi juga dari daerah-daerah di luar dari Kedah. Ini ialah kerana konsep pencarian ilmu yang berlaku pada zaman itu bukan kerana tempat tetapi kerana kehebatan tuan guru-tuan guru yang menerajui sistem pendidikan di pondok-pondok tersebut. Amalan mencari ilmu kerana kehebatan guru

memang telah diamalkan oleh 'ulama-'ulama serta *hukama'* Muslim zaman berzaman dalam tradisi pencarian ilmu dalam sejarah tamadun Islam.

Faktor geo-ekonomi-politik di negeri-negeri utara Tanah Melayu juga merupakan salah satu sebab yang memudahkan penghijrahan dan pengasimilasian penduduk-penduduk pendatangnya. Lebih-lebih lagi sistem pondok itu sendiri hidup dan berjalan selaras atau mengikut aktiviti sosio-ekonomi tempatan, terutama aktiviti persawahan. Malah kesinambungan usia pondok-pondok itu sendiri, hingga kini, sebahagian besarnya bergantung kepada aktiviti persawahan. Maka itulah pondok-pondok di Kedah terutamanya berdiri dan hidup subur di kawasan yang aktiviti ekonominya ialah bersawah. Tuan guru-tuan guru serta murid-murid mereka juga bergantung hidup pada sawah; sama ada bekerja sebagai pesawah, mengambil upah kerja-kerja persawahan, tuan punya sawah atau hidup kerana zakat dan sedekah dari hasil sawah.

Kedudukan Kedah yang begitu strategik dan secara nisbinya lebih aman di rantau ini menjadikannya mudah untuk kemasukan sama ada tuan guru-tuan guru atau murid-murid dari negara-negara jiran, seperti Patani dan Aceh dari Indonesia. Jadi, sistem persekolahan pondok ini sesungguhnya memainkan peranan dalam mempertingkatkan budaya negara, khususnya budaya ilmu yang memang menjadi teras kepada tamadun Islam.

Pondok pertama yang dipercayai ditubuhkan di negeri Kedah ialah di Kampung Pulau Pisang, Jitra, dalam daerah Kubang Pasu, iaitu kawasan yang bergantung kepada sawah. Sistem pengajian pondok ini dipercayai diasaskan oleh Tuan Haji Ishak pada tahun 1840-an. Beliau dipercayai bekas murid Tuan Guru Sheikh Daud al-Fatani. Selain itu terdapat juga 'ulama-'ulama yang datang dari Aceh membuka pondok-pon-

dok di Kedah. Di antara mereka ialah Tengku Arshad, yang berhijrah bersama-sama dengan sekumpulan murid-muridnya ke daerah Yan.³ Hingga kini daerah Yan masih mempunyai persekolahan pondoknya.

Terdapat ramai lagi tokoh-tokoh pendidikan pondok yang telah turut memberi sumbangan dalam perkembangan sistem pendidikan pondok di Negeri Kedah Dar al-Aman (Darul Aman) ini. Antara mereka yang diketahui bergiat aktif dalam sistem persekolahan pondok ini dalam tahun-tahun 1850-an hingga 1890-an⁴ ialah Tok Guru Haji Ishak yang pernah menuntut di Patani, membuka Pondok Pulau Pisang; Haji Muhammad Nor, Pondok Sasak di Langgar; Haji Muhammad Taib al-Mas'oudi al-Banjari, Pondok Pumpang, Alor Setar; Tuan Haji Muhammad Tamim, Pondok Anak Bukit; Tuan Haji Musa dan Sheikh Omar; kedua-dua nama yang terakhir ini datang terus dari Daerah Istimewa Aceh ke daerah Yan.

Sesungguhnya sumbangan tuan guru-tuan guru pondok ini tidak harus dilihat sebagai sumbangan kecil kepada Kedah sahaja, sebaliknya usaha gigih mereka ini perlulah dilihat sebagai sumbangan yang lebih bermakna kepada perkembangan budaya ilmu serta penghasilan cendekiawan tanahair kita, Tanah Melayu. Malah tokoh-tokoh pondok inilah yang menjadi pengasas, penyedar, dan pembimbing pada peringkat awal kebangkitan semangat mempertahankan maruah bangsa dan tanahair.⁵ Tokoh-tokoh pendidikan pondok juga telah berjaya menambat hati orang-orang Melayu untuk terus menghidupkan sistem pendidikan pondok. Ini terbukti apabila Inggeris sedang sibuk mencari-cari anak-anak Melayu untuk masuk belajar di sekolah-sekolah resmi sekular yang ditubuh oleh mereka, iaitu Sekolah-sekolah Melayu, orang-orang Melayu dengan rela hati dan penuh keyakinan terus menghantar anak-anak mereka menuntut di se-

kolah-sekolah pondok.⁶

Selain dari sistem pendidikan pondok terdapat juga sistem pendidikan madrasah. Malah salah satu sebab mengapa ianya ditubuhkan adalah sebagai menyahut suasana hidup dalam dunia yang serba moden (sekular) yang oleh kerana keterbatasan tertentu tidak dapat dipenuhi oleh sistem pendidikan pondok. Hal ini bukan sahaja berlaku di Kedah, tetapi ianya merupakan satu fenomena umum yang berlaku pada waktu tersebut di seluruh Tanah Melayu. Malah untuk tujuan kesinambungan usia, banyak juga pondok-pondok di seluruh negara yang bertukar menjadi madrasah. Di negerinegeri lain seperti Pulau Pinang, madrasah-madrasah nya diasaskan oleh mereka yang balik dari Mesir yang membawa pulang idea Kaum Muda. Umpamanya Syed Sheikh al-Hadi yang dikaitkan dengan Madrasah Al-Mashhor.

Di Kedah orang yang pertama bertanggungjawab tentang penubuhan madrasah ialah Sheikh al-Islam Kedah Tuan Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik, walaupun pada asasnya beliau menentang idea Kaum Muda hingga menyebabkan beliau terpaksa mengarang beberapa buah kitab khusus menentang ajaran Kaum Muda. Beliaulah orangnya yang bertanggungjawab menubuhkan Madrasah al-Hamidiyyah dan Ma'had Mahmud.

4. DUA TOKOH PILIHAN

I. TUAN HUSSAIN KEDAH

Tuan Hussain Kedah ialah anak kedua kepada Muhammad Nasir, panglima Raja Kedah, dengan Tengku Fatimah binti Tengku Mahmud dari Bukit Tinggi dan kerabat diraja Kubang Pasu. Beliau dilahirkan di Titi Gajah pada tahun 1863 dan dibesarkan oleh datuknya Tuan Haji Muhammad Taib. Beliau diasuh oleh, dan berguru dengan datuknya, seorang tokoh agama di

Negeri Kedah. Setelah sembilan belas tahun⁷ belajar dari datuknya, beliau keluar merantau selama sembilan tahun untuk menambahkan pengalaman di samping mencari guru yang sesuai untuk menambahkan ilmu di dada. Antara tempat-tempat yang beliau pergi ialah Patani, menuntut dengan Tuan Semela, bekas guru datuknya; ke Kelantan, menemui 'ulama-'ulama' masyhor seperti Tuan Tabal, Tuan Padang, dan Tok Kono'; ke Medan Indonesia; kembali ke Semenanjung Tanah Melayu, mengembara hingga akhirnya sampai ke Perak, di mana beliau telah dijodohkan dengan Cik Jaharah binti Penghulu Abdul Wahab pada kira-kira tahun 1889. Di Pasir Panjang Laut, Kampung Penghulu Wahab inilah beliau mendapat gelaran Tuan Hussein Kedah, setelah berjaya meleraikan beberapa masalah agama.⁸ Walau bagaimanapun beliau kemudiannya balik mengajar di pondok datuknya di Titi Gajah atas kehendak datuknya sendiri. Beliau kemudiannya dijodohkan pula dengan Wan Khadijah binti Wan Yusof, setelah isteri pertamanya meninggal semasa melahirkan anak kedua mereka. Pada tahun 1892, beliau berangkat ke Makkat al-Mukarramah untuk belajar dengan Sheikh Hasbullah, Sheikh Nawawi Bantan, Sheikh Ahmad Lingga, dan Sheikh Omar Sembawa dengan biayaan datuknya sendiri. Pada tahun 1896 beliau kembali ke Kedah dan meneruskan kegiatan mengajar agama. Pada tahun 1897, beliau telah dijemput mengajar di Alor Gunung oleh penduduk tempatan, yang menyebabkan akhirnya beliau membeli tanah dan membuka sekolah pondoknya sendiri di situ.

Pada tahun 1900, beliau berpindah pula ke Bohor, membeli 20 relong tanah dan membuka pula satu lagi sekolah pondok. Di Bohor beliau menerima para pelajar dari berbagai tempat seperti Patani dan Indonesia. Ini menyebabkan jumlah pondok yang didirikan di sekitar

kawasannya hingga 300 buah dengan muridnya melebihi dari 600 orang. Setelah dua belas tahun di sini, beliau berpindah pula ke Pantai Merdeka dengan membeli kampung seluas 160 relung. Beliau mengajar di sini selama lapan tahun dengan mengumpulkan murid-murid kira-kira 400 orang. Dari sini beliau berpindah pula ke Selengkoh Limau pada tahun 1920 setelah berjaya membeli tanah seluas 40 relung untuk dijadikan tapak persekolahan pondoknya. Oleh kerana keadaan tempat yang kurang strategik, beliau hanya mendapat lebih kurang 50 orang murid sahaja. Walau bagaimanapun beliau terus mengajar di sini selama empat tahun. Dalam tahun 1924 beliau membeli pula tanah di Batu Enam Belas Padang Lumat untuk membuka satu lagi kawasan pondok. Seperti di Sungai Limau, di sini juga sambutannya tidaklah menggalakkan. Hanya terdapat kira-kira 40 buah pondok sahaja. Lima tahun kemudian beliau berpindah pula ke Pokok Sena, Seberang Perai. Sambutan di sini sungguh menggalakkan, kerana dalam masa yang singkat sahaja terdapat kira-kira 100 buah pondok didirikan.

Sayugia diingatkan, bahawa setiap kali beliau berpindah dari ke enam-enam buah tempat berkenaan, beliau pastikan yang setiap pondok itu ada pengganti dan penyambung sistem persekolahan pondok yang dasarnya. Pondok-pondok tersebut kekal dibuka dan dikendalikan oleh anak buah atau orang harapan beliau. Malah ada terdapat bekas-bekas murid beliau yang kemudiannya mengikut jejak langkahnya dengan membuka pula beberapa pondok baru seperti berikut: Haji Abdul Rahman bin Abdullah mengasas Pondok Sa'dah al-Rawin di Batu Hampar, Mukim Merbok; Haji Isma'il bin Haji Sulaiman mengasas Pondok Kampung Bukit Haji Omar, Merbok; Dan Haji Ghazali bin Arshad mengasas Pondok Arshadiyah Diniyyah di Batu 22 Bagan Datuk, Perak. Seorang lagi mu-

ridnya bernama Tuan Sheikh Idris al-Marbawi yang berhijrah ke Makkah telah berjaya menyusun Kamus Al-Marbawi yang terkenal.

Perpindahan atau perhijrahan beliau itu sedikit sebanyak, selain dari untuk menyebarkan ilmu pengetahuan sebagai yang dituntut oleh ajaran Islam, tetapi disebabkan juga oleh pertelingkahan dengan Tuan Haji Wan Sulaiman yang ketika itu mahu semua pondok didaftarkan. Dengan kata lain, Tuan Haji Wan Sulaiman telah cuba mengawal pergerakan sistem persekolahan pondok semasa beliau menjadi Sheikh al-Islam Kedah. Ekoran itu maka tindakan terakhir yang diambil oleh Tuan Hussein Kedah ialah keluar dari Negeri Kedah.

Selain dari mengajar, Tun Hussein juga telah menghasilkan tiga belas ke sembilan belas buah kitab yang dipakai di pusat pengajiannya sendiri. Di antaranya judul kitab-kitab karangannya adalah seperti berikut: *Hidayat al-Sibyan; Hidayat al-Fatah; Majmu' al-La'ali Hidayat al at fal; Tamrin al-Sibyan* dan banyak lagi.⁹

II. HAJI WAN SULAIMAN

Wan Sulaiman dilahirkan dalam keluarga Wan Sidik dan Wan Tam binti Haji Abu Bakar di Mukim Padang Kerbau pada tahun 1874. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang amat peka kepada perkembangan ilmu pengetahuan. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah yang diasaskan oleh Tuan Haji Din, belajar al-Quran dan agama Islam dari Tuan Haji Ismail sehingga sampai masa keberangkatannya beliau ke tanah suci Makkah. Sebelum ke Makkah beliau juga didedahkan sebentar kepada pelajaran bahasa Inggeris oleh ibunya.

Selama duapuluh tahun di Makkah, beliau telah berguru dengan antara lainnya Sheikh Muhammad al-Bukhari dan Sheikh Muhammad Khiyar. Beliau telah

mendalami beberapa bidang ilmu-ilmu Agama Islam, bahasa Arab, al-Quran dan ilmu Falakiyah. Semasa di Makkah beliau telah berkahwin dengan Wan Kalsom binti Abdul Hamid Haji, gadis Kedah yang berasal dari Yan.

Seperti 'alim' - 'ulama' lain yang mendapat pendidikan di luar dari kampung halamannya, terutama dari kota Makkah, Haji Wan Sulaiman diterima dengan penuh hormat kerana ilmu agamanya. Beliau dianggap oleh masyarakatnya sebagai orang yang berwibawa mengenai hal ehwal agama Islam. Sebagai menghormati ilmunya, beliau telah diberi jawatan Kadi pada tahun 1910 Tahun Bersama/1329 Hijriyah. Setahun selepas itu beliau dinaikkan pangkat menjadi Kadi Besar. Bintang kerjayanya terus bersinar apabila beliau dilantik menjawat jawatan Sheikh al-Islam bagi menggantikan Sheikh al-Islam yang lama dari keturunan Arab yang kebetulan telah tamat tempoh perkhidmatannya. Walau bagaimanapun perlantikan terakhir ini telah menimbulkan pertanyaan kerana lazimnya jawatan Kadi Besar dan Sheikh al-Islam itu dipegang oleh dua individu yang berasingan.¹⁰ Kemudiannya beliau diangkat pula menjadi Guru Agama Diraja.

Sebagai seorang alim yang mempunyai prinsip hidup yang tegas dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Tu-hannya, Tuan Haji Wan Sulaiman, semasa hayatnya telah cuba membuang segala amalan-amalan yang bukan dari, atau yang bercanggah dengan ajaran Islam. Umpamanya amalan-amalan berkaul dan membayar niat pada keramat dan kubur. Malah beliau juga tidak menggalakkan supaya diadakan majlis persandingan dalam kenduri-kenduri kahwin, kerana itu adalah amalan dari kebudayaan Hindu.¹¹

Semasa beliau berada di Makkah, beliau telah mengambil dan mengamalkan Tarikat Na'shabandiyah. Dalam usahanya untuk mengembalikan amalan syari'at Islam sepenuhnya di kalangan penganut-peng-

anut Islam di Kedah, Haji Wan Sulaiman telah mengembangkan Tarikatnya ini. Memang wajar sebagai amalan sufi yang autentik, amalan shari'at Islam pada tahap yang sempurna itu dimestikan untuk membolehkan seseorang mengambil dan mengamalkan Tarikat Na'shabandiyyah yang diajarinya. Menerusi perkembangan Tarikat ini beliau telah berjaya membawa orang-orang Islam yang berdamping rapat dengannya mengamalkan ajaran Islam pada peringkat syariat secara yang serius.

Satu lagi keistimewaan Tuan Haji Wan Sulaiman ini ialah sifat kepekaan dan keperihatannya terhadap perkembangan semasa yang mempunyai dampak ke atas umat Melayu Islam di Kedah khususnya. Hal ini amat ketara apabila beliau mencadangkan supaya kaedah pengajaran al-Quran yang diamalkan selama ini di Kedah disemak semula. Beliau sendiri mencadang kaedah yang baru yang hanya memerlukan separuh dari tempoh masa selama ini. Permohonan dan cadangan beliau itu datang tepat pada masanya, dan telah disokong sepenuhnya oleh Pemangku Penguasa Pelajaran Kedah waktu itu.¹²

Beliau juga mendapati sistem persekolahan pondok tidak dapat membawa para pelajar lulusannya mencapai taraf hidup yang sepatutnya mengikut ukuran zamannya. Ini memandangkan kepada kurikulumnya yang begitu sempit dan tidak mampu menjawab persoalan hidup semasa. Untuk menangani masalah itu beliau telah mengambil satu langkah yang cukup berani dengan memperkenalkan sistem persekolahan madrasah. Beliau sendiri telah menubuhkan Madrasah al-Hamidiyyah di Limbong Kapal dan sebuah lagi yang sekarang dikenal sebagai Maktab Mahmud atau Madrasah al-Ma'had al-Mahmud, di Simpang Kuala dan Jalan Pegawai. Nama Maktab Mahmud ini adalah mengambil sempena nama Y.T.M. Tunku Mahmud yang ketika itu

menjadi Pemangku Raja; yang selama inipun memang mengambil berat tentang perkembangan pendidikan.

Sebagai orang yang amat mengambil berat terhadap perkembangan ilmu pengetahuan, Haji Wan Sulaiman juga turut menghasilkan beberapa kitab yang menjadi tatapan masyarakat hingga kini. Di antara kitab-kitab¹³ karangan beliau ialah *Fatwahat al-Khadihiyat* yang menerangkan tentang hakikat Tarikat Nashabandiyah; *Al-Nataijul Fakriyat 'alugu bi'l Igati'l Qaraniyatu wa'l ahadithu'l Nabawiyyah*, yang dikarang atas permintaan YTM Tunku Mahmud yang ketika itu menjadi Timbalan Presiden Majlis Negeri, dalam usahanya untuk menyelesaikan masalah Kaum Tua - Kaum Muda; dan *Mizan al-'Ukhalai wa'l Udabai, ma'rifat*. Tujuan kitab *Mizan...* ini dikarang ialah untuk dijadikan bahan perbincangan dalam sesi pengajian di Masjid Zahir, Alor Setar yang diadakan pada setiap malam Jumaat.

Sumbangan beliau yang amat berharga itu amat disanjung oleh Kerajaan Negeri Kedah. Ini terbukti apabila jenazahnya dibenarkan dikebumikan di kawasan makam Diraja, dan berita kematiannya dirakamkan di dalam Warta Kerajaan Kedah.

Tuan Haji Wan Sulaiman seharusnya dikenang sebagai cendekiawan yang berani membawa perubahan-perubahan yang mendatangkan faedah kepada perkembangan ilmu dan pembentukan individu-individu Muslim yang sempurna dari segi ilmu, amal dan iman.

5. KESIMPULAN

Seimbang pandang ternampak seolah-olah ada konflik di antara pendirian dan pegangan Tuan Hussein Kedah dengan Tuan Haji Wan Sulaiman dalam usaha mereka menyebarkan ilmu Islam. Sesungguhnya kedua-dua

tokoh ini mempunyai peranan dan kebenaran masing-masing yang tersendiri yang harus dipertahankan. Tuan Hussein Kedah harus dilihat sebagai cendekiawan negara yang memperjuangkan kesinambungan persekolahan pondok, iaitu satu sistem pendidikan yang telah banyak memberi sumbangan kepada kesinambungan sebahagian dari ilmu-ilmu Islam. Apa yang menjadi masalah kepada sistem Pondok ini ialah kurikulumnya yang tidak bersifat intergrated sebagai yang sewajarnya. Memang selamanya ilmu 'aqliyah tidak pernah diperkenalkan di dalam kurikulum pengajian pondok di Tanah Melayu sebagai yang pernah diajari di dalam dunia Islam. Malah tidak pernah diperkenalkan pun di dalam kurikulumnya:

supporting instructions such as the observatory, the hospital and the craft guild of early Islam to complement other ingredients of the pondok system. That is the main reason that, while in former times the system was widespread and extremely success in producing great scholars and men of good character, its success came to a halt at the beginning of the 20th century.¹⁴

Melihatkan itulah maka Tuan Haji Wan Sulaiman mengeluarkan arahan supaya semua sekolah-sekolah pondok didaftarkan dengan kerajaan dan seterusnya menukar ke sistem madrasah. Sesungguhnya sistem madrasah sebagai yang terdapat di tanah air kita juga tidak mengajar ilmu-ilmu Islam dengan menamakan mata pelajaran sekular sebagai akademik. Dilihat dari sudut positifnya sistem pendidikan madrasah telah memperkenalkan pentadbiran yang lebih sistematik dan telah memperkenalkan sistem pensijilan yang memberi nilai ekonomi kepadanya. Selain dari itu ia juga telah membawa masuk kurikulum kebangsaan untuk membolehkan para pelajar lepasan madrasah ini bekerja dengan agensi-agensi kerajaan atau swasta, atau membolehkan para pelajarnya meneruskan pelajaran di dalam

bidang yang selain dari agama di mana-mana pusat pengajian tinggi.

Walau bagaimanapun peranan kedua-dua cendekia-
wan Melayu Islam dari Kedah ini tidak boleh diper-
kecilkan. Malah kajian yang lebih mendalam dan secara
yang lebih serius harus telah lama dijalankan. Sumbang-
an kepada, dan peranan dalam, pembinaan budaya bang-
sa Melayu yang berteraskan kepada Islam ini mestilah
mendapat perhatian para budayawan bangsanya. Kedua-
dua mereka perlukan lebih dari sekadar tajuk sam-
pingan dalam himpunan seperti ini.

Nota Akhir

1. Kertas ini dibaca di Himpunan Budayawan Malaysia 1990, Dewan Persidangan Bangunan Sultan Abdul Halim, Alor Setar, pada 18.11.1990.
2. Ismail bin Salleh, "Persekolahan Melayu di Kedah Hingga Pechah Perang Dunia II," di dalam *Jurnal Kedah Dari Segi Sejarah* (Jilid 4, Bil. 1, April, 1970) h. 57.
3. Daerah Yan hingga kini memang terkenal dengan penempatan orang-orang Aceh. Tahun-tahun yang melihat kemasukan orang-orang Aceh dengan ramainya ialah antara 1900 hingga 1915. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Abdul Majid Hussein, "Orang-orang Aceh di Yan, Kedah: Satu Tinjauan Umum," di dalam *jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah* (1980), h. 125.
4. Sila lihat Zaharah L. Abdullah, "Pendidikan Pondok Di Dalam Masyarakat Islam di Kedah 1940-an hingga 1957." Latihan Uluah untuk Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979, h. 54.
5. Rujuk Abdul Manaf bin Saad, "Persatuan Ulama Kedah 1365-1376H," dalam *Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, t.t.), h. 149.
7. Ada sumber-sumber yang mengatakan beliau diasuh oleh datuknya selama lima belas tahun. Rujuk *Tokoh-Tokoh 'tama'* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988), h. 195.
8. Lihat Abdul Ghani bin Haji Said, "Tuan Hussein Kedah," 1976/77, hh. 25,35.
9. Sila rujuk Ahmad Jalani bin Malimi, "Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah: Asal-Usul dan Perkembangannya hingga 1957," Tesis Sarjana Pendidikan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 1989, bahagian Lampiran C.
10. Lihat Khoo Kay Kim, "Malay Society 1874-1920," Mimograf Jabatan Sejarah, Universiti Malaysia, h. 20. Lihat juga *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid 3, Bil. 1 (April, 1970), h. 16.
11. Lihat Abdul Manaf bin Saad, "Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik (1874-1935M), di dalam *Jurnal Sejarah*, Jilid XV (1977/78), h. 108. Lihat juga rencana pengarang yang sama bertajuk "Suatu Kajian Ringkas Mengenai Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik (1874M - 1935M) yang dimuatkan di dalam *Jurnal Sejarah*, Jilid 7 (Julai, 1976), h. 19.
12. Abdul Manaf bin Saad, "Satu Kajian Ringkas Mengenai Haji Wan Sulaiman," (1976), h. 20.
13. Sila rujuk Abdul Manaf bin Saad, "Satu Kajian Ringkas" (1976), hh. 23-24.
14. Lihat Fatimah binti Ali, "The Malaysian Educational Ideals..." h. 79.

* Major Datuk Haji Mohd. Said B. Haji Sulaiman:

Peranan Dan Karyanya Dalam Sejarah Persuratan Dan Kesusasteraan Melayu Moden

Oleh M.A. Fawzi Mohd. Basri

SEJARAH Kesusasteraan Moden kita nyata sekali begitu menumpukan perhatian pada Syed Sheikh Alhady juga Abdul Rahim Kajai, sedikit sekali diperikan¹ seorang tokoh persuratan dan kesusasteraan yang karyatif dari selatan tanahair. Pada pelajar-pelajar sastera Melayu Moden nama Major Datuk Haji Mohd Said Sulaiman² tidak begitu popular jika dibandingkan dengan Abdul Rahim Kajai yang mashyur dengan cerpenya dan Syed Syeikh Alhady dengan magnum opusnya '*Faridah Hanum*'. Sesungguhnya Major Datuk Haji Mohd. Said adalah pengarang yang 'variasi' ia tidak mencipta novel atau cerpen tetapi menyumbangkan tidak kurang dari 60 buah karya untuk tatapan peminat-peminat persuratan dan kesusasteraan Melayu.

Bagi saya MDHMS adalah seorang pengarang yang ada sifat-sifat kelainan jika dibandingkan dengan karya-karya pengarang-pengarang lain. Kelainannya itu pasti sekali ekoran dari latar belakang hidupnya yang benar-benar menunjukkan keunikannya.

MDHMS lahir di Teluk Belanga, Singapura pada 7

* *Humanisma*, Bil. 1, 1971/72

Oktober 1876. Sebagai pusat pentadbiran Negeri Johor pada satu ketika, Teluk Belanga telah berjaya mengeluarkan intelijensia Melayu (Johor) di abad 19 itu.

Di masa berumur lima tahun MDHMS mula belajar di Sekolah Melayu Teluk Belanga⁴ kemudian mengaji Quran dengan Encik Mohd Salleh Bendahari ketika meningkat usia delapan tahun. MDHMS telah menamatkan pelajarannya di Sekolah Melayu hingga ke darjah empat. Namun begitu semasa menuntut di darjah tiga sekolah Melayu beliau belajar Bahasa Inggeris di sebelah petangnya di Sekolah Inggeris Kampung Baru.

Dalam konteks abad ke 19, bermakna di situ semasa kecil lagi MDHMS sudah ada basik yang 'variety' dalam bidang pelajaran. Sesungguhnya tidaklah keterlaluan jika dikatakan MDHMS adalah antara pelajar Melayu yang bijak di Singapura ketika itu, ini terbukti dengan beliau telah dihadaiahkan dengan biasiswa berjumlah tiga ringgit sebulan.

Setelah tamat belajar di Sekolah Melayu keluarganya menghantar pula MDHMS belajar di Sekolah Inggeris Raffles, namun begitu MDHMS terpaksa menggentatkan pelajaran Inggerisnya itu setakat darjah lima kerana mengikut keluarganya ke Mekah untuk beberapa waktu. Sepulangnya dari Mekah MDHMS tinggal di Muar, di sini ia telah belajar semula Bahasa Inggeris dengan iparnya Encik Awang bin Bachuk seorang Pegawai Kanan Keretapi Muar, Johor. Keazaman untuk belajar sentiasa berkobar di sanubarinya, setelah berpeluang menyambung pelajarannya dalam darjah enam sekolah Inggeris.

Setelah tamat belajar, nyatalah MDHMS telah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan, dengan itu muncul pula periode pengalaman pula. MDHMS mula-mula berkhidmat dengan kerajaan Johor selaku kerani di Pejabat Pelajaran Johor, jawatan-jawatan lain pula ialah Penolong Ketua Pegawai Pos Johor (Assis-

tant Postmaster General), Pegawai di Perbendaharaan dan akhir sekali sebagai Setiausaha peribadi kepada DYMM Sultan Johor. Dalam Pasukan 'Pasukan Tentera Johor' pula MDHMS ditauliah sebagai Pegawai Muda yang akhirnya menjawat pangkat 'Major' merupakan salah seorang Pegawai Kanan Angkatan Tentera Johor. Juga merupakan salah seorang pembesar Negeri Johor kemudiannya ia dikurniakan dengan gelaran 'Datuk'.

Sejarah telah menunjukkan bahawa sejak Sultan Abu Bakar hingga ke Zaman Sultan Ibrahim lawatan keluar negeri merupakan satu 'tradisi' dan ini memberi peluang kepada MDHMS untuk turut serta bersama-sama sultan melawat Eropah, Timur Jauh dan negeri Asia Tenggara yang lain.

MDHMS telah membuktikan ianya seorang ahli penyelidik dan pengarang dalam berbagai bidang termasuk Bahasa, Sastera, sejarah juga agama. Buktinya dapat kita saksikan hingga kini, kebanyakan karya-karya MDHMS tersimpan di Arkib Negeri Johor⁶ di Johor Bahru dan sedikit-sedikit di Perpustakaan Universiti Malaya.⁷

Satu lagi sumbangan terbesar MDHMS dalam perkembangan persuratan dan kesusasteraan ialah menghidupkan semula P.Bm. P.B. atau Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa yang ditubuhkan dalam tahun 1888, tetapi bila dihidupkan semula oleh MDHMS dalam tahun 1935, P.Bm. P.B. dan ditambah dengan gelaran 'Diraja' oleh Sultan Johor maka P.Bm. P.B. Diraja bertukar menjadi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja atau terjemahannya 'The Royal Society of Malay Literature of Johore' yang membawa enam objek penting dan konstruktif.⁹

Dalam kajian Drs Li Chuan Siu sepanjang 12 baris mengenai MDHMS dinyatakan.¹⁰

Beliau ialah setiausaha peribadi kepada Sultan Johor. Di

antara tahun 1904-1908 beliau menerbitkan dua buah karangannya yang mengenai sejarah: buku pertama berjudul **Hikayat Queen Victoria** (terbit dalam tahun 1904-05), sedangkan buku yang kedua bernama **Hikayat Johor** (sic) (kira-kira terbit dalam tahun 1908). Buku yang kedua ini merupakan tawarikh Negeri Johor yang baru, iaitu mengisahkan penubuhan Negeri Johor yang sejak almarhum Sultan Abu Bakar dan merupakan catatan-catatan tentang pentadbiran dan kejayaan baginda, tentang perjalanan baginda ke negeri-negeri di Eropah dan lain-lainnya dan tentang lawatan-lawutan orang-orang besar ke Negeri Johor.

Malangnya dalam karya Drs. Li Chuan Siu yang mengkaji dari tahun 1830-1945 tidak banyak menyebutkan beberapa karya MDHMS selepas 1908 hingga 1940. Mungkin karya itu sesuai dengan judulnya ikhtisar ataupun kerana MDHMS tidak begitu penting dalam perkembangan sastera dan persuratan tanahair?

Namun begitu kita harus ingat bahawa MDHMS adalah Pengarang 'Peredar' atau 'journal' terbitan P.Bm.P.B. Diraja. Sejak dilancarkan dalam tahun 1935 sehingga 1940 MDHMS telah mengarang dan menyusun sebanyak 25 siri Peredar.

Dapat dikatakan, tahun 1935-1940 merupakan tempoh masa keaktifan dan keproduktifan MDHMS dan P.Bm. P.B. Diraja kerana setiap karya di Johor ketika itu, lebih-lebih lagi karya MDHMS adalah berpandukan objek-objek utama pakatan itu:

- Memelihara, memperlengkapkan dan mempermodernkan Bahasa Melayu dan memelihara tulisan jawi.
- Menstandardkan ejaan dan perkataan (pindaan saya).
- Mencipta perkataan baru.
- Mengembangkan Ilmu Pengetahuan melalui Ceramah-ceramah dan penyelidikan.
- Mengeluarkan 'Peredar' atau Jurnal enam bulan sekali.
- Mengadakan perpustakaan.

Kebaktian dan penghargaan kepada MDHMS diabadikan dengan P.Bm. P.B. Diraja menganugerahkan

MDHMS dengan gelaran Pendita (Proffesor) iaitu satu penganugerahan yang jarang diterima di Tanah Melayu di zaman sebelum perang dunia kedua.¹¹

MDHMS dan panitia P.Bm. P.B. Diraja juga telah meluaskan keahlian pakatan meliputi ahli-ahli dari Negeri Sembilan, Singapura, Perak dan Kelantan. Antara tokoh-tokoh sastera dan seni yang pernah menjadi ahli pakatan ialah Zainal Abidin B.A. Abd. Rahim Kajai, Ahmad Nawawi, Jaafar Lampuk, Zaaba dan Onn Jaafar.

MDHMS akhirnya bersara dari perkhidmatannya dengan kerajaan Johor pada 18 Mei 1952 dan meninggal dunia tiga tahun kemudian.

Sebagai hujungan di rencana ini, saya rasa lebih molek jika diperturunkan beberapa karya MDHMS yang masih kedapatan di sana sini, dan kebanyakannya tersimpan di Arkib Negeri Johor, semoga ianya mendapat perhatian dari peminat-peminat persuratan dan kesu-sasteraan Melayu. Saya yakin satu latihan Ilmiah dapat ditulis untuk mengkaji MDHMS dan karya-karyanya.

A. SIRI PEREDAR (JOURNAL)

1. Peredar Angka I, "P.Bm. P.B. Diraja."
2. Peredar Angka II, "Panduan bagi ejaan."
3. Peredar Angka III, "Perihal pemergian ke Ero-pah Tengah."
4. Peredar Angka IV, "Tawarikh dan Manusia."
5. Peredar Angka V, "Perihal Adat Melayu."
6. Peredar Angka VI, "Negeri Dalam Tanah Melayu (Bahagian I)."
7. Peredar Angka VII, "Negeri-Negeri Dalam Tanah Melayu (Bahagian II)."
8. Peredar Angka VIII, "Negeri-Negeri Dalam Tanah Melayu (Bahagian III)."

-
9. Peredar Angka IX, "Kesah Sejarah Melayu di-
ringkaskan."
10. Peredar Angka X, "Perihal London dan Ban-
dar-Bandar Berhampiran."
11. Peredar Angka XI, "Guguskatan Jawa/Mela-
yu."
"Guguskatan Inggeris/Me-
layu."
"Guguskatan Sanskrit/Me-
layu."
"Guguskatan Hindustan/
Melayu."
"Guguskatan Cina/Mela-
yu."
12. Peredar Angka XII, "Penokok dan Penambah da-
lam Bahasa Melayu."
13. Peredar Angka XIII⁽ⁱ⁾, "Guguskan Arab/Mela-
yu."
14. Peredar Angka XIV, "Hikayat Semenanjung Ta-
nah Melayu dan Negeri-Ne-
geri Berhampirannya."
15. Peredar Angka XV, "Bangkok kepala Negeri Si-
am."
16. Peredar Angka XVI, "Perihal Tanah Jawa,"
17. Peredar Angka XVII, "Perkataan Berangkap."
18. Peredar Angka XVIII, "Guguskatan Parsi, Portu-
gis, Belanda, Tamil dan juga
lagak Kedah."
19. Peredar Angka XIX, "Tanda-tanda Bagi Perhen-
tian."
20. Peredar Angka XX, "Perihal Rangkapan, Gu-
rindam dan seumpamanya."
21. Peredar Angka XXI, "Peribahasa."
22. Peredar Angka XXII, "Perihal Menulis Surat Ki-
riman."
-

-
23. Peredar Angka XXIII, "Perihal Istiadat Benaan Pejabat-Pejabat Kerajaan Johor."
 24. Peredar Angka XXIV, "Perihal Pakatan P.Bm. P.B. dari mula ditubuhkan hingga September 1940."
 25. Peredar Angka XXV, "Buku Teriti Johor dengan Pertambahannya."

B. BUKU KATAN:

Kamus Melayu	Huruf Alif hingga Ta
	Huruf Tha hingga Cha
	Huruf Ha hingga Zai
	Huruf Sin.....
	Huruf Shim hingga Ja
	Huruf Kap.....
	Huruf Ga dan Lam
	Huruf ga hingga Nun
	Mim
	Huruf Nun hingga Nya.

C. BUKU KETETAPAN EJAAN MELAYU:

1. Huruf Alif hingga Zal.
2. Borang Ejaan (Penggai Pertama).
3. Buku Panduan Bagi Ejaan.

D. BUKU-BUKU SYAIR DAN BERZANJI:

1. Syair Keadaan Tuhan dan Manusia Dunia dan Akhirat Juga.
2. Syair Melayu.

3. Syair Panduan Perkahwinan.
4. Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang.
5. Rangkai Syair Robeah Omar Khayyam.
6. Berzanji Nathar serta Tarhibnya.
7. Surat Timbalan bagi berzanji Nathar.

E. BUKU-BUKU SEJARAH

1. Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar.
2. Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Ibrahim.
3. Majallah Tawarikh Penggal I - IV (sejarah Nabi-Nabi).
4. Ringkasan Tawarikh Nippon.
5. Riwayat Johore Military Forces dari mula ditubuhkan.
6. Tawarikh England.

F. BUKU-BUKU UGAMA

1. Penamaan bagi Nabi Muhammad SAW.
2. Iman - Percaya dengan ringkasan dan percaya dengan berhuraian.
3. Pohon Agama Islam (Bahagian Pertama).
4. Perihal kejadian alam dan Nabi-Nabi yang terbi-lang.
5. Syarat-syarat kejadian alam-alam sekalian dari awal hingga akhirnya hari kemudian.
6. Risalah maksud-maksud bagi permaknaan Surat Yassin.
7. Nazam Abda' dalam Bahasa Melayu.
8. Syarah mengingatkan rukun Islam dan sembahyang waktu.
9. Moslem Prayers and Fasting.

F. AUTOBIOGRAFI:

Riwayat Hidup Major Datuk Mohd Said B. Haji Sulaiman

G. EDIT

Big Game I Have Shot oleh H.H., Sir Ibrahim, Sultan of Johore.

H. LAIN-LAIN KARYA MDHMS

1. Johor Zaman Baharu Persekutuan
2. Alam dan Bangsa Melayu
3. Langkah Waktu

PENUTUP

Dengan pembuktian karya-karyanya tadi jelaslah pada kita bahawa MDHMS adalah pengarang yang cukup produktif jika dibandingkan dengan pengarang-pengarang sezaman sebelum Perang Dunia Kedua itu. Malah Za'ba pernah menyatakan:¹²

Kamus Buku-Katan ini merupakan kamus Melayu - Melayu yang paling baik di antara kamus-kamus Melayu yang pernah diterbitkan orang selama masa sebelum Perang Dunia Kedua.

Dan Datuk Haji Mohammad Said dalam konteks persuratan dan Kesusasteraan suka sekali menganjurkan:¹³


..... Orang-orang Melayu menulis dan menerbitkan tulisan-tulisan itu supaya dapat memperkayakan kesusasteraan Melayu. MDHMS berkeyakinan apabila tiap-tiap penulis takut menulis apa-apa kerana mula ditertawakan orang atas isi tulisannya dangkal, maka tidak akan ada buku-buku di dunia ini oleh sebab itu orang-orang Melayu harus memberanikan diri untuk menulis, apabila ada kesalahannya, maka orang-orang lain yang lebih pandai tentu dapat memperbaiki tulisan-tulisan itu dan mungkin juga mereka itu akan mengkuji lebih dalam tentang

persoalan dalam tulisan angkatan yang terlebih dahulu itu supaya dapat menerbitkan buku-buku semacam itu yang lebih bernilai di kemudian hari kelak.

Oleh itu jelaslah peranan dan karya Major Datuk Haji Mohammad Said bin Haji Sulaiman tidak harus diperkecilkan dalam konteks sejarah perkembangan persuratan dan kesusasteraan Melayu Moden.

Nota Hujungan

1. Lihat Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru: 1830-1945*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1966, hal. 65.
2. Selepas ini digunakan singkatan *MDHMS* bererti Major Datuk Haji Mohd Said b. Haji Sulaiman.
3. "Hanya mulai bulan September 1889 Sultan Abu Bakar dan keluarga dirajanya berpindah menetap di Johor Bahru — "Lihat Hasrom Haron, *Sejarah Johor Pengusasan dan Pengukuhan, 1855-1885*, Latihan Ilmiah Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, Hal. 15.
4. Hasil Inisiatif Temenggung Ibrahim dan Gabenor Blundell dalam tahun 1830 didirikan Sekolah-sekolah Melayu Teluk Belanga dan Kampung Gelam, lihat "Memorandum Kepada Majlis Pelajaran Melayu", *Pelajar* (Majalah Rasmi GPMS), Singapura, Mac 1957, hal. 41.
5. Tentera Negeri Johor terbahagi dua: *JMF* (Johore Military Forces) sekarang Askar Timbalan Setia Negeri Johor dan *JVF* (Johore Volunteer Forces) *JMF* ditubuhkan pada 1885 dan *JVF* pada 1905.
6. Kebanyakan dalam tulisan jawi, selaras dengan objek P.Bm. P.B. Diraja.
7. Kebanyakan buku siri *Peredar* (Journal) Bilangan 1-25.
8. Lihat: M.A. Fawzi Basri, 'Peranan dan Sejarah Pakatan Bahasa Johor' *Berita Minggu*, Kuala Lumpur, 26 Mac 1972 dan M.A. Fawzi, *Sejarah Rengas Batu Pahat: 1880-1917*, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1972, passim. sm.s.
9. Loc.cit., (Berita Minggu).
10. Op.cit., ms. 65.
11. Lain-lain tokoh yang pernah dianugerahkan gelaran *Pendita* (PBJ-Pendita Bahasa Johor) atau Proffesor ialah Datuk Hj Abdullah Abd. Rahman dan R.O. Winstedt.
12. Dikutip oleh Drs. Li Chuan Siu, op.cit, '89 dari Za'ba, 'Recent Malay Literature', *JMBRAS*, Jil. XIX Bahagian I, Februari 1941, hal. 16.
13. Drs. Li Chuan Siu, Ibid, ms. 90.



***Budaya Kedah Darul Aman dan Pengaruhnya Terhadap Umat Islam Di Wilayah Perbatasan Bahagian Selatan Thailand**

Oleh

*Drs. Suntad Sareming
(Nuruddin bin Idris)*

PENDAHULUAN

HUBUNGAN Kedah Darul Aman dengan umat Islam yang ada di wilayah-wilayah perbatasan selatan Thailand, seperti wilayah Satul, Songkhla, Yala, Narathiwat (Bang Nara) dan Pattani, merupakan suatu hal yang tidak dapat dilupakan oleh sejarah negara-negara yang ada di sekitar Semenanjung Malaysia. Demikian pula pada masa moden ini, pertemuan budaya dari masing-masing bangsa dan negara selalu terpadu, makin dikenal secara meluas. Dalam pembahasan ini akan utarakan secara ringkas tentang peranan budaya Kedah Darul Aman, iaitu mengenai persoalan, "sejauh manakah pengaruh budaya Kedah Darul Aman terhadap umat Islam di wilayah-wilayah perbatasan selatan Thailand?"

Ada beberapa faktor yang membawa kepada umat Islam di kawasan lima wilayah tersebut terpengaruh oleh

* Dikemukakan dalam *Himpunan Budayawan Malaysia '90 di Alor Setar, 17 - 18 November, 1990*

budaya Kedah Darul Aman khususnya dan budaya Malaysia umumnya. Secara garis besar mereka terpengaruh kerana tiga faktor utama, iaitu faktor historis-geografis, faktor pendidikan dan faktor sosial. Dari faktor-faktor tersebut budaya Kedah dapat mempengaruhi mereka, khususnya bagi orang-orang muslim (sebahagian) rumpun Melayu yang tersebar di sekitar wilayah perbatasan.

FAKTOR HISTORIS

Kerajaan-kerajaan Melayu sejak dahulu memiliki kebudayaannya hampir sama, seperti Kerajaan Pattani, Kerajaan Terengganu, Kedah dan Perlis yang berdaulat sampai abad ke 7M. Kemudian kedaulatannya jatuh di bawah penaklukan kekuasaan kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang Pulau Sumatera bahagian selatan (abad 7 - 11M). Selanjutnya berada di bawah kekuasaan kerajaan Nakhon Sri Thamrach (abad 11-14M).

Setelah Nakhon Sri Thamrach bersatu dengan kerajaan Sukho-Thai di masa Baginda Raja Ramkhamhaeng pada tahun 1381M, dua belas kerajaan kecil di bawah penaklukannya juga ikut bergabung dengan Sukho-Thai termasuk kerajaan-kerajaan Melayu Kedah, Pahang, Kelantan, Pattani, Taluban dan Phathalung atau Songkhla sekarang (masa Sultan Sulaiman yang berasal dari Jawa).

Di masa Dinasti Ayuthaya, kerajaan-kerajaan tersebut (kecuali Songkhla) dianggap sebagai kerajaan yang berada di luar daerah kerajaan Siam, kerana mereka berlainan rumpun, bahasa dan budaya.

Di masa Dinasti Rattana Kosin (Chakree), pada tahun 1808M. Praya Chakree Raja pertama dinasti ini, menyerahkan kuasa kepada wakilnya yang memerintah Songkhla untuk memerintah 7 kerajaan Melayu di sebelah pantai timur, iaitu negeri Pattani, Jamu (Yaring), To' Jung (Nongcik), Kabu (Raman), Yeengor (Rangae'), Taluban

(Saiburi) dan Yala. Pada tahun 1824M. Raja ketiga, Baginda memisahkan negeri di pantai barat, iaitu Satul yang ada dalam kekuasaan Kedah kepada Songkhla, sedangkan Kedah diserahkan kepada kerajaan Nakhon Sri Thamrach atau Legor.

Hubungan langsung antara Songkhla dengan Kedah pada awalnya tidak banyak seperti hubungannya dengan 7 negeri yang ada di pantai bahagian timur, hal ini dikeranakan oleh dua alasan utama, pertama kerana Kedah adalah kerajaan Melayu yang ada di bawah pemerintahan Nakhon Sri Thamrach, kedua kerana kedudukan geografi Kedah yang berada di pantai bahagian barat sangat menyulitkan untuk mengadakan perhubungan dari Songkhla yang ada di pantai bahagian timur.

Pada tahun 1862M pemerintahan pusat Siam melihat bahawa membangun jalan raya sebagai jalur perhubungan antara Songkhla-Kedah adalah sangat diperlukan. Maka Baginda memerintah supaya Songkhla membangun jalan raya tersebut. Jalan ini adalah jalan pertama yang melintasi Semenanjung dari timur ke barat. Setelah terbangunnya jalan ini hubungan antara pemerintah Songkhla dengan Kedah makin meningkat, demikian antara penduduknya, Songkhla menjadi suatu wilayah pusat perhubungan darat dan laut yang ada di pantai timur. Perhubungan sosial, politik, ekonomi dan pendidikan antara penduduk muslim di perbatasan tetap berjalan seterusnya, walaupun pada masa Chulalongkon, iaitu pada tahun 1909M, negeri Kedah (bersama Kelantan, Terengganu dan Perlis) Siam menyerahkan kepada Inggeris yang menguasai Malaya menurut perjanjian 1908M. Perhubungan tetap terjalin sampai Malaya merdeka dan terus hingga masa kini.

Melihat kedudukan geografi Kedah Darul Aman, memang berbatasan dengan wilayah Yala dan Songkhla sahaja. Tetapi secara historisnya sangat erat hubungannya dengan wilayah Satul, Narathiwat dan Pattani.

Perasaan senasib di masa yang lampau, kemudian dipisahkan oleh permainan politik masih tetap bersema-di dalam sanubari sebahagian penduduk di sekitar lima wilayah perbatasan selatan Thai. Dalam tempoh lebih dari 200 tahun mereka dianggap sebagai warganegara Thai, tetapi usaha asimilasi untuk menutupi bisikan nurani ini pada kenyataannya belum dapat dibenteraskan sepenuhnya oleh Kerajaan Thai. Mereka masih mengidentitas dirinya sebagai orang Melayu beragama Islam. Mereka mengambil suatu sikap yang identik antara Melayu dan Islam, dan sikap ini selalu mereka membudayakan.

Berhubungan dengan sikap tersebut di atas masih menjadi sikap yang dapat hidup subur di Malaysia umumnya dan di Kedah pada khususnya, adalah suatu kekuatan yang cukup berperanan yang selalu membi-sik nuraninya untuk mendapatkan ketenangan hidup la-hir batin di bawah tamadun budaya Kedah Darul Aman.

FAKTOR PENDIDIKAN

Dengan pendidikan, setiap bangsa dan negara dapat mengisi dan menanam benih budaya bangsa dan ne-garanya. Pendidikan akademik dan madrasah atau ma'had yang diselenggarakan oleh negeri dan rakyat Kedah Darul Aman telah banyak berperanan dalam membentuk ke-peribadian orang-orang muslim di sekitar lima wilayah perbatasan selatan Thai, iaitu bagi mereka yang men-datangi untuk mencari ilmu pengetahuan di negeri Kedah.

Para pelajar yang datang belajar di Kedah Darul Aman ada dua golongan, iaitu yang datang mengikuti keluarga yang sudah tetap bertempat tinggal di Kedah dan satu golongan lainnya adalah mereka yang datang sebagai pelajar yang merantau untuk mencari ilmu mengisi dirinya.

Golongan pertama, iaitu mereka yang datang belajar di Kedah kerana mengikuti keluarganya yang sudah te-

tap bertempat tinggal di Kedah Darul Aman (warga-negara). Sebab apakah yang mendorong keluarga si pelajar untuk bertempat tinggal secara tetap di Kedah? Sistem pendidikan yang bagaimanakah para pelajar ikut mengambil bahagian sebagai pilihannya?

Sebahagian umat Islam di wilayah perbatasan yang hijrah masuk dan bertempat tinggal secara tetap di daerah Kedah Darul Aman umumnya disebabkan oleh faktor sosial, terutama sosial-politik dan sosial ekonomi. Hal ini akan diungkapkan lebih lanjut dalam pembahasan selanjutnya, iaitu dalam masalah faktor sosial. Adapun mengenai sistem pendidikan yang diambil bahagian oleh para pelajar dari sana kebanyakannya memilih sekolah bidang akademik atau sekolah pendidikan umum.

Jika ditinjau dari segi status kerakyatannya, para pelajar golongan ini terdiri dari dua kelompok. Pertama adalah mereka yang sudah berstatus kerakyatan Malaysia. Kedua adalah mereka yang masih berstatus kerakyatan Thai.

Dari perbezaan status yang demikian, sudah barang tentu budaya bangsa Kedah dan Malaysia umumnya dapat berperanan dalam membentuk sikap keperibadian di antara mereka dengan hasil yang berbeza-beza pula.

Bagi kelompok pertama yang berstatus kerakyatan Kedah dan sekaligus berstatus kerakyatan Malaysia, sedikit-tidaknya sebahagian dari hidupnya (lebih kurang) telah menyerah dan menyerahkan dirinya kepada proses pembudayaan ke-Malaysiaan dan ke-Kedahan secara maksima. Kecenderungan masa depan mereka adalah sebagai rakyat Malaysia.

Bagi kelompok kedua, iaitu mereka yang datang belajar dengan status kerakyatan Thai, pada umumnya belajar di madrasah atau ma'had. Sebagai perantau yang hanya demi pendidikan, kelompok ini identik dengan golongan kedua.

Golongan kedua, mereka yang datang hanya untuk

belajar di Kedah, kebanyakannya belajar agama Islam di madrasah atau ma'had. Khususnya bagi pelajar yang berada di sekitar wilayah Satul dan Songkhla (ada juga dari Nakhon Sri Thamrach, Krabi, Pathalung dan Surathani). Di wilayah-wilayah tersebut sangat kurang tempat belajar agama dan alim ulama, tidak seperti wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat yang banyak madrasah atau pondok-pondok dan alim ulama tersebar di setiap pelusuk wilayah. Orang tua (ayah dan ibu) mereka menghantarkan putranya untuk belajar di Kedah dengan penuh harapan, bahawa di masa depan nanti, setiba kembali anaknya di tanahair, dia mampu melaksanakan tugas, menyinari syi'ar Islam kepada kaum kerabat dan masyarakat tempat lahirnya. Dan hal ini sudah menjadi kenyataan, bahawa sudah ada bekas pelajar kelulusan Kedah pulang mendirikan sekolah agama di sekitar kampung halaman mereka.


Corak atau jenis budaya yang harus melibatkan diri selama belajar, baik yang di dalam sekolah mahupun dari masyarakat, adalah bahasa Melayu, adat Melayu, karya cipta dan selera dalam kehidupan. Dengan demikian terlambanglah sinaran pengaruh budaya Kedah melalui faktor pendidikan, seperti mereka fasih dalam berbahasa, mengikut beberapa adat seperti cara per-tunangan dan perkahwinan, pakaian, senang karya cipta dan selera hidup kemelayuan.

FAKTOR SOSIAL EKONOMI

Sumbangan Kedah terhadap umat Islam perbatasan selatan Siam, melalui sektor ekonominya cukup banyak, terutama bagi mereka yang tergolong golongan ekonomi lemah.

Golongan sosial ditinjau dari segi kehidupan ekonomi, secara garis besarnya terdiri dari tiga golongan. Iaitu golongan ekonomi tinggi, sedang dan rendah. Adapun jum-

lah dari golongan masing-masingnya, tidak seimbang. Orang yang ekonomi rendah sangat banyak jumlahnya, yang ekonomi sedang ada jumlah tidak begitu banyak, sedangkan bagi ekonomi tinggi hanya ada beberapa orang yang dapat dihitung dengan sepuluh jari.



Gambar piramid menunjukkan jumlah masing-masing golongan ekonomi muslim di perbatasan Thai

Peranan Kedah dalam memberikan sumbangan bagi mereka yang ekonomi rendah adalah memberi kesempatan untuk datang bekerja di Kedah. Mereka bekerja sebagai buruh, ada yang bekerja di sawah padi, ada yang bekerja di kebun kelapa sawit, ada yang menoreh getah.

Adapun yang menjadi tenaga kerja lain, seperti jadi pembantu rumah tangga, dan pekerja di rumah makan. Golongan ini, selain dari mereka rendah ekonominya, juga rendah pendidikannya. Golongan ini datang dari berbagai daerah.

Berhubungan dengan kehadirannya sebagai tenaga kerja yang harus menghadapi dengan tuan atau pengawalnya, maka menjadi suatu kewajiban bagi mereka, agar berusaha menyesuaikan dirinya dalam berbahasa dan beradab yang baik dan mulia. Selain harus menyesuaikan

kan diri dengan yang berurusannya, mereka juga tidak dapat mengelak dari masyarakat. Dengan demikian tergambarlah, bahawa dengan peranan memberi sumbangan untuk mereka, di samping itu budaya Kedah berpengaruh di atas dirinya.

Golongan ekonomi sedang, yang selalu masuk-keluar dari Kedah umumnya orang-orang yang berniaga. Kunci perniagaan terletak pada daya komunikasi. Untuk itu para pedagang harus berusaha menyesuaikan diri dengan bahasa pasar agar dalam berkomunikasi mudah tangkap dan memahami. Wawasan perhubungan golongan ini lebih luas dari golongan pertama, tuntutan kejelasan lebih tinggi daripada kelompok tenaga kerja.


Golongan ketiga, iaitu yang ekonominya tinggi tapi ikut mengambil bahagian dalam perniagaan ke Kedah sama sikapnya dengan kelompok kedua tadi.

Bagi golongan kedua ada yang masuk mengadakan perusahaan secara menetap di Kedah, terutama usaha rumah makan atau restoran. Usaha ini membutuhkan pelayanan yang istimewa. Maka bahasa dan akhlak yang baik dan mulia sangat diperlukan. Para pekerja harus usaha semaksima mungkin. Penyesuaian harus disesuaikan dengan keadaan setempat, iaitu keadaan ke Kedahan dan kemelayuan. Disinilah objek pancaran budaya Kedah, yang dapat menyumbang usaha restoran menjadi maju dan berjaya dan itulah salah satu pengaruh budaya bagi golongan ini.

Demikianlah di antara beberapa faktor yang menjadi saranan membawa pengaruh budaya Kedah Darul Aman kepada penduduk muslim di wilayah perbatasan bahagian selatan Kerajaan Thailand.

Daftar Perpustakaan

- Sangob, Songmuang. *Kaan Phathana Hua Muang Songkhla Samai Ratana Kosin lae Thonburi*: Sri Nakharin Tara Wirod University, Songkhla, 2513.
- Thantiwess, Nathana. *Muang Prathaesurus Khong Siam Nai Samai Karung Ratanana Kosin*: Karom Silapakoon, 2528.
- Wattananikkon, Ananta. *Parawat Muang Langkasuka-Muang Pattani Mitsayaam*, Karungthep, 2530.
- Ponto Ampan Na Phathalung lae Khana. *Prawatsas Trakun Sultan Sulaiman, Sai Sakun Sultan Sulaiman*, Karungthape, 2530.
- Karasuang Mahad Thai. *Prawatmahadthai Suan Phumiphak Changwat Pattani*, Karasuang Mahadthai, Karungtape, 2528.



*Nilai Estetika Dalam Ghazal Dan Kempelingan

Oleh Mohd Zamri Sabran

PENDAHULUAN

KERTAS kerja ini cuba meninjau nilai-nilai estetika yang terdapat dalam ghazal dan kempelingan. Kedua-dua permainan atau kesenian ini masih mendapat tempat atau masih popular dalam masyarakat Melayu Johor. Seni ghazal telah mula berkembang atau dihidupkan lebih 90 tahun yang lalu, manakala "kempelingan" yang begitu popular dalam masyarakat Jawa mula bertapak di daerah Batu Pahat dalam tahun 1924.

Apabila kita berbicara tentang nilai estetika dalam seni ghazal dan kempelingan sebenarnya kita cuba melihat tentang keindahan dan perasaan yang berkaitan dengan dua jenis kesenian tersebut. Nilai estetika dan perasaan estetika ataupun keindahan dalam dua kesenian itu bukan hanya tertumpu kepada ciri-ciri yang menyenangkan, mengasyikan semata-mata, tetapi juga menekankan tentang falsafah seni itu sendiri. Apakah aspek-aspek yang dianggap ada nilai estetika atau aspek-aspek yang mengandungi ciri-ciri kein-

* *Dibentangkan pada Tema Puisi Zon Selatan di Port Dickson Negeri Sembilan pada 2-3 Julai, 1994*

dahan, atau yang menyenangkan dalam permainan ghazal dan kempelingan?

LATARBELAKANG SENI MUZIK GHAZAL

Mengikuti kajian, seni muzik ghazal bertapak di Johor adalah hasil ilham wayang bangsawan Parsi. Wayang bangsawan Parsi telah berkembang di Johor sejak akhir abad ke 19.

Wayang bangsawan Parsi ini merupakan salah satu hiburan kepada masyarakat Melayu Johor. Sungguhpun senikata lagu dalam persembahan bangsawan itu masih menggunakan bahasa Hindustan, ianya benar-benar telah mempengaruhi seni muzik Melayu ketika itu. Pemuzik Melayu telah cuba mengubahsuai senikata lagu tersebut ke dalam bahasa Melayu tanpa mencacatkan irama Hindustan. Hasil kombinasi daripada pantun-pantun dan irama-irama dari alat-alat muzik yang digunakan maka wujudlah seni muzik ghazal yang telah menjadi kesenian masyarakat Melayu Johor sekarang ini. Pada peringkat awal seni ghazal diperkenalkan, kumpulan ghazal hanya menggunakan empat alat muzik sahaja iaitu Serangga, Tabla (Tambar India), Harmonium dan Sitar.

Setelah seni ghazal ini mula berkembang, beberapa jenis alat tadi ditukar seperti gambus menggantikan sitar manakala gitar menggantikan serangga. Dalam tahun 1902 alat-alat muzik tadi ditambah dengan Dol (Tambur India) dan biola. Untuk menambahkan keseronokan bermain ghazal beberapa alat lagi digunakan seperti tambrin, marakas, kecapi, mandolin dan juga seruling.

NILAI ESTETIKA DALAM SENI GHAZAL

Apabila kita mendengar atau menonton persembahan ghazal sudah pasti kita akan menikmati irama

atau melodi yang dimainkan. Susunan rentak ghazal yang tersendiri dengan irama yang harmoni walaupun alat-alat yang dimainkan mempunyai tugas masing-masing. Umpamanya harmonium dan biola mengiringi lagu penuh manakala tabla (drums) berfungsi untuk menentukan rentak atau lenggok sesuatu ghazal tersebut.

Ditinjau dari aspek senikata lagu, didapati lagu-lagu ghazal dicipta begitu simbolik, mengandungi maksud menguji ketajaman fikiran dan perasaan serta menceritakan sejarah setempat. Senikata lagu disusun mengemukakan ciri-ciri pantun yang merupakan salah satu genre sastera Melayu tradisi.

Nilai-nilai estetika ataupun keindahan dapat dirasakan dalam setiap senikata lagu ghazal yang dipersembahkan. Peminat-peminat ghazal pasti merasa tenang, terhibur bila mendengar lagu-lagu ghazal. Sungguhpun lagu Seri Mersing dicipta oleh Pak Lomak dalam tahun 1924, senikata lagu masih kekal hingga ke hari ini dan selalu dimainkan oleh beberapa pasukan ghazal di Johor.

Lagu Seri Mersing walaupun berbentuk pantun/syair tetapi membawa maksud yang begitu mendalam kepada penciptanya. Walaupun penyanyi/pencipta lagu itu merasa runsing, kecewa mengenangkan nasib diri, pencipta menyelitkan pujian terhadap alam semulajadi.

Contohnya:

Seri Mersing

*Seri Mersing lagulah Melayu
dikarang oleh biduan dahulu
hatiku runsing bertambahlah pilu
mengenangkan nasib dagang piatu*

*Pantai Mersing sudahlah masyur
pantai bersih sudah terpuji*

*hatiku rungsing dapatlah kuhibur
hatiku patah jiwaku terkubur.*

Keindahan pantai Mersing pantai yang masyur dan pantai bersih sejak tahun 1924. Gambaran tentang sejarah setempat ini merupakan aspek-aspek yang ditekankan dalam kebanyakan lagu ghazal Johor. Selain lagu Seri Mersing, banyak lagi lagu-lagu ghazal yang membawa kisah tentang nasib diri, kerinduan, kekecewaan seperti lagu Kuala Deli, Seri Siatan, Seri Sarawak, Siti Payong dan lain-lain lagi.

Selain daripada keindahan melodi dan senikata lagu, keistimewaan lagu-lagu ghazal yang dimainkan tidak ditulis dalam nota-nota muzik. Ini menyebabkan banyak lagu yang dicipta itu telah digubah dalam beberapa gaya yang tidak mengikut keaslian lagu-lagu asalnya.

Satu lagi yang menarik dalam persembahan ghazal ialah cara persembahan sesebuah pasukan ghazal. Biasanya ghazal dimainkan di waktu malam seperti di majlis-majlis perkahwinan sebagai hiburan. Para pemain muzik duduk bersila dengan berpakaian baju kurung untuk menunjukkan amalan budaya Melayu.

LATARBELAKANG KEMPELINGAN

Kempelingan mengambil sempena nama alat muzik tradisional Jawa iaitu kempelingan merupakan permainan tradisional masyarakat Jawa terutama di kawasan Batu Pahat. Permainan ini dikategorikan dalam kumpulan muzik tradisional jenis kulit seperti kumpang.

Menurut beberapa tokoh kempelingan, kempelingan di Batu Pahat masih mengekalkan nama-nama tempat di Jawa terutama dari aspek bentuk persembahan kempelingan. Dalam permainan kempelingan, sekumpulan ahli kempelingan akan membaca berzanji sambil memukul alat kempelingan dengan bacaan rentak Jawa.

Marhaban yang disembahkan juga mengikut rentak Jawa.

Dari segi sejarah di tanah Jawa, kempelingen dicipta oleh seorang tokoh agama (kiyai) dengan tujuan untuk berdakwah menyebarkan Islam kepada masyarakat Jawa. Melalui perkumpulan kempelingen itu kiyai dapat mengumpulkan penduduk kampung untuk mengikuti ceramah agama, berzanji, bersalawat diiringi dengan pukulan gendang kempelingen. Cara bacaan rawi/berzanji dicipta-ubahsuai dengan rentak atau irama Jawa.

Kempelingen tersebar ke Johor iaitu di daerah Batu Pahat pada tahun 1924 oleh seorang tokoh kempelingen di Jawa. Kemudian permainan kempelingen ini berkembang di seluruh negeri Johor iaitu kawasan-kawasan yang ramai masyarakat Jawa. Di Batu Pahat, permainan kempelingen ini ada kaitan dengan kegemaran orang-orang Jawa yang disebut "melek-melekan". Melek-melek bermaksud berjaga malam dalam sesuatu majlis seperti majlis kenduri, menyambut kelahiran bayi dan sebagainya. Untuk mengisi masa berjaga-jaga (melek-melek) masyarakat Jawa cuba menghidupkan kempelingen. Seseengah kampung mempunyai dua atau tiga perkumpulan kempelingen.

NILAI ESTETIKA DALAM KEMPELINGAN

Bagi ahli-ahli perkumpulan kempelingen mereka begitu seronok dan gembira bila bermain kempelingen. Rentak muzik atau irama yang terhasil daripada enam jenis atau rentak pukulan gendang, ngaron, kempelingen I, kempelingen II, kempol dan jidur begitu jelas koordinasinya mengiring berzanji yang disampaikan.

Keistimewaan kempelingen ini ianya memainkan rentak yang tersendiri mengiringi lagu-lagu yang dinyanyikan secara bergilir-gilir secara solo dan diiringi oleh

suara latar. Lebih menyeronokkan lagi bila mereka menyanyi sambil memukul gendang. Lagu-lagu yang disampaikan dalam bahasa Arab yang diambil dari kitab berzanji tetapi rentak bacaan adalah rentak Jawa.

Kempelingan dianggap dapat memberi ketenangan, gembira dan seronok sebagai sumber hiburan tetapi menekankan unsur-unsur agama. Setiap lagu akan dimulakan dengan salawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Selain daripada bacaan berzanji, ahli-ahli kempelingan juga menyampaikan marhaban. Marhaban walaupun disampaikan dalam bahasa Arab, rentak kempelingan dan marhaban mengikut rentak Jawa. Persembahan lebih menarik atau indah jika marhaban disampaikan dengan suara yang baik. Perasaan seronok dan gembira jelas kelihatan di kalangan ahli kempelingan ketika membuat persembahan. Segala kepenatan di siang hari sebagai petani luput sebaliknya suara mereka begitu bertenaga semasa menyampaikan lagu-lagu kempelingan.

Selain daripada untuk berhibur, bergembira melalui kempelingan, salah satu tujuan kempelingan ditubuhkan ialah untuk perpaduan. Semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh ahli kumpulan akan membina kumpulan yang kukuh. Anak-anak muda telah diasuh sambil meneruskan aktiviti-aktiviti kempelingan.

Di atas tadi telah dibincangkan tentang nilai-nilai estetika yang terdapat dalam seni ghazal dan kempelingan. Permainan ghazal lebih bermotif hiburan manakala kempelingan di samping untuk berhibur ianya juga bermotif keagamaan iaitu memberi sanjungan kepada perjuangan Rasulullah s.a.w. dan kesucian agama Islam. Bagaimanapun kedua-dua kesenian tersebut kurang mendapat perhatian golongan muda yang mana di setengah-tengah tempat di Johor yang tinggal hanya alat-alat kempelingan sahaja.

RUJUKAN

1. Malaysia In History, Volume XIV Number 1, Oktober 1971, m.s. 24.
2. Masakini 'The Contemporary Journal of Art and Literature, No. 5/1985, USM.
3. Berita Harian Disember 1984.
4. Temuramah dengan Wak Kasni - Ketua Kumpulan Kempelingan Parit Lahiran Maimun, Batu Pahat.
5. Perkembangan Lagu-Lagu Ghazal Melayu, Johor oleh Drs. Ungku Zaman Tahir, Jurnal PPI Bil. 11/1989.



*Pertapakan Dan Penyebaran Islam Di Negeri Kedah

Oleh
Wan Shamsudin Mohd. Yusof

WALAUPUN banyak teori dan pendapat yang berbeza telah diutarakan, namun sehingga kini belum ada kata pemutus bila tarikh sebenarnya agama Islam mula bertapak di Negeri Kedah. Teori mengenai sejarah bermulanya di Kedah seringkali dikaitkan dengan kenyataan sejarawan R.O. Winstedt dalam tulisannya sebelum Perang Dunia Kedua apabila ia membicarakan sejarah Kedah secara keseluruhannya.¹

Beliau sebenarnya terpengaruh dengan pendapat yang pernah disarankan oleh seorang penulis Aceh yang mendakwa Kedah menerima Islam pada tahun 1474.² Kerana akur dengan tarikh itulah maka Winstedt memetik sebuah episod dari buku 'Sejarah Melayu' karya Tun Seri Lanang yang melaporkan betapa seorang Raja Kedah (tanpa menyebut nama Raja itu) melakukan kunjungan hormat ke Istana Melaka pada zaman Sultan Mahmud Shah (1488-1511).

Pada bahagian akhir iaitu ketika Raja Kedah bermo-
hon untuk kembali ke Kedah, Tun Seri Lanang selanjut-

* Dibentang dalam Dialog Budaya Utara-Selatan di UUM, Sintok, Kedah 6 - 8 Mei, 1993

nya menulis, "Maka oleh Sultan Mahmud Shah, Raja Kedah dianugerahi persalinan dan dinobatkan sekali".³ Jika diusul kembali sejarah Kesultanan Kedah, nama Raja Kedah yang dimaksudkan oleh penulis 'Sejarah Melayu' itu ialah Sultan Mahmud Shah II (1506-1546), Sultan Kedah yang kesepuluh yang berkerajaan di Kota Siputih.⁴

Pada hemat Winstedt, Raja Kedah itu baru saja memeluk Islam. Kerana itulah pendapatnya masih dipertikaikan dan agak berat untuk diterima tentang kesahihannya. Malangnya pendapatnya masih lagi dirujuk bukan saja oleh para sarjana Barat yang lain tetapi juga oleh penulis-penulis tempatan.

Semenjak abad kesembilan Masihi lagi dikatakan sudah ramai para pedagang Islam dari Timur Tengah (Arab dan Parsi) menjalankan perniagaan mereka di pelabuhan Kedah. Ramai pula para pengembara, pelayar, ahli geografi dan pendakwah Islam berkunjung ke rantau ini dan mencatatkan ekonomi Kedah. Di kalangan mereka nama Kedah dikenali sebagai 'Kilah' atau 'Kalah'. Antara tokoh-tokoh Islam itu termasuklah Sulaiman (851 Masihi), Ibn Khurdadbeh (844-848 Masihi), Ya'aqubi (857-880 Masihi), Abu Zaid (916 Masihi), Abu Dhulaf (940 Masihi) dan Mas'udi (943 Masihi).⁵

Ibni Khurdadbeh di dalam kitabnya 'Al-Masalik Wal-Mamalik telah mencatatkan tentang negeri 'Kalah', begitu juga Abu Zaid Al-Sirafi, penyunting 'Kitab Akhbar Al-Sin Wal-Hind' menyebut 'Kalah' (Kedah) pada suatu ketika dahulu terletak di bawah pemerintahan Raja Zabej (Seriwijaya).

Dalam catatan pengembara-pengembara Islam dari Timur Tengah itu ada menyebut bahawa Kedah waktu itu kaya dengan sumber-sumber hasil bumi terutamanya bijih timah. Malah menurut S.Q. Fatimi, Kedah termasyhur dengan eksport senjata pedangnya yang

dikenali di kalangan orang-orang Arab sebagai 'Al-Sayf Al-Hindi.⁶

Mengikuti keterangan Al-Mas'udi, pada tahun 877 ada kira-kira 120,000 hingga 200,000 orang pedagang Islam dari Arab dan Parsi yang menetap di Khanfu (Canton yang kini dinamakan Guangzhou) telah berhijrah ke Alam Melayu termasuk Kedah dan Palembang kerana masa itu Khanfu dalam keadaan kacau-bilau dan tidak aman bagi pedagang-pedagang Islam disebabkan perebutan kuasa Dinasti China. Ini mengakibatkan berpindahnya pusat perdagangan mereka dari Canton ke Kedah dan negeri-negeri Melayu yang lain.⁷

Penghijrahan beramai-ramai itu sedikit sebanyak meninggalkan kesan di tempat-tempat yang dilalui oleh para pedagang dan pendakwah Islam. Sunguhpun belum banyak diketahui, tetapi sedikit sebanyak pengajaran Islam telah disebarkan di tempat-tempat itu sekadarkan belum begitu pesat.⁸ Kedah juga tidak terkecuali daripada menerima pengaruh agama yang baru ini. Kerana itu tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh Islam sebenarnya sudahpun tersebar di Kedah lebih awal daripada tarikh yang disebut oleh Winstedt seperti yang dihuraikan di awal rencana ini.

Beberapa artefak yang ditemui sebagai bahan bukti menunjukkan sudah bertapaknya pengaruh Islam di Kedah lebih awal dari tarikh yang dijangkakan. Antara lain ialah penemuan matawang perak dari Dinasti Abbasiyah zaman Khalifah Al-Mutawakkil (847-861) di samping inskripsi, seramik, tembikar dari jenis celadon berwarna hijau dan lain-lain artefak dari Timur Tengah. Kebanyakannya ditemui hasil daripada kerja-kerja carigali yang dilakukan oleh Arkeologis sejak sebelum Perang Dunia Kedua terutamanya di kawasan Lembah Bujang.

Salah satu inskripsi yang menarik ialah merupa-

kan sekeping batu yang ditemui di persekitaran dataran Gunung Jerai. Setelah sekian lama tersimpan di Muzium Taiping, kini ia dipindahkan ke Muzium Arkeologi di Lembah Bujang, Kedah. Inskripsi ini mencatatkan nama tokoh dan tarikh iaitu: "Ibni Sirdhan 21 Hijrah" (829 Masihi) dalam aksara jawi. Menurut Encik Kamaruddin Zakaria yang pernah menjadi Pengarah di Muzium tersebut, artifek ini menunjukkan adanya tokoh-tokoh Islam dari Timur Tengah atau Parsi seperti Ibni Sirdhan untuk mengembara atas tujuan mengembangkan syiar Islam di negeri ini.⁹

Sepasang batu nisan lagi yang mencatatkan aksara Arab termasuk tarikhnya iaitu "Rabiulawal 291 Hijrah (904 Masihi) telah ditemui di sebuah perkuburan lama di Kampung Tanjung Inggeris berhampiran Pekan Langgar kira-kira sembilan kilometer dari Alor Setar. Penemuan artifek ini menambahkan lagi bukti bahawa pengaruh agama Islam sudah bertapak lebih awal di kawasan tersebut.

Pada batu nisan tersebut juga terukir nama "Syeikh Abdul Qadir Ibni Husin Syah Alirah".¹⁰ Kemungkinan besar tokoh ini adalah seorang ulamak dan pendakwah dari Timur Tengah yang bertanggungjawab mengembangkan syiar Islam dan sistem pendidikan "Langgar" yang berasal dari Parsi. Seterusnya sistem itu berkembang kepada sistem pengajian Pondok.¹¹ Agak menarik juga diperkatakan di sini bahawa tempat yang bernama "Langgar" itu bukan sahaja terkenal kerana wujudnya Makam Diraja yang masih digunakan hingga sekarang,¹² tetapi juga terdapat di persekitaran pekan kecil itu kompleks pengajian agama yang berasaskan kepada Sistem Pondok.

Perhubungan Kedah dan Pasai atau Aceh juga telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan kemasukan Islam di kedah seperti juga halnya dengan pendapat yang menyatakan bahawa meluas-

nya Islam ke Tanah Melayu adalah melalui Pasai.¹³ Di dalam "Hikayat Raja-Raja Pasai" menyebutkan adanya hubungan di antara keturunan Merah Silu (Sultan Malikus-Saleh) dengan seorang Ketua Daerah bernama Megat Kedah.¹⁴ Pengaruh dan hubungan erat kedua Kerajaan Islam ini (Kedah dan Pasai) tertera pada sepasang batu nisan yang ditemui di Minye Tujuh, Aceh bertarikh 781 Hijrah (1380 Masihi). Pada nisan itu terpahat dua bait syair, sebaris daripadanya berbunyi, "Mpu hak Kedah Pasei Ma" bermaksud Raja Islam Aceh yang mangkat itu mempunyai hak kekuasaan ke atas Kedah dan juga Pasai".¹⁵

Dalam 'Hikayat Merung Mahawangsa', satu-satunya teks historiografi yang terkenal di Kedah juga tidak ketinggalan mencatatkan peristiwa yang menggambarkan betapa hubungan baik telah terjalin di antara kedua negeri itu. Dikisahkan bahawa setelah Kedah menerima Islam, Sultan Aceh mengirim dua buah kitab karya ulamak Aceh, Syeikh Nuruddin Al-Raniri iaitu 'Siratul-Mustaqim' dan 'Babun-Nikah' untuk dikaji dan dipelajari.¹⁶

Telah diperkatakan tadi bahawa pengaruh Islam sudahpun bertapak di Kedah sejak awal abad kesembilan Masihi melalui pendakwah-pendakwah Islam (Arab-Parsi). Selanjutnya wujudlah beberapa perkampungan kecil Islam di kawasan-kawasan tertentu seperti yang dibuktikan melalui penemuan inskripsi Ibnī Sirdhan (829 Masihi) dan inskripsi Syeikh Abdul Qadir Alirah (904 Masihi). Ini belum termasuk beberapa nisan purba yang masih menjadi misteri kerana belum ada kajian dan kesimpulan lengkap mengenainya.

Sepasang daripada nisan itu terletak dalam kawasan letak kereta di jeti Kuala Kedah, Alor Setar. Walaupun tidak terdapat sebarang catatan padanya tetapi masyarakat tempatan telah menyebutnya sebagai 'Kubur

Tuk Pasai' sejak ratusan tahun dahulu lagi. Sebuah pusara lagi terletak di Kampung Seberang Tuk Soh, Pinang Tunggal dalam daerah Kuala Muda di Kedah Tengah yang rata-ratanya penduduk di situ menamakannya sebagai 'Kubur Raja Bersiung'.¹⁷ Batu nisannya mirip kepada 'Nisal Minye Tujuh' di Aceh.

Batu nisan tersebut tidak mencatatkan sebarang nama orang yang meninggal tetapi yang menariknya ialah terdapat ukiran ayat suci Al-Quran dari 'Surah Al-Fath' (Kemenangan) dan beberapa ayat lainnya. Apakah pusara 'Tuk Pasai' dan pusara ini merupakan pusara seorang tokoh pahlawan atau ulamak dari kalangan pendakwah, ianya masih menjadi tanda tanya yang memerlukan kajian selanjutnya.

Dari huraian di atas, persoalannya sekarang bilakah wujudnya penerimaan Islam secara beramai-ramai atau menyeluruh iaitu bermulanya Kesultanan Kedah Darul Aman. Sehingga kini, terdapat dua sumber bertulis yang dapat menjiruskan kepada persoalan ini iaitu '*Hikayat Merong Mahawangsa*' dan '*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*'.

'Hikayat Merong Mahawangsa' walaupun tidak dapat dikesan nama penulisnya, tetapi dapat dikesan zaman ianya dikarang iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Mu'azzam Shah, Sultan Kedah yang kedua (1179-1201) seperti yang ditegaskan oleh penulisnya pada bahagian mukaddimah hikayat itu.¹⁸ Sementara buku '*Al-Tarikh Salasilah*' adalah hasil karya Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad pada tahun 1928. Beliau adalah pembesar Istana Kedah dan pernah bertugas sebagai 'Kerani Rahsia' kepada Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943). Jika dirujuk kepada salasilah keluarganya, ternyata beliau adalah berketurunan daripada Syekh Abdullah Yamani (Arab Selatan), ulamak yang mengislamkan Raja Kedah. Kerana itu,

kebanyakan fakta di dalam buku ini dapat diyakini dan dapat dipertanggungjawabkan tentang kebenarannya.

Walaupun kedua teks ini berbeza dari segi nama Raja-raja Kedah sebelum Islam, namun persamaannya tetap ada dari segi gelaran Islam dan aspek-aspek sejarah lainnya.

Kedua-dua teks tersebut mencatatkan gelaran Islam kepada Raja Kedah yang pertama memeluk Islam ialah "Sultan Mudzaffar Shah" dan ulamak atau pendakwah dari Tanah Arab yang bertanggungjawab mengislamkannya ialah "Syeikh Abdullah Yamani". *'Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah'* mempunyai kelebihan dan keistimewaan dari segi fakta kerana ia juga mencatatkan kedatangan Islam ke Kedah dan seluruh rakyat Kedah memeluk Islam berlaku dalam tahun 531 Hijrah bersamaan 1136 Masihi.

Satu hal yang perlu ditegaskan di sini ialah betapa akrabnya perhubungan antara pemerintah dengan para ulamak sejak peringkat awal lagi. Sultan yang disifatkan sebagai "Zillallahufil-'alam" atau bayangan Tuhan di dunia ini seringkali memerlukan nasihat dari para ulamaknya dalam menangani masalah dan urusan yang berkaitan dengan pentadbiran negeri di samping meluaskan lagi syiar Islam di negeri ini.¹⁹ Misalnya peranan Syeikh Abdullah, bukan saja bertindak sebagai pendakwah, malah juga sebagai penasihat utama kepada Sultan Mudzaffar Shah (1136-1179) terutama hal-hal yang berkaitan dengan pembinaan masjid dan amalan membunyikan nobat pada setiap kali masuk waktu solat.

Apabila berita Aceh hendak menyerang Kedah telah tiba ke pengetahuan Sultan Sulaiman Shah pada tahun 1619, Baginda segera mengerahkan angkatan perangnya agar bersiap sedia untuk menghadapi ancaman Aceh itu. Bagaimanapun Baginda akhirnya

bersetuju dengan nasihat Muftinya, Syarif Aznan (Dato' Seraja Imam) yang berasal dari Hejaz. Menurut Syarif Aznan, "Adapun syarat melawan musuh itu ada seratus syarat. Yang seratus itu ialah melalui ikhtiar dan harta lebih dahulu agar tidak meletus peperangan. Tetapi jika tidak dapat dielakkan barulah digunakan syarat yang satu lagi iaitu berperang hingga ke titisan darah yang akhir".²⁰

Para ulamak juga bertanggungjawab menghasilkan karya-karya keagamaan dan perundangan. Misalnya Syekh Abdullah sesudah mengislamkan Kedah, menurut Prof. Madya Dr. Mahayudin Haji Yahya dari Jabatan Sejarah di UKM, Bangi, ulamak tersebut berpindah ke Aceh pada tahun 1177. Di sana beliau dikenali sebagai "Abdullah Arif" yang menghasilkan Kitab 'Bahrul-Lahut' dalam bahasa Arab yang bercorak tasawuf. Kitab itu kemudiannya diterjemahkan ke Bahasa Melayu. Naskah asalnya masih ada tersimpan di Perpustakaan Tanah Abee (Tanah Abu), Aceh, sementara terjemahan Melayunya ditemui di Kampung Pernu, Melaka.²¹

Zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626-1651), satu lagi sejarah baru dalam bidang penulisan telah tercipta. Bagindalah pemerintah Kedah pertama yang sedar betapa pentingnya menerbitkan kitab 'Undang-Undang atau Hukum Kanun Kedah'. Pada bahagian awal teks undang-undang ini diperbuat dari zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah semayam di Naga, muafakat dengan sekelian menteri, pegawai, dan pendita membicarakan dia supaya tetap adat ini janganlah berubah-ubah.²²

Selanjutnya pada zaman Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1687) sewaktu bersemayam di Kota Palas, pada tahun dal, bulan Rabiulawal 1078 Hijrah (1667 Masihi) sebuah lagi kitab perundangan berjudul '*Tembera Dato' Seri Paduka Tuan*' telah disusun

atas perintah Baginda, diketuai oleh Syeikh Alaud-din,²³ Salah sebuah karya Ilmu Tauhid terawal yang membicarakan "Sifat Dua Puluh" telah dihasilkan di Kota Siputih pada bulan Rabiulawal 1032 Hijrah (Januari 1622) oleh "Ahmad bin Aminuddin Qadhi (Kedah)".²⁴

Kesimpulan ringkas yang dapat dikatakan di sini ialah bertapaknya pengaruh Islam di Kedah seawal-awalnya berlaku pada abad kesembilan Masihi dan secara rasmi seluruh Kedah menerima Islam ialah pada tahun 1136 Masihi. Seperti juga dengan kesan-kesan awal yang ditemui di Pahang dan Terengganu, maka dapat dikatakan bahawa Kedah juga mendahului Melaka dalam soal masuknya pengaruh Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Kita amat bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa, "Melaka bukanlah negeri yang pertama menerima Islam, tetapi ia merupakan pusat penyebaran dan pengembangan Islam yang utama di Alam Melayu".²⁵

NOTA HUJUNGAN

1. R.O. Winstedt, 'History of Kedah', dalam JMBRAS, No. 21, 1920, hal. 30-31.
2. M. Zainuddin, *Tarich Atjeh dan Nusantara*, Pustaka Iskandar Muda, Medan, Jld. 1, Cetakan 1, 1961, hal. 256.
3. W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Penerbitan Fajar Bakti, Petaling Jaya, Cetakan Kelapan, 1982, hal. 183.
4. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Edisi Jawi, Pulau Pinang, 1927, hal. 50-51.
5. Yahaya Abu Bakar, 'Kedah dan Perdagangan Tradisi Di Asia Abad Ketujuh Hingga Abad Keenam Belas Masihi', Kertas Kerja Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman, 1981 - diterbitkan kembali dengan judul Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman, Lembaga Muzium Negeri Kedah, 1991, hal. 212.
6. S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Malayan Sociological Research Institute Ltd., Singapore, 1963, hal. 212.
7. Syed Muhammad Naguib Al-Atas, *Preliminary Statement of General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969, hal. 11.
8. Pihin Orang Kaya Amar Diraja Dato' Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tersilah Brunei - Sejarah Awal Dan Perkembangan Islam*, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam, Cetakan Pertama, 1990, hal. 11.
9. Mohsien Talib, 'Tempat Penemuan Batu Bersurat Masih Jadi Misteri' dalam *Warta Darul Aman*, Alor Setar, 1989, hal. 11.
10. Prof. Wan Hussein Azmi, *Islam Di Malaysia - Kedatangan dan Perkembangan, Abad Ke-7 Hingga 20 Masihi*, Terbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hal. 143. Beliau mentranskripsi nama tokoh ini ialah "Syeikh Abdul Qadir bin Husin Syah Alam".
11. Ustaz Othman El Muhammady, 'Islam Di Rantau Melayu Dengan Penumpuan Khusus Pada Negeri Terengganu', Kertas Kerja Seminar Islam Terengganu, Julai 1992.
12. Makam ini dibina pada tahun 1113 Hijrah (1702 Masihi) oleh Tunku Ibrahim, Raja Muda Kedah yang bersemayam di Kota Limbong.
13. Tengku Luckman Sinar, S.H., *Sumbangan dan Peranan Kedah Dalam Pembinaan Tamadun Nusantara*, Kertas Kerja Himpunan Budayawan Malaysia, Anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990, hal. 3.
14. A.H. Hill, 'Hikayat Raja-Raja Pasai', JMBRAS Vol. 33, Pt. 2, 1960.
15. A.Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu 1*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Pertama, 1963, hal. 32-34.
16. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Edisi Jawi, Cetakan Batu, Kim Seik Hian Press, Penang Street, Pulau Pinang, 1316H/1898M, hal. 103.

-
17. Wan Shamsudin Mohd. Yusof, '*Raja Bersiung*', Berita Minggu, 27 Oktober 1985.
 18. *Hikayat Merong Mahawangsa*, hal. 2-3.
 19. Wan Shamsudin Mohd. Yusof, '*Sultan dan Ulama Berhubung Akrab*', dalam Warta Darul Aman, Januari 1993.
 20. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal. 61-62.
 21. Prof Madya Dr. Mahayudin Haji Yahya, '*Penyebaran Islam Di Tanah Melayu Sebelum Lahirnya Kerajaan Melayu Melaka: Sejarah Dan Implikasinya*', Kertas Kerja Majlis Polemik Sejarah Malaysia, Anjuran Arkib Nagara Malaysia, Kuala Lumpur, 4 Mei 1995, hal. 6.
 22. *Undang-Undang Kedah*, Naskhah Berlin, Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar, 1060H/1650M., hal. 16.
 23. *Undang-Undang Kedah*, hal. 18.
 24. Haji W.Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pustaka Asia Tenggara*, Jilid 2, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama, 1991, hal. 186.
 25. Dr. Shafie Abu Bakar, '*Melaka Sebagai Pusat Penyebaran dan Perkembangan Islam Di Alam Melayu*', Kertas Kerja untuk Konvensyen 'Melaka Dalam Warisan Sejarah', April, 1993.